

UNSUR DIDAKTIK DALAM TEKS *SEUNTAIAN  
NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI  
PENGKALAN DATU, KELANTAN: SATU  
PENELITIAN PENDEKATAN MORAL*

SITI NORSYAHIRA BINTI MD SABRI

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

UNSUR DIDAKTIK DALAM TEKS *SEUNTAIAN  
NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI  
PENGKALAN DATU, KELANTAN*: SATU  
PENELITIAN PENDEKATAN MORAL

SITI NORSYAHIRA BINTI MD SABRI

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

981215028264

No. Kad Pengenalan

Tarikh : 23/02/2022



Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob

Nama Penyelia

Tarikh : 28/2/2022

## PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang”, segala puji dan syukur ke hadirat Illahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, dapatlah saya menyempurnakan penyelidikan ini bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana sepanjang menjalankan kajian ini, segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul dapat diatasi dengan penuh kesabaran dan ketabahan.

Oleh itu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Mohd Firdaus bin Che Yaacob selaku penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran, nasihat dan sokongan moral dengan penuh ikhlas dan bermakna sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Semoga segala jasa dan budi baik yang yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, hidayah dan petunjuk daripada Allah SWT.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya dan keluarga tercinta yang selama ini tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga, terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan segala pertolongan, dorongan, dan sokongan moral kalian yang tidak berbelah bahagi sepanjang saya menjalankan kajian ini.


Sekian, terima kasih.

Siti Norsyahira Binti Md Sabri  
No 39 A, Kampung Nyior Chabang,  
Mukim Bohor 07000 Langkawi,  
Kedah.  
011-33068127  
[syahira.c18a0408@siswa.umk.edu.my](mailto:syahira.c18a0408@siswa.umk.edu.my)

## ISI KANDUNGAN

Bil.		Halaman
	PENGESAHAN TESIS	i
	PENGHARGAAN	ii
	ISI KANDUNGAN	iii
	SENARAI JADUAL	v
	SENARAI CARTA	vi
	SENARAI RAJAH	vii
	ABSTRAK	viii
	ABSTRACT	ix
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Batasan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Definisi Operasional	13
	1.7.1 Unsur Didaktik	13
	1.7.2 Cerita Rakyat	13
	1.7.3 Pendekatan Moral	14
1.8	Organisasi Kajian	16
1.9	Penutup	18
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTON KAJIAN LEPAS</b>	
2.1	Pengenalan	19
2.2	Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia	19
2.3	Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya Sastera	47
2.4	Penutup	59
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Kaedah Kajian	60
	3.3.1 Kaedah Kepustakaan	61
	3.3.2 Rujukan Teks atau Dokumen	61
3.4	Teori Pengkaedahan Melayu	62
3.5	Kerangka Teoritikal	71
3.6	Penutup	72
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	73
4.2	Unsur Didaktik Melalui Sifat Keberanian	73
	4.2.1 Mempertahankan Diri	74
	4.2.2 Memperjuangkan Perkara Yang Benar	77
	4.2.3 Melaksanakan Tanggungjawab	81
	4.2.4 Melindungi Raja dan Negara	84
4.3	Unsur Didaktik Melalui Sifat Baik Hati	88
	4.3.1 Belas Kasihan	88
	4.3.2 Pemaaf	95
	4.3.3 Menjaga Kebajikan Masyarakat	99
	4.3.4 Memahami Permasalahan Orang Lain	102
4.4	Unsur Didaktik Melalui Sifat Berdikari	106
	4.4.1 Melaksanakan Tanggungjawab	106
	4.4.2 Mencapai Kejayaan	110
4.5	Unsur Didaktik Melalui Sifat Hormat-Menghormati	114
	4.5.1 Menghormati Raja dan Negara	114
	4.5.2 Menghormati Orang Tua	117

4.6	Unsur Didaktik Melalui Semangat Bermasyarakat	121
4.6.1	Muafakat	121
4.6.2	Tolong- Menolong	124
4.7	Penutup	128
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	129
5.2	Rumusan	129
5.3	Implikasi	131
5.4	Cadangan	133
5.5	Penutup	135
Bibliografi		136
Biodata Penulis		143



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.5.1: Tajuk Cerita dan Jenis Cerita	9
Jadual 3.4.1: Ciri Pengkaedahan Alamiah	63
Jadual 3.4.2: Ciri Pendekatan Gunaan	64
Jadual 3.4.3: Ciri Pendekatan Moral	65
Jadual 3.4.4: Ciri Pendekatan Firasat	66
Jadual 3.4.5: Ciri Pendekatan Seni	68
Jadual 3.4.6: Ciri Pendekatan Kemasyarakatan	69
Jadual 3.4.7: Ciri Pendekatan Dakwah	70

## SENARAI CARTA

Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah  
Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

Halaman  
63  
67



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



SENARAI RAJAH

Halaman  
71

Rajah 3.5.1: Kerangka Teoritikal



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRAK

Kesusasteraan Melayu tradisional adalah sebuah karya yang telah disampaikan secara turun-temurun, disebar secara lisan, dan menggambarkan budaya atau gaya hidup sesebuah masyarakat. Masyarakat kini boleh menggunakan segala kandungan yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu ini sebagai bahan hiburan, medium moral, pendidikan dan pengajaran dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan penelitian pengkaji, masih terdapat kelompongan terhadap sorotan kajian lepas. Pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan menganalisis unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai suatu pendekatan moral. Seterusnya, pengkaji telah membataskan kepada 24 cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam teks ini, Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks dalam menghasilkan kajian ini. Pengkaji juga mengaplikasikan Pendekatan Moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989) untuk memantapkan hasil analisis kajian ini. Hasil kajian ini membuktikan bahawa unsur didaktik yang terkandung dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sememangnya dapat memperbaiki atau meningkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat.

Kata Kunci: Cerita Rakyat Melayu, Teori Pengkaedahan Melayu, Pendekatan Moral, Unsur Didaktik

Didactic Elements in Text of *A Strand of Oral Narrative at Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*: An Observation on Moral Approach

ABSTRACT

Traditional Malay literature are the representation of Malay lifestyles and it has been passed down from generation to the another orally. It is to be said that Malay folklore can be used as a part of entertainment as well as a medium to teach the people of good moral values. Based on past researches, it is to be found that nobody ever tried to research the didactics elements present in the text of *A Strand of Oral Narrative at Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. Therefore, this research has been conducted in order to identify and analyze the elements of didactics based on moral approach contained in this text. 24 Malay folklores in this text have been chosen to help achieving the objectives. A Moral Approach in Malay Methodology Theory by Hashim Awang (1989), has been applied to further enhance the analysis of this research. The result of this research was able to proven that didactics element in the text of *A Strand of Oral Narrative at Pengkalan Datu River Basin, Kelantan* can be used to help improve people's moral values.

Keywords: Malay Folklores, Malay Methodology Theory, Moral Approach, Didactic Elements

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Karya-karya sastera yang dihasilkan memaparkan maklumat, cetusan idea, amanat dan pemikiran penulisnya. Penghasilan karya tersebut telah menggambarkan matlamat dan daya pemikiran penulis tersebut yang ingin dikongsikan dengan khalayak. Syed Ali Ashraf (1989), menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan satu bentuk ilmu yang mempunyai seni yang tersendiri dan ia juga mengandungi segala aktiviti manusia secara kreatif. Sastera adalah satu bidang seni yang kreatif yang dapat dinikmati atau disampaikan melalui lisan atau tulisan. Kesusasteraan Melayu tradisional adalah sebuah karya yang menggambarkan budaya dan cara hidup sesuatu masyarakat, disebar secara lisan serta disampaikan secara turun-temurun. Naratif lisan yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu tergolong dalam prosa tradisional berbentuk naratif dan ianya merupakan satu cabang yang berkembang dengan meluas dalam kalangan masyarakat Melayu.

Naratif lisan adalah sebuah karya yang bersifat kolektif dan disebarkan dari mulut ke mulut serta diwarisi dari masyarakat terdahulu hingga sekarang. Naratif lisan merupakan satu karya sastera yang telah menunjukkan perkembangannya dalam kehidupan masyarakat Melayu (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, Naratif lisan dianggap sebagai satu simbol budaya masyarakat Melayu terdahulu dan dijadikan sebagai satu medium untuk mendidik keturunan mereka berkenaan dengan pantang larang, kepercayaan, adat, dan juga prinsip hidup. Hal ini berlaku disebabkan pada suatu masa dahulu telah munculnya seorang pencerita yang terkenal dan

dikenali sebagai penglipur lara yang telah memperkenalkan cerita-cerita ini kepada masyarakat. Cerita-cerita ini disampaikan bertujuan untuk menghiburkan khalayak pada masa dahulu disamping untuk menyampaikan pengajaran, nasihat atau berkongsi ilmu kepada khalayak. Hal ini secara tidak langsung dapat membentuk moral positif dalam sesebuah kelompok masyarakat tersebut. Seterusnya, ibu bapa terdahulu menyampaikan cerita yang berbentuk cerita binatang, mitos, lagenda, jenaka dan sebagainya bagi menegur atau menasihati anak-anak mereka secara halus. Walaupun setiap cerita yang disampaikan mempunyai unsur hiburan, namun cerita-cerita tersebut mempunyai pengajarannya yang tersendiri. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu dalam membentuk moral kanak-kanak yang positif.

Cerita rakyat merupakan antara genre yang terkandung dalam naratif lisan. Menurut Othman Puteh (1984), cerita-cerita rakyat Melayu ini kebanyakannya menggambarkan keadaan persekitaran dan budaya ketika itu. Lazimnya, cerita rakyat menggambarkan sebuah kisah yang berkenaan dengan sesuatu tempat atau asal usul tempat tersebut. Cerita rakyat dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, antaranya cerita binatang, mitos, lagenda dan sebagainya. Setiap cerita rakyat ini memiliki ciri, bentuk dan fungsi yang tersendiri. Cerita-cerita yang disampaikan ini sarat dengan nilai dan pengajaran.

Fatimah Md. Yassin (1990), berpendapat bahawa segala isi kandungan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dapat digunakan oleh masyarakat sekarang untuk dijadikan medium hiburan, pengajaran dan membentuk moral individu dalam kalangan masyarakat. Terdapat unsur pengajaran dan pendidikan moral yang terkandung di dalam cerita ini. Namun begitu, masyarakat pada masa kini kurang berminat terhadap cerita rakyat ini kerana mereka beranggapan bahawa cerita rakyat merupakan satu medium yang tidak memberi manfaat, cerita yang berbentuk rekaan

semata-mata dan sekadar hiburan kepada masyarakat. Cerita rakyat tidak seharusnya dianggap dan dilihat sebagai sumber hiburan semata-mata. Namun, ianya juga boleh dilihat sebagai sumber ilmu, gambaran sejarah budaya bangsa, wahana pendidikan dan sebagainya. Menerusi cerita-cerita tersebut masyarakat dapat memperoleh ilmu, nilai-nilai moral dan mengambil iktibar sekaligus dapat mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik.

Menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), dapat dilihat keseluruhan cerita rakyat yang terkandung di dalam buku ini yang didapati di beberapa buah kampung yang berdekatan dan bersebelahan dengan Kampung Pengkalan Datu, Kelantan kaya dengan nilai-nilai murni dan unsur didaktik yang mampu membantu dalam pembentukan moral yang positif dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, perkara tersebut telah mendorong pengkaji untuk menggunakan buku ini sebagai bahan kajian bagi pengkaji menghasilkan kajian ini. Hal ini kerana, karya ini amat sesuai untuk dilihat sebagai satu pendekatan moral kepada masyarakat kerana unsur didaktik yang diselitkan dalam cerita-cerita rakyat yang terkandung di dalam teks ini mampu membentuk keperibadian dan moral sesuatu kelompok masyarakat. Unsur didaktik dapat didefinisikan sebagai mengajar dan didaktisme membawa maksud unsur pengajaran yang terkandung di dalam sebuah karya yang menyampaikan pendidikan sama ada dari sudut etika, keagamaan dan moral. Unsur didaktik yang terdapat dalam sesebuah karya sastera boleh membawa pembaca ke arah matlamat yang diinginkannya dengan mengikuti landasan yang betul.

## 1.2 Penyataan Masalah

Setiap karya sastera yang dihasilkan mempunyai tujuannya yang tersendiri. Hal ini juga tidak lari dari tujuannya dalam menyampaikan amanat serta pengajaran kepada khalayak pembaca. Cerita rakyat merupakan satu wadah yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu terdahulu sebagai hiburan, pengajaran mahupun menyampaikan pemikiran yang terdapat di dalam cerita tersebut. Kini, dapat dilihat kajian terhadap cerita rakyat ini giat dijalankan. Para pengkaji telah merungkaikan pelbagai nilai yang dilihat menerusi cerita rakyat ini. Namun begitu, cerita rakyat yang dilihat sebagai satu medium pengajaran masih diperkotak-katikkan dalam kalangan masyarakat kini. Hal ini kerana, masyarakat kini hanya menganggap bahawa cerita rakyat ini sebagai medium hiburan semata-mata dan tidak memberi sebarang manfaat kepada mereka.

Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat beberapa kelompongan atau masalah dalam kajian lepas. Pelbagai kajian lepas berkaitan cerita rakyat yang dilihat dari pelbagai sudut pandangan telah dilakukan oleh para sarjana. Antaranya adalah pengkajian mengenai *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* yang dihasilkan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), kajian *Akal Budi Orang Melayu dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Shahirah Othman (2020), Selain itu, kajian mengenai *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan* oleh Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay (2020), kajian *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), serta pengkajian mengenai *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* oleh Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021).

Hasil penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian yang sedia ada, hanya tertumpu terhadap nilai murni, nilai moral, nilai-nilai Islam, ritual, kemasyarakatan dan sebagainya. Namun begitu, kajian tentang unsur didaktik dilihat kurang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam karya sastera. Pengkaji turut mendapati bahawa masih belum ada kajian tentang unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini. Oleh itu, kajian ini dilakukan oleh pengkaji bagi memberikan pendedahan berkenaan unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan lebih terperinci kepada khalayak pembaca. Pengkajian ini memberi tumpuan terhadap unsur didaktik yang terdapat dalam teks ini yang dapat memberi manfaat kepada pembaca. Menerusi teks tersebut, dapat dilihat banyak pengajaran moral yang dimuatkan untuk dijadikan iktibar, panduan dan teladan kepada masyarakat pada masa kini atau generasi yang akan datang. Unsur didaktik ini dapat membantu dalam membentuk keperibadian dan tingkah laku masyarakat yang lebih baik. Di samping itu, teks ini turut dilihat sebagai suatu pendekatan moral. Hal ini kerana teks ini dilihat dapat meningkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat.



### 1.3 Persoalan Kajian

1.3.1 Apakah unsur didaktik dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*?

1.3.2 Bagaimanakah unsur didaktik dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dilihat sebagai suatu pendekatan moral?



#### 1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengenal pasti unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

1.4.2 Menganalisis unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai suatu pendekatan moral.



### 1.5 Batasan Kajian

Pengkaji telah memilih teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam menghasilkan kajian ini. Pemilihan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* kerana buku ini mengandungi kesemua cerita rakyat yang terdapat di beberapa buah kampung yang berdekatan dan bersebelahan dengan Kampung Pengkalan Datu. Buku ini telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2021 dan mempunyai 120 halaman bercetak.

Cerita-cerita rakyat yang terkandung di dalam buku ini mempunyai pelbagai variasi dan ianya sarat dengan nilai moral serta pengajaran. Sehubungan dengan itu, ianya dapat mendidik dan membantu dalam pembentukan sahsiah yang lebih baik dalam kalangan masyarakat. Cerita-cerita rakyat yang disampaikan seperti cerita asal usul, cerita tokoh dan cerita binatang mampu menarik minat pembaca untuk mengetahui dengan lebih mendalam perihal cerita-cerita tersebut. Unsur didaktik yang terkandung di dalam cerita-cerita ini juga menarik perhatian pembaca untuk memahaminya. Hal ini membolehkan pembaca mengambil iktibar, amanat dan teladan daripada cerita tersebut. Unsur pengajaran dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita menerusi teks ini wajar diterapkan dalam kehidupan setiap manusia supaya dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun tinggi dan berbudi pekerti. Oleh itu, bagi menganalisis unsur didaktik yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini, terdapat 24 buah cerita rakyat yang telah digariskan oleh pengkaji seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Tajuk Cerita	Jenis Cerita
1.	<i>Asal Usul Datu</i>	Cerita Asal Usul
2.	<i>Asal Usul Kampung Babong</i>	Cerita Asal Usul
3.	<i>Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu</i>	Cerita Asal Usul
4.	<i>Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu</i>	Cerita Asal Usul
5.	<i>Simbolik Rebana</i>	Cerita Asal Usul
6.	<i>Musibah di Kampung Pulau Gajah</i>	Cerita Asal Usul
7.	<i>Keasyikan Suara Buluh Perindu</i>	Cerita Asal Usul
8.	<i>Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik</i>	Cerita Asal Usul
9.	<i>Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas</i>	Cerita Asal Usul
10.	<i>Kepesatan Pengkalan Parit</i>	Cerita Asal Usul
11.	<i>Disorok Jin</i>	Cerita Mistik
12.	<i>Milik Siapakah Saka Itu?</i>	Cerita Mistik
13.	<i>Berpuakakah Pengkalan Parit?</i>	Cerita Mistik
14.	<i>Tok Perindu</i>	Cerita Tokoh
15.	<i>Haji Long Abdul Rahman</i>	Cerita Tokoh
16.	<i>Kehebatan Laksamana Laut</i>	Cerita Tokoh
17.	<i>Tengku Mahmud Muhiyuddin</i>	Cerita Tokoh
18.	<i>Bidan Tok Haji Esah</i>	Cerita Tokoh
19.	<i>Tok karim Guru Silat Masyhur</i>	Cerita Tokoh
20.	<i>Nurani Che Him Dalam Masyarakat</i>	Cerita Tokoh
21.	<i>Tentera Bergajah</i>	Cerita Tokoh
22.	<i>Kezaliman Seorang Raja</i>	Cerita Tokoh
23.	<i>Raja Sakti Pemerintah Berwibawa</i>	Cerita Tokoh
24.	<i>Nik Mat Keturunan Raja Banjar</i>	Cerita Tokoh

Jadual 1.5.1: Tajuk Cerita dan Jenis Cerita

Pengkaji membataskan cerita-cerita rakyat ini kerana pengkaji ingin memberi fokus terhadap unsur didaktik yang ditonjolkan melalui sifat watak-watak yang terkandung menerusi cerita-cerita tersebut.

Rentetan daripada itu, pengkaji juga melihat unsur didaktik dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sebagai suatu pendekatan moral. Bagi menganalisis pengkajian ini, pengkaji telah menerapkan Pendekatan Moral seperti yang didapati dalam teori yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, teori ini dikatakan tergolong dalam teori berlandas atau *grounded theory* di mana ianya terbentuk dari hasil penyelidikan yang bersifat kualitatif. Pengkaji juga membataskan penggunaan teori ini sebagai landasan kajian yang mana pengkaji hanya menggunakan satu pendekatan iaitu Pendekatan Moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan ini dilihat bersesuaian dengan penggunaan watak-watak yang mengamalkan nilai-nilai positif yang terpancar dalam cerita rakyat tersebut. Menerusi Pendekatan Moral juga, sesebuah karya sastera tersebut dilihat sebagai alat untuk meningkatkan atau memperbaiki nilai moral dalam satu kelompok masyarakat.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan pengkajian yang dilaksanakan oleh pengkaji, terdapat banyak manfaat yang mampu diperolehi. Hasil daripada kajian yang dilaksanakan ini dilihat memberi banyak manfaat kepada kepada pengkaji, insititusi pendidikan dan juga kepada masyarakat.

Apabila menjalankan kajian ini, terdapat unsur didaktik yang terkandung dalam teks ini yang dapat memberikan satu impak yang besar kepada pengkaji sendiri. Unsur didaktik seperti melaksanakan tanggungjawab, mempertahankan diri, melindungi raja dan juga negara ini telah memberi kesedaran dan membuka minda pengkaji akan kepentingan pengamalan nilai-nilai moral dalam kehidupan agar dapat memperbaiki keperibadian dan memupuk moral positif dalam diri, sekaligus dapat menjalani kehidupan yang aman dan harmoni. Melalui kajian yang dilakukan terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini juga dapat membantu pengkaji menelusuri dengan lebih mendalam tentang unsur didaktik yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat Melayu menerusi teks ini. Penekanan unsur didaktik dalam kehidupan juga dapat melahirkan seseorang yang bermoral dan mempunyai akhlak yang baik.

Di samping itu, kajian ini juga dilihat mampu memberikan satu impak yang besar terhadap institusi pendidikan. Seperti yang kita sedia maklum, unsur didaktik dapat dijadikan sebagai satu medium pendidikan dan pengajaran terhadap golongan muda khususnya kepada golongan pelajar di sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi. Pendedahan mengenai unsur didaktik melalui cerita-cerita rakyat ini dapat disebarkan dengan lebih meluas lagi jika ianya diaplikasikan dalam sukatan pelajaran di setiap institusi pendidikan. Menerusi kajian ini, para penyelidik atau pendidik dapat menjadikannya sebagai sumber rujukan atau kajian lanjutan dalam membentuk

keperibadian masyarakat berdasarkan unsur didaktik yang telah ditekankan di dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini. Hal ini sekaligus dapat menarik minat generasi muda untuk mengkaji berkenaan cerita-cerita rakyat Melayu ini dan merungkaikan lebih banyak pengajaran yang terkandung dalam cerita-cerita tersebut. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat ini dapat diangkat ke peringkat yang lebih tinggi dan diperkenalkan kepada seluruh masyarakat di dunia. Pengaplikasian unsur didaktik dalam pembelajaran dapat membentuk sahsiah diri masyarakat yang lebih baik.

Akhir sekali, pengkajian ini turut dilihat penting terhadap masyarakat kerana ianya dapat menerapkan unsur pengajaran dalam golongan masyarakat dan membantu meningkatkan moral masyarakat dalam menjalani kehidupan berkomuniti yang aman dan sejahtera. Menerusi unsur pengajaran yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat Melayu, khususnya yang terkandung dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini membolehkan masyarakat berfikir dengan lebih mendalam dan membuat satu tindakan atau keputusan yang tepat apabila melakukan sesuatu perkara. Pengkajian ini turut membolehkan masyarakat menerokai dan mempelajari dengan lebih meluas mengenai cerita rakyat ini. Oleh itu, hal ini secara tidak langsung masyarakat merasakan diri mereka mempunyai hubungan yang erat dengan gambaran kehidupan cerita rakyat yang sebenar. Masyarakat turut dapat memperolehi pengajaran yang disampaikan menerusi cerita rakyat ini. Unsur didaktik yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat ini dapat membantu dalam pembentukan moral masyarakat yang lebih baik.

## 1.7 Definisi Operasional

Berdasarkan tajuk kajian, terdapat beberapa istilah yang akan dijelaskan dengan lebih terperinci. Hal ini dapat membantu pengkaji dan pembaca untuk memberi gambaran konsep yang lebih tepat dan jelas. Istilah-istilah tersebut adalah unsur didaktik, cerita rakyat dan Pendekatan Moral.

### 1.7.1 Unsur Didaktik

Menurut Beckson Karl & Ganz Arthur (1960), unsur didaktik yang terkandung dalam karya sastera adalah bersifat pengajaran yang mampu mendorong khalayak ke arah matlamat sosial, politik, pendidikan atau sebagainya. Selain itu, menurut pandangan Asmah Haji Omar (1987), didaktik merupakan bahasa yang memperlihatkan unsur pendidikan dan pengajaran dari perspektif agama, etika mahupun moral. Seterusnya, berdasarkan pandangan Uthaya Shankar S.B (1998), unsur didaktik merupakan satu pengajaran atau unsur moral yang cuba disampaikan oleh pengarang dengan kreatif menerusi tema, persoalan, watak dan jalan cerita karya tersebut. Oleh itu, berdasarkan pendapat tokoh-tokoh di atas, unsur didaktik dapat dirumuskan sebagai satu iktibar atau pengajaran yang cuba disampaikan oleh pengarang mengikut daya kreativiti dan pemikirannya kepada khalayak pembaca. Unsur didaktik yang disampaikan dilihat mampu membentuk tingkah laku dan keperibadian moral seseorang insan yang lebih baik.

### 1.7.2 Cerita Rakyat

Cerita rakyat merujuk kepada cerita yang disampaikan daripada masyarakat terdahulu melalui lisan iaitu melalui mulut ke mulut dan telah diperturunkan secara turun-temurun. Menurut pandangan Othman Puteh (1984), kebanyakan cerita-cerita rakyat Melayu menggambarkan budaya dan keadaan persekitaran pada ketika itu.



Kebiasaannya cerita rakyat menceritakan mengenai peristiwa dan asal usul di sesuatu tempat tersebut. Selain itu, menurut Hashim Awang (1985), cerita rakyat merupakan suatu kisah berkenaan perjuangan, kisah cinta, atau sebagainya yang telah lama berlaku dan dijadikan pelajaran atau pengajaran pada masa akan datang. Seterusnya, Mohd Taib Osman (1990), pula berpendapat bahawa cerita rakyat adalah sebahagian daripada kesusasteraan dan ia menjadi milik masyarakat Melayu yang disampaikan dari turun-temurun. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat ini dapat dirumuskan sebagai cerita yang disampaikan secara lisan dan dianggap sebagai satu warisan tradisi di mana ia diperturunkan secara turun-temurun untuk dijadikan sebagai pelajaran dan pengajaran dalam kehidupan. Hal ini jelas membuktikan bahawa cerita rakyat telah disampaikan dengan meluas sehingga ke hari ini dan mengandungi pelbagai pengajaran dan nilai yang dapat diambil iktibar oleh pembaca.

### 1.7.3 Pendekatan Moral

Atar Semi (1984), berpendapat bahawa Pendekatan Moral adalah didasari dari pemikiran yang beranggapan bahawa sesebuah karya sastera itu merupakan satu medium yang dapat memberi kesan yang mendalam terhadap pembentukan keperibadian dan moral sesebuah masyarakat. Selain itu, menurut Hashim Awang (1997), Pendekatan Gunaan menjadi dasar kepada Pendekatan Moral yang mana sastera merupakan objek alam atau ciptaan manusia. Namun, Pendekatan Moral memperlihatkan bahawa sastera bukan lagi objek atau alat yang memberikan kegunaan namun ianya merupakan satu kejadian yang mempunyai pengalaman manusia di mana ia mengandungi pengalaman hidup yang dapat memberi pengajaran. Seterusnya, Hashim Awang (2002), juga berpendapat bahawa Pendekatan Moral merupakan sebuah pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka. Oleh

itu, berdasarkan pendapat tokoh-tokoh tersebut, Pendekatan Moral dapat dirumuskan sebagai pendekatan yang memperlihatkan karya sastra sebagai satu kejadian atau medium yang bersifat pengalaman manusia dan mampu memberi pengajaran kepada khalayak. Karya sastra dianggap dapat menyampaikan pelbagai ilmu pengetahuan, nasihat dan panduan kepada khalayak. Hal ini telah menyebabkan sastra dikaji dan dinilai fungsinya kerana ianya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan dan pengajaran yang dapat memberi manfaat terhadap golongan masyarakat.

## 1.8 Organisasi Kajian

Penulisan kajian ini dibahagikan kepada lima bab bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

### Bab Satu

Bab ini menjelaskan tentang pengenalan kepada tajuk kajian yang dilakukan. Hal ini meliputi penerangan kepada cerita rakyat, unsur didaktik dan Pendekatan Moral dengan lebih lanjut. Selain itu, pernyataan masalah turut dikemukakan oleh pengkaji berserta persoalan dan objektif kajian yang mendorong pengkaji untuk menghasilkan kajian penyelidikan ini. Seterusnya, bab ini turut menyatakan batasan kajian yang telah digunakan oleh pengkaji iaitu teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan Pendekatan Moral dalam menghasilkan kajian ini. Di samping itu, kepentingan penghasilan kajian ini turut dinyatakan di dalam bab ini. Akhir sekali, definisi operasional juga dinyatakan dalam bab ini bagi menjelaskan konsep unsur didaktik, cerita rakyat, dan Pendekatan Moral dengan lebih terperinci.

### Bab Dua

Bab ini telah membahaskan tentang sorotan kajian lepas yang telah digunakan oleh pengkaji sebagai sumber rujukan. Pengkaji telah memilih beberapa pengkajian lepas dan bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian. Semua kajian berkaitan cerita rakyat serta Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai landasan kepada pengkaji dalam menghasilkan pengkajian ini.

### Bab Tiga

Bab ini menjelaskan berkenaan metodologi atau kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam penghasilan kajian. Pengkaji menghuraikan mengenai kaedah-kaedah kajian yang digunakan bagi proses pengumpulan serta penganalisan data yang berkenaan dengan kajian ini. Hal ini bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan jelas dan tepat dalam menghasilkan kajian ini sekaligus menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian ini dengan lebih baik. Sumber rujukan teks utama yang digunakan adalah teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Manakala teori yang digunakan oleh pengkaji adalah teori yang digagaskan oleh Hashim Awang iaitu Teori Pengkaedahan Melayu

### Bab Empat

Seterusnya, bab ini memuatkan hasil dapatan kajian. Dapatan kajian dihuraikan berlandaskan pemerhatian dan analisis teks yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji dapat mengenal pasti unsur didaktik dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan juga dapat melihat teks ini dari sudut Pendekatan Moral seperti yang terkandung dalam teori yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989) iaitu Teori Pengkaedahan Melayu.

### Bab Lima

Bab ini merangkumi rumusan atau penutup dalam kajian ini. Pengkaji menghuraikan kesimpulan secara keseluruhan berdasarkan apa yang telah diperoleh di dalam dapatan kajian dan analisis teks tersebut secara menyeluruh di dalam bab ini. Pengkaji turut mengemukakan cadangan dan implikasi daripada kajian ini.

## 1.9 Penutup

Kesimpulannya, kajian dihasilkan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur didaktik dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang juga dilihat sebagai suatu pendekatan moral. Cerita rakyat adalah sebuah karya yang disebar dari mulut ke mulut dan ianya dianggap sebagai satu warisan yang tidak ternilai yang diperturunkan secara turun-temurun. Selain itu, cerita rakyat ini turut dapat menggambarkan budaya, kepercayaan dan kehidupan masyarakat setempat terdahulu kepada generasi masa kini. Oleh itu, segala cerita rakyat yang terkandung dalam naratif lisan ini wajar dipertahankan dan disebar dengan lebih meluas kepada masyarakat masa kini agar ianya tidak dimamah usia. Masyarakat kini boleh menjadikan cerita-cerita rakyat ini sebagai satu medium hiburan, pengajaran atau pendidikan bagi membentuk keperibadian diri ke arah yang positif.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

### 2.1 Pengenalan

Pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas bagi mengenal pasti masalah atau kelompongan kajian sebelum ini. Pengkaji telah melakukan beberapa tinjauan lepas terhadap beberapa pengkajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji lepas berkenaan dengan cerita rakyat dan Teori Pengkaedahan Melayu. Perbincangan di dalam bab ini akan diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu pengkajian cerita rakyat di Malaysia dan pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya sastera.

### 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015), menerusi kajian *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* membahaskan bahawa cerita rakyat Melayu bersifat universal, mempunyai nilai jati diri yang dapat dibentuk secara moral dan berakhlak mulia terhadap golongan masyarakat terutamanya masyarakat tradisional dari dahulu hingga kini. Pengkajian ini dijalankan berikutan cerita rakyat Melayu yang semakin hilang dalam masyarakat Melayu akibat kesan pengaruh teknologi moden kini. Pengkajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai-nilai jati diri yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Kaedah kajian yang bersifat kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks telah digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul dan menganalisis data. Selain tu, terdapat beberapa cerita rakyat Melayu yang telah diselenggara oleh Othman Puteh dan Aripin Said dipilih oleh pengkaji untuk menghasilkan kajian ini. Seterusnya, bagi

mengukuhkan lagi analisis perbincangan kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan landasan Teori Ekologi Budaya atau adaptasi alam. Teori ini berpendapat bahawa faktor persekitaran mempunyai pengaruh yang paling penting dalam membentuk budaya sesuatu kumpulan manusia. Hasil kajian telah memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu jelas memperlihatkan nilai-nilai identiti atau budaya Melayu, seperti bekerjasama, berhemah tinggi, berani, kerajinan, kasih sayang dan rasional.

Menerusi pengkajian yang dilakukan oleh Siti Zuhaidah Zakeria (2015), iaitu *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar* telah membahaskan mengenai gaya penyampaian cerita rakyat Melayu yang terpilih untuk kanak-kanak yang telah dikeluarkan oleh penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka menerusi *Majalah Dewan Pelajar*. Kini, kita dapat melihat lambakan penulis dalam penulisan buku kanak-kanak di negara ini. Hal ini kerana sebahagian daripada mereka masih belum dapat menguasai teknik penulisan yang kreatif dan baik. Oleh itu, kajian ini dihasilkan untuk memberi panduan kepada pengarang dalam menulis sastera kanak-kanak. Pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis gaya penyampaian cerita kanak-kanak dalam *Majalah Dewan Pelajar* terbitan DBP. Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks, di samping mengaplikasikan Teori Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak sebagai asas dalam pengkajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa kanak-kanak lebih gemar bahan bacaan yang berbentuk ringan tetapi menghiburkan. Kajian ini turut memperlihatkan penggunaan cerita rakyat sebagai bahan pengajaran dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca bahan bacaan sastera ini.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), iaitu *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* telah memberi fokus terhadap nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu menerusi teks *Seuntai Himpunan 366 Cerita*

*Rakyat Malaysia*. Pengkajian ini dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kelompongan dalam kajian mengenai nilai-nilai murni menerusi cerita rakyat. Pengkaji telah menghasilkan pengkajian ini bagi merumuskan dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu menerusi teks *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013). Kaedah kualitatif digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul data berkenaan kajian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji turut mengaplikasikan empat konsep yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara seperti penjanaan emosi, minda, rohani dan jasmani. Dapatan pengkajian jelas memperlihatkan bahawa terdapat enam belas nilai murni yang menjadi landasan dalam mengetengahkan adat budaya orang Melayu. Hal ini telah memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu mempunyai banyak nilai murni serta nilai budaya masyarakat Melayu yang mana ia menjadi satu tonggak masyarakat Melayu dan kemudiannya dijadikan sebagai medium yang membantu dalam pembentukan budaya yang baik terhadap masyarakat.

Minah Sintian (2015), dalam kajiannya iaitu *Personaliti Ibu Bapa dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun* melihat cerita rakyat sebagai warisan yang bernilai kepada sesuatu bangsa di mana ia bukan sahaja dilihat sebagai kisah yang memberi hiburan semata-mata bahkan mengandungi nilai-nilai moral dan unsur didikan. Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian ini masih belum dilakukan oleh mana-mana para pengkaji. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti personaliti ibu bapa menerusi teks cerita rakyat dan menghuraikan faktor mereka berperwatakan sedemikian. Pengkaji telah menggunakan Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Teori Psikoanalisis Sigmund Freud bagi meneliti personaliti ibu bapa menerusi beberapa cerita rakyat Kadazan Dusun. Kaedah kajian ini bersifat kualitatif yang merangkumi kaedah analisis teks *Manuskrip Himpunan Cerita Rakyat Kadazan Dusun* dan kajian kepustakaan. Dapatan pengkajian membuktikan bahawa watak ibu bapa yang terdapat dalam teks



berikut memiliki perwatakan yang cenderung mengalami tahap kebimbangan dan emosi yang tinggi. Faktor kemiskinan adalah penyebab utama berlakunya personaliti berikut.

Ezzah' Afifah Nasrudin & Che Ibrahim Saleh (2015), dalam kajian *Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara* telah menjelaskan bahawa cerita lipur lara adalah salah satu cerita rakyat Melayu yang mempunyai unsur khayalan dan selalu menggambarkan kisah pengembaraan seorang putera dan puteri raja. Kelompongan pada kajian yang lepas, telah menyebabkan pengkaji menghasilkan kajian ini. Kajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti, menganalisis, dan menghuraikan aspek pemikiran yang terkandung dalam cerita lipur lara. Kaedah kajian yang berpandukan kajian kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan teks digunakan bagi menganalisis kajian. Terdapat beberapa buah cerita lipur lara yang telah dibataskan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Antaranya adalah *Hikayat Raja Muda*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Malim Dewa*, dan *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Pendekatan Sosiologi diaplikasikan kerana ianya dapat menjelaskan tujuan serta maksud di sebalik cerita tersebut. Hasil kajian telah memperlihatkan pemikiran Melayu yang terkandung di dalam cerita lipur lara berikut seperti pemikiran tentang kepemimpinan dan sosiopolitik, budi dan moral, kepahlawanan serta agama dan sosioekonomi.

Kajian Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016), iaitu *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* telah berfokuskan mengenai aspek nilai-nilai murni yang digambarkan dalam cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, nilai murni seperti baik hati dilihat memainkan peranan yang penting dan menjadi satu wadah perantaraan bagi mendidik dan membentuk keperibadian masyarakat Melayu. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kelompongan

atau masalah dalam kajian lepas. Objektif kajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah membataskan beberapa buah cerita rakyat, iaitu *Isteri Yang Bongkak*, *Tuan Puteri Si Helang Bakau*, *Raja Kuyuk* dan *Bismillah* seperti yang terdapat dalam teks *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat*. Seterusnya, pengkaji menjalankan kajian dengan berpandukan kaedah kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks serta Teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis kajian ini dengan lebih mendalam. Hasil pengkajian ini memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu tersebut sarat dengan nilai baik hati di mana ianya dapat dilihat melalui sifat pemurah, pemaaf, belas kasihan dan bertimbang rasa. Penerapan nilai murni dalam kehidupan mampu mewujudkan kehidupan masyarakat yang lebih harmoni dan sempurna.

Mohd Fahmi Ismail (2016), dalam kajiannya iaitu *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia* memfokuskan terhadap nilai budaya yang tergambar dalam cerita rakyat milik Orang Asli Temiar ini, agar dapat memperlihatkan keistimewaan dan keunikan budaya mereka. Hasil daripada penelitian, pengkaji mendapati bahawa masih tiada kajian tentang cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini dilakukan. Hal ini telah mendorong pengkaji menghasilkan kajian ini. Tujuan pengkajian ini dihasilkan adalah untuk mendokumentasikan cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai budaya menerusi cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Penggunaan kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan telah dipilih oleh pengkaji bagi menganalisis kajian. Selain itu, pengaplikasian kerangka nilai budaya turut dilakukan untuk menganalisis cerita rakyat yang dikaji. Hasil kajian ini membuktikan 11 nilai budaya yang dipegang oleh masyarakat Orang Asli Temiar. Pengamalan nilai budaya yang berterusan dan

mampan dalam kehidupan akan memberi kesan yang tersurat dan tersirat kepada diri dan masyarakat kini.

Selain itu, dalam kajian Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), iaitu *Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19* menyentuh tentang kepentingan pengurusan konflik yang semakin memperlihatkan perkembangannya secara dinamik selari dengan perkembangan manusia yang terdapat dalam cerita rakyat di Nusantara pada abad ke-19. Pengkaji mendapati bahawa masih belum ada pengkaji yang melakukan kajian ini. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menghuraikan pengurusan konflik yang terdapat dalam “Kitab Pembatjaan” yang dihasilkan oleh Soetan Padoeka. Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks bagi menganalisis kajian. Pengkaji juga membataskan kepada beberapa buah cerita rakyat daripada sudut pandangan kanak-kanak bagi membincangkan pengurusan konflik. Hasil daripada pengkajian ini telah memperlihatkan bahawa pada abad ke-19, cerita rakyat di Nusantara menggambarkan sesebuah peradaban dan ketamadunan yang kukuh serta masyarakat yang bijak menyelesaikan sesuatu permasalahan.

Abd. Rahim, Normaliza, Abdul halim, Hazlina Mamat, Roslina Mansor & Nor Shahila (2016), dalam kajian mereka yang bertajuk *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea* mengenai pandangan pelajar menerusi cerita rakyat Melayu. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompongan pada kajian yang lepas. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan membahaskan pandangan pelajar berkenaan cerita rakyat Melayu. 20 orang pelajar lelaki dan perempuan dari Hankuk University of Foreign Studies, Korea dijadikan sebagai subjek sampel pengkajian ini. Kajian ini dihasilkan dengan berpandukan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Pengkaji telah membataskan kepada tiga buah cerita rakyat dan pengkaji turut

melakukan temu bual bagi mendapatkan kefahaman mereka terhadap cerita tersebut. Temu bual ini akan dianalisis berdasarkan analisis wacana yang digagaskan oleh Brown & Yule (1983). Hasil pengkajian membuktikan bahawa pelajar telah membuat andaian, implikasi, dan rujukan menerusi ujaran mengenai cerita tersebut. Seterusnya, pelajar juga dilihat menggemari cerita rakyat tersebut berikutan jalan cerita yang menarik dan memudahkan pelajar untuk memahaminya.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2016), menerusi kajiannya iaitu *Cadangan Memartabat Cerita Rakyat* oleh telah membincangkan tentang kepentingan cerita rakyat sebagai alat pendidikan kepada masyarakat di peringkat antrabangsa. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompongan dalam kajian lepas. Bagi mengangkat cerita rakyat Melayu ini dalam kalangan masyarakat setempat, terdapat beberapa cadangan telah digariskan di dalam kajian ini. Pihak yang berwajib juga perlu mengambil langkah yang proaktif untuk memartabatkan cerita rakyat Melayu sebagai salah satu bahan bacaan yang terkenal dalam kalangan masyarakat terutamanya kepada golongan kanak-kanak. Hal ini kerana, masyarakat dapat mengambil pengajaran atau iktibar berdasarkan nilai-nilai murni dan amanat yang terpancar menerusi cerita rakyat ini. Ia secara tidak langsung dapat membentuk keperibadian dan moral masyarakat yang positif. Kaedah kajian ini bersifat kualitatif. Hasil kajian ini telah memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu ini merupakan satu medium pendidikan yang bernilai tinggi dan wajar memartabatkannya kerana nilai-nilai murni yang ditonjolkan menerusi cerita-cerita rakyat tersebut dapat membentuk moral dan keperibadian masyarakat yang lebih baik.

Seterusnya, kajian mengenai cerita rakyat ini terus diperjuangkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016), menerusi kajiannya yang bertajuk *Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat*.

Kajian ini telah membincangkan mengenai impak cerminan seni budaya berfikir dan akal budi dalam kalangan masyarakat Melayu ke arah kemajuan teknologi multimedia menerusi cerita rakyat Melayu. Kajian ini dilakukan kerana pengkaji ingin memberi fokus terhadap peranan masyarakat untuk berfikir secara rasional dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu ke dalam bentuk teknologi multimedia. Sehubungan dengan itu, pengkajian ini dihasilkan bagi menganalisis seni budaya berfikir dan akal budi masyarakat Melayu bagi memartabatkan cerita rakyat Melayu ke dalam bentuk teknologi multimedia di Malaysia. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian yang bersifat kualitatif bagi memantapkan analisis kajian. Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa selari dengan pembangunan teknologi multimedia masa kini, cerita rakyat Melayu ini wajar diperkenalkan dan diangkat dengan lebih tinggi agar ia dapat diperluaskan dan diinovasikan dengan lebih berkesan.

Hasil kajian oleh Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Muhamad Affendi (2016), iaitu *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak*. Dalam kajian ini, pengkaji telah memperlihatkan peranan penting cerita rakyat sebagai cerminan budaya sesebuah masyarakat. Elemen budaya seperti kepercayaan dan peraturan masih diamalkan daripada masyarakat terdahulu hingga sekarang. Namun begitu, pengkaji mendapati nilai kebudayaan ini dilihat semakin menghilang ekoran daripada pembangunan dan perkembangan teknologi dan pendidikan. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis kelangsungan unsur budaya melalui cerita rakyat kanak-kanak yang dilihat masih kekal dalam kalangan masyarakat Melayu. Pengkajian ini telah menggunakan kaedah kajian yang bersifat kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Pengkaji telah membataskan pengkajian ini terhadap teks yang diselenggara oleh Aripin Said dan Othman Puteh iaitu *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Menerusi teks ini, pengkaji hanya berfokuskan terhadap cerita rakyat

masyarakat Melayu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian telah memperlihatkan bahawa seni budaya ekspresif, perubahan dan kepercayaan merupakan tiga elemen budaya yang masih lagi dipegang dan dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Pantai Timur.

Selain itu, kajian Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017), iaitu *Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu* telah menggambarkan bahawa nilai-nilai murni yang diterapkan di dalam cerita rakyat Melayu mampu mendidik masyarakat Melayu. Permasalahan pengkajian ini dijalankan kerana cerita rakyat mempunyai kekuatan dari segi jalan ceritanya yang mampu menarik minat khalayak atau pembaca untuk membaca dan memahaminya serta ianya sarat dengan nilai-nilai murni yang mampu membantu dalam pembentukan moral masyarakat Melayu ke arah yang lebih positif. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti, menganalisis nilai keadilan dan kasih sayang yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam dapatan kajian ini. Kaedah kualitatif iaitu kaedah sorotan pembacaan telah digunakan oleh pengkaji bagi membolehkan pengkaji menerokai nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu menerusi teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Antara cerita rakyat Melayu yang dikaji melalui nilai kasih sayang ialah *Puteri Pucuk Ketumpang*, *Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Nakhoda Haloba*. Manakala nilai keadilan pula ialah *Puteri Kelapa Gading*, *Awang selamat* serta *Kacang dan Telur Ayam*. Seterusnya, Teori Pengkaedahan Melayu juga digunakan bagi mengukuhkan lagi hasil kajian ini. Hasil pengkajian ini telah memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu memiliki nilai-nilai murni yang sinonim dengan masyarakat Melayu seperti nilai kasih sayang dan nilai keadilan. Hal ini dapat memberi pengajaran dan didikan kepada masyarakat.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017), iaitu *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* mengetengahkan tentang cerita rakyat Melayu sebagai satu khazanah bangsa yang padat dengan nilai moral yang dapat membentuk moral dan perilaku masyarakat yang lebih positif. Kelompongan pada kajian-kajian lepas telah membuatkan pengkaji untuk menghasilkan kajian ini. Kajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Seterusnya, pengkaji telah membataskan kepada beberapa cerita rakyat yang terdapat dalam teks yang diselenggara oleh Othman Puteh dan Aripin Said iaitu *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Antaranya *Seuncang Padi, Penjual Api Yang Lurus, Awang Yang Lurus, Raja Kuyuk dan Padi Berbuah Emas*. Kaedah Kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks telah digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Teori Pengkaedahan Melayu yang dihasilkan oleh Hashim Awang (1989) diaplikasikan bagi menganalisis kajian. Hasil kajian jelas memperlihatkan bahawa nilai murni seperti nilai kejujuran yang terdapat menerusi cerita-cerita rakyat Melayu dapat dijadikan sebagai gambaran moral yang dapat membantu dalam pembentukan moral dan tingkah laku masyarakat yang positif.

Fifi Rinyuk (2017), menerusi kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Moral dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh* telah merumuskan mengenai nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh di Daerah Serian, Sarawak. Namun begitu, kebanyakan cerita rakyat kaum Bidayuh ini tidak diperkenalkan seperti cerita-cerita rakyat kaum lain. Pengkaji menghasilkan kajian ini kerana wujudnya permasalahan berikutan mengangkat karya kesusasteraan dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat Bidayuh. Kajian ini dilakukan dengan berdasarkan tiga objektif iaitu mengklasifikasikan cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh,

menghuraikan nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh. Kajian ini telah dibataskan terhadap masyarakat kaum Bidayuh di Daerah Serian sahaja bagi memudahkan pengkaji untuk menghasilkan kajian ini. Seterusnya, kaedah kajian ini bersifat kualitatif di mana ia meliputi kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Pengkaji turut menggunakan Pendekatan Moral bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasil kajian memperlihatkan bahawa nilai-nilai moral yang ditonjolkan menerusi cerita rakyat tersebut mempunyai banyak unsur pendidikan dan pengajaran yang dapat membentuk masyarakat untuk menjadi insan yang lebih baik.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017), iaitu *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said dan Othman Puteh* telah memperlihatkan bahawa cerita-cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* sememangnya memiliki nilai-nilai murni yang mampu menyumbang terhadap pembentukan moral serta perilaku seseorang manusia yang positif. Kajian ini dihasilkan kerana terdapat kelompongan dalam kajian lepas. Pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Selain itu, pengkaji telah menganalisis kandungan dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi menghasilkan kajian ini. Bagi memperkukuhkan lagi analisis kajian ini, pengkaji telah menggunakan penerapan FPK (Falsafah Pendidikan Kebangsaan). Menerusi kajian ini, pengkaji dapat memperjelaskan tentang penerapan konsep intelek, emosi dan rohani. Oleh hal yang demikian, hasil kajian telah memperlihatkan bahawa cerita-cerita rakyat yang terdapat menerusi teks berikut sememangnya memiliki banyak nilai-nilai murni yang mampu membantu dalam pembentukan moral dan perilaku masyarakat.



Menerusi kajian Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad (2017), iaitu *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* telah memberi fokus terhadap penggunaan cerita rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi yang dilihat sebagai satu usaha untuk mengekalkan budaya dan jati diri anak orang asli. Berdasarkan penelitian pengkaji, pengkajian ini masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi kanak-kanak Orang Asli. Satu modul pembelajaran literasi asas dibangunkan berdasarkan Model Persekolahan Rumah seperti yang dicadangkan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (2014). Pengkajian ini bersifat kualitatif dan Pendekatan Fuzzy Delphi digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pengajaran dan pembelajaran literasi asas kanak-kanak orang asli di Sabah. Dua belas pakar akademik dari pelbagai bidang, iaitu pendidikan kanak-kanak, pembelajaran bahasa, pendidikan tadika, bahasa Kadazan Dusun, dan pendidikan Orang Asli terlibat dalam kajian ini. Dapatan pengkajian ini jelas memperlihatkan bahawa cerita rakyat amat sesuai untuk dilaksanakan sebagai modul pembelajaran asas literasi khususnya kepada kanak-kanak. Oleh itu, pengkaji mencadangkan modul Pembelajaran Asas Literasi berpandukan penggunaan cerita rakyat orang asli boleh digunakan bukan sahaja untuk mengembangkan literasi asas tetapi juga sebagai usaha untuk memelihara amalan dan tradisi bercerita dalam kalangan orang asli.

Kajian oleh Atikah Mohd Noor, Shahril Nizam Sha'ri & Rohaidah Kamaruddin (2018), iaitu *Nilai Murni dalam Cerita Sang Kancil*. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita ini dilihat memberikan kesan yang besar dalam pembentukan moral masyarakat. Pengkajian ini dihasilkan kerana terdapat kelompongan dalam kajian lepas.

Pengkajian ini telah dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat *Sang Kancil* dan ianya dilihat dapat membentuk akhlak dalam kalangan generasi muda dan kanak-kanak. Penggunaan kaedah kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks telah dipilih oleh pengkaji bagi menganalisis kajian. Rentetan daripada itu, Teori Kebaikan oleh Al-Ghazali digunakan oleh pengkaji untuk memudahkan pengkaji melakukan proses penganalisan nilai murni yang terkandung dalam cerita *Sang Kancil* ini. Kesimpulannya, hasil kajian ini didapati bahawa terdapat banyak nilai murni serta pengajaran dalam cerita rakyat *Sang Kancil* yang dapat dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan. Cerita *Sang Kancil* ini dilihat sesuai untuk dibaca atau didengar oleh pelbagai golongan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018), dalam kajian *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu* telah membahaskan bahawa penjaanan intelek turut mempengaruhi cerita rakyat Melayu dalam menyumbang ke arah pembentukan moral positif dalam kalangan masyarakat. Kelompongan terhadap pengkajian lepas, telah mendorong pengkaji menghasilkan pengkajian ini. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis dan merumuskan nilai murni seperti nilai kerajinan dan rasional berdasarkan penggunaan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui konsep intelek. Bagi menghasilkan kajian ini, kaedah kepustakaan dan teks yang didapati di dalam kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji sebagai landasan untuk menganalisis kajian ini. Pengkaji telah menggunakan beberapa cerita rakyat Melayu seperti *Periuk Kera Ajaib*, *Takar Emas*, *Pengorbanan Wasiat Yang Bijaksana*, *Hakim Yang Bijaksana*, *Pak Tani Menipu Harimau*, dan *Puteri Birah Keladi* untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa melalui cerita rakyat Melayu, nilai rasional dan kerajinan dapat memperlihatkan

kewujudan intelek di mana ianya dapat dilihat pada masyarakat Melayu itu sendiri yang memiliki akal budi yang tegar dan mampu untuk meneliti dan melakukan suatu keputusan dengan tepat dan benar.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), dalam kajiannya iaitu *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* telah mengetengahkan unsur moral yang terdapat dalam naratif lisan di di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Naratif lisan merupakan satu susunan kronologi yang berasal dari komuniti, berkembang di atas sekumpulan komuniti pada suatu ketika dahulu, dan menjadi ciri khas setiap negara. Pengkajian ini dilakukan kerana penyelidik mendapati komuniti sokongan masih melihat naratif lisan sebagai satu medium yang tidak berguna dan untuk hiburan semata-mata kepada pembaca. Pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Selain itu, pengkaji telah membataskan kepada 43 naratif lisan yang diperolehi daripada informan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan sebagai data kajian dan juga 22 naratif lisan daripada teks verbatim yang lain untuk dianalisis dalam menghasilkan kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan menerapkan Pendekatan Moral, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Kemasyarakatan seperti yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam kajian ini. Hasil kajian ini jelas memperlihatkan bahawa terdapat beberapa dapatan melalui kajian yang telah dilakukan berkenaan nilai-nilai murni menerusi naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan, ini yang boleh dijadikan wahana pendidikan masyarakat setempat.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), meneruskan kajian cerita rakyat mengenai *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci*. Masyarakat Orang Asli Temiar adalah sekumpulan masyarakat yang menetap di dalam rimba dan mundur dari arus pemodenan. Biarpun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat nilai budaya yang tinggi, sastera rakyat dan pemikiran falsafah yang mulia dalam masyarakat ini. Kajian dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompongan dalam kajian lepas. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi menilai pengaruh tersirat terhadap cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Bagi mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan, pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan. Pengkaji turut menerapkan Teori Konseptual Kata bagi mengukuhkan pengkajian ini. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pengamalan nilai budaya yang kukuh dalam kehidupan seharian mampu memberi impak yang besar terhadap masyarakat setempat.

Seterusnya, hasil kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), iaitu *Gambaran Nilai Murni dalam Seuntai Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pengaplikasian Konsep Rohani* telah membincangkan mengenai nilai-nilai murni yang terdapat menerusi cerita-cerita rakyat Melayu di Malaysia. Penghasilan kajian ini adalah bagi menambah baik kajian yang sedia ada dan memenuhi kelompongan yang terdapat pada kajian-kajian lepas. Menerusi kajian ini, pengkaji telah memfokuskan terhadap nilai berdikari dan nilai keberanian yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat Melayu ini kerana ia dikatakan menjadi lambang kepada kemuliaan masyarakat Melayu terdahulu. Pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menghuraikan konsep nilai keberanian dan nilai berdikari dalam cerita-cerita rakyat Melayu di Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan adalah bersifat kualitatif yang meliputi kajian kepustakaan dan teks. Bagi menganalisis kajian ini, pengkaji telah menggunakan teks yang diselenggarakan oleh Aripin Said dan Othman Puteh (2015) iaitu *Himpunan 366 Cerita*

*Rakyat di Malaysia*. Hasil penyelidikan ini, jelas memperlihatkan bahawa dengan mengamalkan dan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri seorang manusia menerusi cerita-cerita rakyat Melayu ini, ianya mampu membawa perubahan yang positif dalam kalangan masyarakat.

Kajian oleh Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018), iaitu *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu Yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* (2015), telah membahas mengenai pemikiran masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerita rakyat. Pengkajian ini dihasilkan bagi mengisi kelompongan yang terdapat pada kajian sedia ada. Penghasilan kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan cerminan pemikiran masyarakat Melayu yang terpilih dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan kajian di mana pengkaji telah mengaplikasikan Pendekatan Moral, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Dakwah bagi mengukuhkan lagi analisis kajian ini. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa pelbagai ciri-ciri pemikiran masyarakat Melayu yang positif jelas terpancar menerusi cerita rakyat Melayu.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Adidah Abd Gani (2018), iaitu *Peranan Srikandi Melayu: Satu Penelitian Terhadap Watak-Watak Terpilih dalam Cerita Rakyat Melayu di Malaysia* telah membincangkan mengenai peranan watak Srikandi Melayu yang boleh dijadikan teladan oleh khalayak pembaca melalui perwatakan terpilih yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini telah menarik minat pengkaji bagi menghasilkan pengkajian ini. Tujuan pengkajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis peranan Srikandi Melayu terhadap watak-watak terpilih antaranya, Cik Siti Wan Kembang, Puteri Saadong, Tun Fatimah, Tun Kudu dan Tun Teja yang

terdapat dalam cerita rakyat Melayu di Malaysia. Rentetan daripada itu, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dan Teori Feminisme juga dijadikan sebagai landasan kajian bagi mengukuhkan lagi hasil analisis perbincangan. Hasil kajian jelas memperlihatkan bahawa watak srikandi Melayu mempunyai fungsi dan pengaruh yang besar kepada khalayak dan generasi akan datang sebagai tauladan dan pendidikan.

Muhammad Safwan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018), menerusi kajian *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif* telah menonjolkan nilai-nilai yang baik menerusi watak dan perwatakan dalam cerita jenaka. Kajian ini dilakukan untuk menyangkal persepsi pengkaji terdahulu yang menganggap cerita jenaka hanyalah sebuah cerita yang menunjukkan masyarakat Melayu itu bersikap lurus, jumud, tidak bertamadun dan kurang berfikir. Oleh itu, kajian ini dihasilkan untuk menganalisis perwatakan yang baik melalui watak dalam cerita jenaka misalnya menuruti perintah, berani, ringan tulang, menepati janji, dan mempertahankan hak. Selain itu, pengkaji telah membataskan kajiannya dengan merujuk empat buah cerita jenaka iaitu *Si Luncai*, *Awang Lurus*, *Pak Kaduk*, dan *Pak Pandir*. Pengkajian yang bersifat kualitatif dan Prinsip Pendekatan Psikologi Humanistik telah digunakan oleh pengkaji bagi memantapkan lagi hasil analisis perbincangan. Hasil pengkajian ini telah memperlihatkan bahawa watak-watak yang ditonjolkan dalam cerita jenaka kaya dengan perwatakan positif yang dapat dijadikan teladan kepada masyarakat.

Hazrul Mazran Rusli (2018), menerusi kajiannya yang bertajuk *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* bertujuan untuk mewujudkan satu unit karya cetakan blok kayu bersandarkan adaptasi terhadap bahan kesusasteraan rakyat Melayu iaitu cerita jenaka Melayu. Kajian dilakukan kerana terdapat kelompongan dalam kajian lepas.

Pengkaji telah memberi fokus mengenai unsur pengajaran yang terdapat dalam teks-teks jenaka tersebut. Pengkaji telah membataskan kepada tiga buah cerita jenaka selaku medium pengkajian iaitu *Si Luncai*, *Pak Pandir*, dan *Lebai Malang*. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah kajian yang bersifat kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan teks serta kajian lapangan. Pengkaji turut mengaplikasikan pendekatan Teori Adaptasi dan kaedah eksplorasi visual. Pengkaji turut menemu bual seniman dan ilmuan seni untuk mendapatkan maklumat. Hasil pengkajian jelas menunjukkan bahawa cerita jenaka tersebut sememangnya sarat dengan nilai-nilai murni dan unsur didaktik serta ianya berpotensi untuk diubah ke dalam bentuk karya seni visual.

Kajian Minah Sintian (2019), berkenaan *Nilai-Nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun*, telah memperlihatkan bahawa masyarakat Kadazandusun mempunyai banyak cerita rakyat yang berkisarkan lingkungan persekitaran mereka, termasuk hubungan manusia-manusia, hubungan manusia-haiwan, hubungan manusia-tumbuhan, dan hubungan manusia-ghaib. Pengkaji menghasilkan kajian ini bagi memberi pendedahan nilai-nilai kearifan lokal yang tergambar menerusi cerita rakyat Kadazandusun. Pengkajian ini dihasilkan untuk mengenal pasti nilai kearifan tempatan dalam cerita rakyat Kadazandusun. Kaedah perpustakaan dilakukan oleh pengkaji bagi mengumpul maklumat mengenai kajian. Pengkaji menggunakan dua buah buku cerita rakyat bagi memperolehi data mengenai nilai kearifan tempatan. Hasil kajian ini jelas memperlihatkan bahawa cerita rakyat masyarakat Kadazandusun merupakan salah satu produk budaya yang berjaya menzahirkan nilai-nilai kearifan tempatan, misalnya menjaga keharmonian antara kehidupan manusia dan alam dan sentiasa memohon doa untuk meminta perlindungan dan pertolongan daripada Tuhan.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019), dalam kajian mereka yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di*

Malaysia yang dilakukan telah memperlihatkan bagaimana perkembangan teknologi pada masa kini telah menyebabkan berlakunya transformasi terhadap pengeluaran cerita rakyat iaitu daripada bentuk bercetak kepada digital. Kajian dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa perkembangan teknologi moden yang semakin pesat telah menyebabkan cerita rakyat ini semakin dilupakan. Objektif pengkajian ini adalah untuk mengenal pasti bilangan dan bentuk cerita yang diterbitkan oleh penerbit di Malaysia menerusi buku digital, menyelidik judul cerita rakyat yang diterbitkan melalui media tersebut serta menganalisis format yang digunakan oleh penerbit yang menerbitkan cerita rakyat Malaysia melalui buku digital. Pengkajian ini akan dianalisis dengan berlandaskan kaedah kualitatif dan menggunakan Pendekatan Rekonstruksi. Hasil kajian jelas memperlihatkan, cerita rakyat di negara ini tidak berkembang dengan meluas. Sehubungan itu, langkah yang lebih proaktif harus diambil untuk memartabatkan kembali khazanah negara ini di seluruh dunia.

Selain itu, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), dilihat telah menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan*. Kajian ini telah membincangkan tentang naratif lisan yang menjadi medium pendidikan awal kepada kanak-kanak di mana ianya terkandung pengajaran berkenaan budaya dan juga adat resam masyarakat Melayu. Menerusi naratif lisan, terkandungnya akal budi yang dapat membentuk tingkah laku golongan muda pada masa sekarang untuk berfikiran waras sebelum melakukan sesuatu perkara. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian sebelum ini dilihat kurang menonjolkan aspek akal budi menerusi cerita rakyat Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terdapat dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji telah memilih beberapa buah cerita untuk menghasilkan kajian ini iaitu *Penunggu Binjai, Kerabat Diraja Memuja Pantai,*



*Kelicikkan Pahlawan Mat Kilau, Asal Usul Kampung Pintu Reng, Asal Usul Bunut Payung, Tok Guru Haji Mokhtar, Haji Tahir Orang Alim, dan Main Teri Hiburan Masyarakat.* Pengkaji turut mengaplikasikan Pendekatan Kemasyarakatan seperti yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan bagi menganalisis pengkajian ini. Seterusnya, pengkajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan lapangan untuk memperolehi data yang lebih jelas dan tepat. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat elemen akal budi dalam naratif lisan, iaitu melalui tindakan berani kerana benar, tindakan rasional, tindakan ikhlas, dan tindakan daya usaha.

Nur Shahirah Othman (2020), menerusi kajiannya iaitu *Akal Budi Orang Melayu dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membahas tentang nilai-nilai murni yang didapati menerusi cerita rakyat ini dan ianya dihasilkan melalui pengetahuan yang meluas tentang pelbagai perkara dari sudut persoalan tentang kehidupan, alam dan pengalaman manusia. Kajian ini dihasilkan kerana terdapat kelompongan dalam kajian lepas. Sehubungan dengan itu, kajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis akal budi orang Melayu dalam cerita rakyat. Tambahan lagi, pengkajian ini juga dihasilkan bagi merumus dan membincangkan penerapan Teori Pengkaedahan Melayu dalam cerita rakyat. Pengkaji telah memilih teks *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* sebagai sumber utama pengkajian ini. Pengkajian ini dilakukan dengan berlandaskan kaedah kualitatif, di samping mengaplikasikan Pengkaedahan Keagamaan dan Pengkaedahan Alamiah yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil pengkajian mendapati bahawa nilai akal budi yang murni yang terdapat dalam cerita rakyat yang telah dipilih menerusi teks *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* telah membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu mengandungi

warisan budaya yang tersendiri yang mana ianya menjadi satu penanda aras terhadap pembangunan dan kemajuan dalam kalangan masyarakat Melayu.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020), dalam kajian yang dihasilkannya iaitu *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif* telah membincangkan tentang peristiwa-peristiwa aneh yang terdapat menerusi cerita rakyat *Hikayat Nakhoda Muda*. Pengkaji mendapati bahawa pengkajian ini masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, pengkajian ini dilakukan bagi mengenal pasti peristiwa aneh yang terkandung dalam cerita rakyat *Hikayat Nakhoda Muda* dan faktor terjadinya peristiwa tersebut dalam cerita rakyat *Hikayat Nakhoda Muda*. Sehubungan dengan itu, pendekatan oleh Kempson (1986), iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS) dan pendekatan oleh Jalaluddin (2014), iaitu Semantik Inkuisitif (SI) digunakan untuk menjelaskan segala peristiwa aneh yang terkandung dalam cerita tersebut. Kaedah kajian ini bersifat kualitatif dengan membataskan kajian ini terhadap cerita rakyat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 10 peristiwa aneh dalam cerita rakyat *Hikayat Nakhoda Muda* dan penggunaan pendekatan tersebut telah membantu pengkaji menjawab segala persoalan faktor berlakunya peristiwa aneh dalam cerita ini.

Seterusnya, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), menerusi kajian *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* membincangkan tentang kandungan cerita rakyat Melayu juga mempunyai nilai-nilai Islam selain ia memaparkan gambaran terhadap corak hidup masyarakat Melayu terdahulu. Seterusnya, kelompongan yang terdapat pada kajian-kajian lepas di mana tiada lagi kajian terhadap aspek nilai Islam dalam pembentukan masyarakat Melayu dilakukan, telah mendorong pengkaji untuk menghasilkan kajian ini. Oleh itu, pengkajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai

Islam menerusi cerita rakyat Melayu dalam pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Rentetan itu, pengkaji telah membataskan kepada sembilan buah cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Pengkaji telah membataskan cerita-cerita rakyat ini iaitu *Bertukar Menjadi Batu, Bukit dan Pokok, Kalimah Bismillah, Kelekatu Sombong, Mengapa Bangau Kurus, Angsa Berbulu Emas, Setiakawan, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping dan Ditelan Yu*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Takmilah bagi mendapatkan hasil analisis yang lebih jelas dan tepat. Hasil kajian ini jelas memperlihatkan bahawa masyarakat pada suatu ketika dahulu mengaplikasikan nilai-nilai Islam menerusi cerita rakyat seperti bersyukur, merendah diri, persahabatan, taat, dan tawakal bagi membentuk sebuah masyarakat yang berakhlak dan bertamadun.

Kajian yang dilakukan oleh Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay (2020), iaitu *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan* membahas berkenaan penghasilan karya seni visual yang diadaptasi daripada kesusasteraan Melayu iaitu cerita *Si Luncai*. Pengadaptasian ini memberi perhatian mengenai elemen didaktik yang dilihat menerusi teks cerita *Si Luncai*. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Tujuan pengkajian ini adalah bagi mengenal pasti sama ada pengkarya dapat membaca, meneliti dan merungkai sesebuah karya sastera dan menterjemahkannya ke dalam bentuk imej visual. Kaedah kajian ini bersifat kualitatif. Selain itu, pengkaji juga menggabungkan kaedah penerokaan visual yang direka oleh O'Grady J. & K (2009) dengan kaedah Teori Adaptasi Desmond & Hawkes (2006) untuk menganalisis kajian ini. Hasil pengkajian mendapati bahan sastera Melayu boleh diterjemahkan semula dalam visual dan dianggap berkemampuan untuk digunakan sebagai subjek dalam menghasilkan karya seni visual.

Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020), menerusi kajian yang mengenai *Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* telah memperlihatkan pandangan yang negatif oleh masyarakat Barat seperti Frank Swettenham, Hugh Clifford, dan Stamford Raffles terhadap masyarakat Melayu. Pengkajian ini dilakukan kerana masih belum ada kajian mengenai perspektif ini dihasilkan oleh para pengkaji lepas. Pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti pandangan Barat tentang 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' dan membincangkan kebenaran perspektif berikut menerusi cerita jenaka. Oleh itu, pengkaji telah membataskan kepada empat buah cerita jenaka seperti *Pak Belalang*, *Si Luncai*, *Pak Kaduk*, dan *Pak Pandir* bagi melaksanakan pengkajian ini. Kajian ini dilaksanakan dengan berpandukan kaedah kajian yang bersifat kualitatif yang meliputi kajian kepustakaan dan teks. Dapatan pengkajian ini telah menunjukkan perspektif oleh Barat mengenai 'Melayu Malas, dan 'Melayu Bodoh' adalah tidak tepat. Ianya dapat dijelaskan melalui cerita *Si Luncai* yang diberi kelebihan untuk berinteraksi dengan alam sehingga *Si Luncai* boleh meneruskan kehidupannya. Namun begitu, pada pengakhiran sesebuah cerita jenaka telah diselitkan dengan balasan atau kelebihan untuk dijadikan sebagai pengajaran.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), menerusi kajian *Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* menggambarkan bahawa cerita lisan Melayu mempunyai hubung kait yang erat menerusi pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu. Masyarakat pada masa kini, dilihat tidak berminat terhadap cerita lisan Melayu kerana mereka beranggapan bahawa cerita-cerita lisan tersebut hanya rekaan semata-mata dan tidak memberi sebarang faedah serta tidak mengandungi nilai-nilai Islam yang mampu membantu dalam pembentukan peribadi dan akhlak dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan kepada pengkajian

yang lepas, kajian tentang cerita lisan Melayu masih belum dilakukan secara menyeluruh terutamanya mengenai nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu. Oleh itu, pengkajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu. Pengkaji telah membataskan kepada lima buah cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* iaitu *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*, *Kaca Bertukar Emas*, *Bawang Merah Bawang Putih*, *Kalimah Bismillah* dan *Raja Kuyuk*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks serta mengaplikasikan pendekatan karya dan khalayak yang terdapat dalam Teori Takmilah untuk menganalisis kajian ini. Hasil kajian menunjukkan penemuan nilai-nilai Islam, misalnya nilai pemaaf, bersyukur, taat, dan percaya kepada Allah S.W.T yang terdapat dalam cerita lisan Melayu ini

Seterusnya, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohamad Firdaus Che Yaacob (2021), meneruskan lagi pengkajian mereka yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* dan membincangkan mengenai cerita rakyat yang memiliki pelbagai nilai dan dijadikan sebagai medium hiburan dan kawalan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Pengkajian ini dilakukan bagi memperlihatkan dengan lebih jelas bahawa cerita rakyat sememangnya memiliki nilai-nilai Islam yang mampu membantu dalam pembentukan sosiobudaya dalam golongan kanak-kanak. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam menerusi cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak sebagai asas pembentukan sosiobudaya. Selain itu, bagi menghubungkan nilai-nilai Islam dengan kanak-kanak, pengkaji telah mengaplikasikan prinsip hubungan khalayak dengan karya seperti yang terdapat dalam Teori Takmilah. Seterusnya, kaedah kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan lapangan telah digunakan oleh pengkaji bagi memperolehi data dan maklumat yang diinginkan. Hasil daripada pengkajian ini telah memperlihatkan bahawa

nilai-nilai Islam yang terdapat menerusi cerita rakyat Melayu mampu membantu dalam pembentukan sosiobudaya golongan kanak-kanak yang lebih positif.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), menerusi kajiannya iaitu *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* telah membahaskan bahawa nilai ketamadunan masyarakat Melayu dilihat terserlah menerusi cerita lisan yang telah disampaikan oleh penglipur lara dan ianya sudah lama dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Melayu terdahulu sehinggalah ke hari ini. Biarpun begitu, masyarakat kini menganggap cerita rakyat ini tidak memberi sebarang manfaat dan membosankan. Sehubungan dengan itu, pengkajian ini dihasilkan bagi memberi kesedaran dan membuka minda masyarakat akan kepentingan cerita rakyat Melayu yang mempunyai nilai ketamadunan yang tinggi dalam kalangan masyarakat sebagai wahana pembentukan moral yang positif. Oleh itu, tujuan pengkajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terdapat menerusi cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Bagi melaksanakan pengkajian ini, pengkaji telah menggunakan sebuah pendekatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989) iaitu Pendekatan Moral. Di samping itu, terdapat beberapa cerita rakyat yang telah dibataskan oleh pengkaji dalam menghasilkan pengkajian ini, iaitu *Puja Berubat*, *Semangat Laut*, *Tujuh Bersaudara* dan *Sungai Ketapang*. Seterusnya, pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif sebagai landasan untuk melengkapkan kajian ini. Dapatan pengkajian ini telah menunjukkan bahawa nilai ketamadunan dapat dilihat menerusi cerita rakyat di Tumpat, Kelantan dan ianya dapat dijadikan sebagai medium dalam pembentukan jati diri masyarakat Melayu yang lebih sempurna.

Kajian Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021), yang bertajuk *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* mengaitkan cerita rakyat antara cara hidup masyarakat dengan budaya masyarakatnya seperti sistem kekeluargaan, ekonomi dan kepercayaan. Pada suatu ketika dahulu, cerita rakyat merupakan satu bahan hiburan yang penuh dengan nilai-nilai moral dan pengajaran. Namun kini, cerita rakyat semakin kurang menarik minat generasi muda ini kerana kewujudan teknologi moden. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana ingin mengisi kelompongan pengkaji-pengkaji lepas, yang mana dapat dilihat kajian-kajian lepas hanya berfokus terhadap kajian watak, perwatakan, nilai dan nilai-nilai moral. Pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menghuraikan ritual yang terdapat dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Selain itu, pengkaji telah memilih dan menggunakan Teori Fungsionalisme bagi memantapkan lagi hasil dapatan pengkajian. Pengkajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan juga kajian kerja lapangan yang mana pengkaji melakukan temu bual terhadap tukang-tukang cerita di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Dapatan pengkajian menunjukkan ritual seperti ritual mandi safar di Kampung Merchong dan ritual nyimoh pantai yang dilihat menerusi cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang memiliki kaitan yang erat dengan budaya masyarakat Melayu dan masih terdapat penduduk di kampung berkenaan yang mengamalkannya hingga sekarang.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021), dalam kajian *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu*. Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang mempunyai kepelbagaian corak budaya dan tatacara dalam kehidupan sosial. Masyarakat terdahulu sering menyampaikan teguran, sindiran dan pengajaran melalui pantun, cerita-cerita seperti berunsurkan jenaka, lagenda, mitos dan sebagainya. Cerita lisan Melayu mengandungi nilai estetikanya yang tersendiri

sebagai panduan dan tunjuk ajar. Menerusi setiap cerita rakyat yang disampaikan akan berlakunya tokoh tambah ke atas cerita tersebut mengikut situasi dan lapisan masyarakat pada ketika itu. Kajian ini dihasilkan kerana terdapat kelompongan dalam kajian lepas. Sehubungan dengan itu, pengkajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terdapat dalam cerita-cerita lisan Melayu. Pengkaji turut membataskan 12 data cerita lisan Melayu yang dipilih secara rawak berdasarkan *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* sahaja. Kaedah kualitatif yang meliputi kajian kepustakaan dan teks telah digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis kajian ini. Selain itu, pengkaji turut mengaplikasikan Teori Budaya sebagai landasan dalam melaksanakan kajian ini. Hasil daripada kajian ini telah memperlihatkan bahawa sesetengah cerita lisan Melayu mengandungi unsur spiritual, iaitu sumpahan. Unsur spiritual yang terdapat dalam cerita lisan Melayu ini dilihat mempunyai pemikiran yang kreatif dan boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat setempat.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), dalam kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* telah memberi perhatian terhadap kepentingan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan seperti rendah diri, baik hati, sedia memaafkan, murah hati, nilai bersyukur, nilai percaya kepada Allah, nilai taat dan nilai persahabatan dalam diri untuk dijadikan tauladan kepada masyarakat. Pengkajian mengenai nilai kemanusiaan dalam cerita lisan ini dilihat kurang mendapat sambutan oleh mana-mana pengkaji kerana mereka lebih memberi fokus terhadap nilai baik hati dan nilai budaya. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan bagi menganalisis nilai-nilai kemanusiaan melalui cerita lisan. Seterusnya, pengkaji telah membataskan skop kajiannya dengan meneliti 10 buah cerita rakyat daripada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* antaranya ialah *Bawang Putih Bawang Merah, Angsa Berbulu Emas, Tukang Besi dan Tukang Kayu,*



*Perahu Bunga Emas, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Bertukar Menjadi Batu, Ular dan Gurunya Buluh, Bukit dan Pokok, Raja Ruyuk, dan Wak Sino Tukang Gasing.* Pengkajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan Teori Takmilah turut diaplikasikan dalam kajian ini dengan menggunakan lima prinsip yang digariskan iaitu khalayak dengan sastera, pengkarya mengistimakan diri, ketuhanan bersifat kamal, sastera dengan ilmu serta khalayak memupuk insan kamil. Dapatan pengkajian ini telah memperlihatkan bahawa cerita lisan bukan sahaja kaya dengan nilai-nilai murni, nilai keislaman dan nilai budaya malah ianya juga sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mana ianya dapat membantu untuk membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun.

### 2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya Sastera

Pengkajian mengenai Teori Pengkaedahan Melayu boleh dilihat menerusi kajian yang dihasilkan oleh Johari Yahaya (2015), iaitu *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* telah membahaskan tentang keistimewaan yang terdapat pada pantun Melayu yang mana bahasa kiasan yang digunakan mempunyai nilai yang tinggi. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana ia masih belum dihasilkan oleh mana-mana pengkaji. Pengkajian ini dijalankan bersandarkan kepada tiga objektif, iaitu yang pertama, mengenal pasti peribahasa Melayu yang terkandung dalam teks *Pantun Peribahasa Melayu* (1968). Kedua, menganalisis berkenaan kearifan tempatan serta kemahiran dalam bidang daya cipta yang dinamik dan kreatif yang diwarisi oleh bangsa Melayu tradisional dan objektif yang terakhir adalah membincangkan mengenai nilai-nilai murni, kemelayuan, dan sosial budaya masyarakat Melayu terdahulu yang terdapat dalam pantun-pantun peribahasa. Kajian ini bersifat kualitatif dan bersandarkan teks *Pantun Peribahasa Melayu* susunan Loo Mun. Kajian ini dilaksanakan berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu gagasan Hashim Awang. Pendekatan Gunaan dan Pendekatan Moral turut diaplikasikan bagi menganalisis teks tersebut dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan analisis pantun peribahasa Melayu mempunyai persoalan, nilai moral dan tema yang menarik serta penyampaian dengan penuh tertib dan indah. Hal ini dapat dijadikan sebagai pengajaran, nasihat dan teladan dalam kehidupan seharian.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017), dalam kajian *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* membahaskan bahawa penerapan jati diri yang kukuh akan memperlihatkan budi pekerti, tatasusila dan kebijaksanaan bangsa Melayu yang telah diwarisi sejak dahulu lagi. Menerusi kajian ini, pemahaman jati diri dapat dilihat apabila penyair memahami dan menyelami resmi bangsanya terlebih dahulu dalam puisinya. Namun begitu,

penelitian pengkaji mendapati bahawa tanpa pemahaman dan penghayatan jati diri yang kukuh dan mendalam mengenai bahasa, agama dan budaya akan menyebabkan penyair gagal memaparkan keberkesanan puisi itu sendiri. Sehubungan dengan itu, objektif pengkajian ini adalah menganalisis jati diri Melayu menerusi kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Gelora Nurani* dan *Suara Gunung Kehidupan*. Seterusnya, pengkaji telah menganalisis kandungan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Hasil pengkajian ini telah membuktikan bahawa jati diri Melayu ini boleh dilihat menerusi aspek bahasa, budaya dan agama. Berdasarkan analisis menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu juga, telah membuktikan bahawa pengolahan karya secara keseluruhan dapat memaparkan elemen jati diri menerusi puisi-puisi A. Aziz Deraman.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018), dalam kajian *Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* meninjau kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* oleh Zaen Kasturi (2014). Kajian ini menggunakan beberapa pendapat berkenaan terhadap "introspeksi" atau "muhasabah diri" dalam perhubungan pemikiran Melayu sebagaimana yang diujarkan Zaen Kasturi melalui puisinya. Kajian ini dilihat masih belum dihasilkan oleh mana-mana pengkaji, dan hal ini telah mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ini. Objektif pengkajian ini terbahagi kepada tiga objektif iaitu memperlihatkan introspeksi berdasarkan keperibadian Rasulullah melalui pengaplikasian Pendekatan Dakwah. Yang kedua adalah meneliti introspeksi yang berpandukan konsep kemasyarakatan. Seterusnya, mengintrospeksi gaya pengucapan puisi pengarang melalui metafora dan diksi. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang meliputi kajian kepustakaan dan teks dalam menghasilkan kajian ini. Pandangan mengenai "introspeksi" itu diteliti dan dianalisis berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil pengkajian membuktikan keinginan Zaen Kasturi

merungkai “introspeksi” melalui puisinya dengan meliputi tiga konteks pendekatan iaitu kemasyarakatan, dakwah, dan seni.

Kajian oleh Che Abdullah Che Ya (2018), iaitu *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* membahaskan tentang kekreatifan pengarang dalam mengolah persoalan mengenai keimanan, kepercayaan dan penglibatan masyarakat Melayu dalam dunia korporat menerusi pelbagai teknik termasuk monolog, imbas kembali, dialog, perlambangan dan imbas muka. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kelompongan pada kajian lepas. Pengkajian ini dilakukan untuk meneliti sudut pandangan masyarakat Melayu terhadap kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri menerusi novel *Bedar Sukma Bisu*. Pengkaji turut ingin meneliti bagaimana karya ini mampu memberikan peranan sebagai manifestasi kehidupan masyarakat Melayu. Kaedah kualitatif telah dipilih oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Pengkaji telah membataskan kajian terhadap novel *Bedar Sukma Bisu* karya Faisal Tehrani. Selain itu, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan hujah analisis pengkajian. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa novel ini telah menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu yang mempunyai kaitan dengan alam.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018), iaitu *Sajak-Sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah* membahas tentang sajak-sajak Badaruddin H.O. iaitu salah seorang penyair terkemuka di Brunei. Kajian ini dihasilkan kerana kajian mengenai sajak-sajak Badaruddin H.O. ini masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Kajian ini dihasilkan bagi menganalisis sajak-sajak Badaruddin H.O. yang membawa tema ketuhanan. Pengkaji telah memilih beberapa sajaknya yang berjudul ketuhanan untuk dianalisis iaitu sajak yang bertajuk *Meski Rumah Mu Di*

*Akhirat, Istighfar Rejab, Ini Zat Bukan Bayangku, Episod-Episod Tsunami, Takdir Itu Begini, Di Malam Kudus Ramadan* dan sajak *Tongkat Putih*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif yang meliputi kajian kepustakaan dan teks serta mengaplikasikan Pendekatan Dakwah sebagaimana dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengukuhkan lagi hujah analisis ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak unsur dakwah yang mengagungkan kebesaran Allah SWT di dalam sajak-sajak beliau.

Kajian yang dilakukan oleh Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018), iaitu *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan* membahaskan tentang pengkajian *Manuskrip Hikayat Nabi Adam* yang mana ianya adalah sebuah teks manuskrip yang bersifat Islamik dan mengisahkan berkenaan asal-usul dan sejarah kejadian Nabi Adam. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana terdapat kelompongan dalam kajian lepas. Kajian dilakukan bagi melihat sejarah asal-usul Nabi Adam dan nilai-nilai Islam yang terdapat menerusi teks yang berpandukan al-Quran dan hadis. Pengkajian ini bersifat kualitatif yang mana pengkaji menggunakan naskhah *Hikayat Nabi Adam* sebagai sumber utama kajian. Di samping itu, pengkaji juga menerapkan Pengkaedahan Keagamaan seperti dalam Teori Pengkaedahan Melayu dalam menghasilkan kajian. Dapatan kajian telah memperlihatkan Islam yang semakin berkembang dan menjadi wadah dalam mengukuhkan nilai ketaatan dan ketakwaan seseorang manusia terhadap Allah SWT.

Hasil kajian Nurani Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019), iaitu *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita* telah melihat pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* (2015) karya Nazri Hussein. Pengkaji mendapati pengkajian mengenai pemikiran Islam telah banyak dihasilkan oleh para

sarjana terdahulu. Namun, pengkajian pemikiran Islam dalam konteks ini masih boleh dikupas secara lebih mendalam. Penghasilan kajian bertujuan untuk mengklasifikasikan dan menganalisis pemikiran Islam dari sudut sosioekonomi bagi meneliti hubungannya dengan masyarakat yang terkandung dalam enam buah cerita yang telah dipilih. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di mana pengkaji akan menganalisis kandungan teks dan pengaplikasian Pendekatan Kemasyarakatan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu bagi memantapkan lagi hasil analisis kajian. Kajian ini telah mendapati bahawa pemikiran Islam dari sudut sosioekonomi yang bersandarkan terhadap enam buah cerita yang dipilih merungkaikan mengenai persoalan pembangunan, penindasan, perbandaran, kesamarataan hak, dan kemiskinan.

Selain itu, kajian oleh Wan Kamarull Ariffin Wan Khairul Faiz (2019), iaitu *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih di dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang permasalahan dan nilai-nilai yang terdapat dalam cerpen *Bidadari Burung* dan cerpen *Moluska* ciptaan Syed Mohd Zakir. Pengkajian ini dilakukan bagi mengisi kelompongan dalam kajian-kajian yang lepas. Tujuan pengkajian dihasilkan bagi mengenal pasti dan membahaskan permasalahan yang terjadi di dalam masyarakat menerusi cerpen-cerpen terpilih. Pengkaji turut menganalisis serta mempamerkan nilai-nilai dan ajaran Islam melalui watak-watak yang terkandung di dalam cerpen-cerpen yang terpilih. Bagi melakukan analisis kandungan, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif. Seterusnya, Pendekatan Kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu turut digunakan bagi mengukuhkan hujah analisis kajian ini. Dapatan pengkajian ini, menunjukkan bahawa analisis kajian telah dihasilkan dengan lebih terperinci mengikut pandangan Islam mengenai masalah sosial yang menjadi satu gambaran terhadap masyarakat pada masa kini.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019), dalam kajiannya iaitu *Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* mengupas tentang penulisan novel yang mempunyai unsur keagamaan dapat menyampaikan ajaran Islam dengan lebih meluas sekaligus dapat mengukuhkan ketakwaan dalam diri setiap insan terhadap Allah SWT. Pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai aspek dakwah menerusi novel *Suriati* ini masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, pengkajian ini dilakukan bagi mengenal pasti elemen dakwah menerusi novel *Suriati* yang menunjukkan konflik yang berlaku dalam keluarga dan mengetengahkan tema keagamaan sebagai latar karya. Pengkaji turut memfokuskan terhadap elemen dakwah yang dapat memberi kesan dalam membentuk gaya hidup masyarakat kepada kebaikan dalam novel *Suriati* (1993) ciptaan Azizi Haji Abdullah. Pengkajian ini menggunakan novel *Suriati* (1993) ciptaan Azizi Haji Abdullah sebagai sumber data pengkaji. Selain itu, pengkaji turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Dakwah sebagai landasan pengkajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel yang mengangkat isu pergolakan masyarakat yang bersifat keagamaan ini dapat dijadikan sebagai medium yang bermanfaat bagi mengukuhkan keimanan dan ketakwaan dalam diri terhadap Allah SWT.

Menerusi kajian Naizalaila Mustapha (2019), iaitu *Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam kehidupan setiap masyarakat. Pengkajian ini menggunakan cerpen *Pulanginya Pemuja Ombak* dan *Dari Hari Ke Hari* karya Zurinah Hassan. Kajian ini dihasilkan kerana terdapat kelompongan dalam kajian lepas. Objektif pengkajian ini adalah mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam cerpen-cerpen terpilih hasil penulisan Zurinah Hassan dan menganalisis cabaran-cabaran yang terjadi menerusi cerpen-cerpen terpilih untuk

mengecapi satu matlamat. Pengkaji menganalisis kajian ini melalui penggunaan kaedah kualitatif dan Pendekatan Kemasyarakatan sebagaimana didapati menerusi Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkajian ini memperlihatkan bahawa terdapat banyak nilai-nilai kemasyarakatan yang mampu membantu ke arah pembentukan keperibadian masyarakat yang bersesuaian dengan apa yang dituntut oleh Islam itu sendiri.

Kajian oleh Wan Nurzafirah Wan Zin (2019), iaitu *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* yang telah dihasilkan membahas nilai-nilai moral dan permasalahan yang terkandung dalam cerpen A. Samad Said. Nilai moral merupakan sebahagian dari nilai yang mempengaruhi tingkah laku seseorang insan. Pengkaji menghasilkan kajian ini kerana terdapat kelompondan dalam kajian lepas. Objektif pengkajian ini adalah untuk menghuraikan permasalahan yang terdapat dalam kehidupan masyarakat menerusi cerpen *Dari Tanah Ke Tanah* dan cerpen *Saat Terakhir* serta menganalisis nilai atau unsur moral menerusi teks tersebut sebagai panduan kepada masyarakat. Kaedah kualitatif yang meliputi kajian kepustakaan dan teks digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan pengkajian ini. Pendekatan Moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu turut digunakan oleh pengkaji bagi mengukuhkan hasil kajian. Dapatan kajian jelas membuktikan bahawa cerpen *Dari Tanah Ke Tanah* dan cerpen *Saat Terakhir* sarat dengan nilai moral yang dapat membantu kepada pembentukan peribadi seseorang insan yang positif seperti keberanian, baik hati dan tolong-menolong.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019), menerusi kajian *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman dalam Novel Ayahanda* telah membincangkan cara didikan anak-anak melalui Surah Luqman sepertimana yang terkandung dalam al-Quran. Nasihat Luqman Al-Hakim kepada anak-anaknya, dapat dilihat menerusi Surah



Luqman ini. Pengkaji mendapati bahawa sudah ada kajian yang dibahaskan tentang nilai pendidikan dalam Surah Luqman. Namun begitu, berdasarkan penelitian pengkaji, kajian mengenai pendidikan anak-anak melalui Surah Luqman menerusi novel *Ayahanda* masih belum dilakukan oleh para sarjana. Objektif kajian ini adalah menganalisis cara pendidikan anak-anak melalui Surah Luqman dalam novel *Ayahanda* bagi mendidik anak-anak. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif yang mana novel *Ayahanda* (1997) dijadikan sebagai sumber utama bagi menganalisis kajian. Pengkaji turut mengaplikasikan Pendekatan Kemasyarakatan yang didapati dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa didikan diberikan oleh Luqman Al-Hakim terhadap anak-anaknya dilihat sesuai dan bertepatan dengan ajaran Islam yang mana ianya dapat membentuk perilaku anak-anak yang lebih baik dan sempurna.

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020), menerusi kajian *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah* memperlihatkan keupayaan penulis iaitu Osman Ayob menerusi kumpulan cerpen *Melamar Rindu* dalam membahaskan isu-isu terkini yang diilhamkan daripada pengalaman hidup seseorang manusia atau sesebuah masyarakat. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompondan dalam kajian lepas mengenai kajian terhadap cerpen *Melamar Rindu* ini. Sehubungan dengan itu, pengkajian dihasilkan bagi mengenal pasti dan menghuraikan unsur dakwah berdasarkan kumpulan cerpen *Melamar Rindu*. Pengkaedahan kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah analisis kandungan dengan memberi perhatian mengenai persoalan dakwah yang terdapat menerusi kumpulan cerpen *Melamar Rindu*. Analisis kajian dihuraikan dengan lebih terperinci dengan berdasarkan Pendekatan Dakwah menerusi Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini telah memperlihatkan terdapat banyak unsur dakwah dan keagamaan dalam cerpen

*Melamar Rindu* yang dapat membentuk sebuah masyarakat yang menetapkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT.

Nur Safiah Mohamad Zakir (2020), menerusi kajian *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntaian Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* mengupas berkenaan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerpen yang mampu memberikan kesedaran atau pengajaran kepada khalayak pembaca. Kajian ini dihasilkan kerana terdapat kelompondan dalam kajian lepas. Tujuan pengkajian ini dihasilkan adalah bagi mengenal pasti, merumus, dan membincangkan nilai-nilai keislaman melalui pilihan cerpen *Rindu Firdaus* karya Ana Balqis. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih kumpulan cerpen *Rindu Firdaus* sebagai bahan utama kajian. Seterusnya, pengkajian ini berpandukan kaedah kualitatif dan pengaplikasian teori oleh Hashim Awang iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil pengkajian ini membuktikan cerpen tersebut banyak menjiwai nilai-nilai Islam khususnya lima cerpen yang dipilih oleh pengkaji iaitu cerpen *Rindu Firdaus*, *Mencari Syawal*, *Rindu Berkampung*, *Telur*, dan *Dialog Dua Perempuan*.

Seterusnya, Nurul Safiah Ab. Rahim (2020), dalam kajian *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membahas bahawa penulis akan menggambarkan sesuatu peristiwa atau kepahlawanan seseorang dengan realiti dalam sesebuah sajak agar pembaca dapat merasainya dengan lebih mendalam. Nilai kepahlawanan yang kaya menerusi sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa* telah mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ini. Pengkajian ini dilakukan bagi mengenal pasti, menganalisis dan menghuraikan mengenai nilai-nilai kepahlawanan dalam sajak-sajak terpilih menerusi antologi *Suara Wirawan Negara Bangsa* yang dihasilkan oleh Ramli Abdul Halim. Dalam

pengkajian ini, kaedah kualitatif telah digunakan dan Teori Pengkaedahan Melayu turut diaplikasikan untuk mengukuhkan hasil analisis kajian. Hasil pengkajian memperlihatkan setiap penulis akan menggambarkan dengan jelas nilai kepahlawanan tersebut kepada pembaca agar mereka dapat mengambil iktibar dan panduan daripada perkara tersebut.

Kajian Norzatul Iqma Mohd Noor (2020), iaitu *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* merumus bahawa dalam menghasilkan sesebuah drama, terdapat beberapa unsur mahupun nilai-nilai yang penting dalam penghasilannya. Pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai nilai kemelayuan dalam himpunan drama Melayu popular ini masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, pengkajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam drama Melayu popular terpilih. Tambahan lagi, pengkajian ini dihasilkan bagi membahaskan mengenai impak nilai Melayu yang terkandung dalam drama Melayu popular terpilih. Pengkaji telah membataskan kepada dua buah drama Melayu popular iaitu drama *Teduhan Kasih* dan *Setia Hujung Nyawa*. Pengkaji turut menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini. Dapatan kajian jelas membuktikan, terdapat nilai-nilai kemelayuan yang dipaparkan di dalam drama ini iaitu nilai ketabahan, nilai kepimpinan, menjaga maruah, dan ketaatan kepada Tuhan.

Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020), dalam kajian *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan* membincangkan mengenai kepentingan syair yang mempunyai elemen dakwah dan keislaman kepada masyarakat. Pengkaji mendapati bahawa masyarakat kini dilihat masih tidak menyedari tentang kewujudan elemen dakwah menerusi puisi-puisi lama Melayu. Oleh

itu, pengkajian ini dihasilkan bagi melihat nilai-nilai Islam menerusi naskhah *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah*. Pengkajian ini dihasilkan berdasarkan penggunaan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks. Pengkaji juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan memberi penekanan terhadap Pengkaedahan Keagamaan. Hasil kajian dapat dilihat terkandungnya nilai-nilai Islam yang diselitkan oleh pengarang dalam syair ini, iaitu mengangkat kebesaran Allah, menjelaskan kehebatan sebuah doa dan memperlihatkan keindahan Baitullah.

Kajian yang dilakukan oleh Noor Hazwany Haji Arifin & Noryamisma Ismail (2020), iaitu *Pemikiran Marzuki Ali dalam 'Khazanah Segala Rimbun' dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu* mengupas tentang penciptaan puisi yang diilhamkan oleh alam menunjukkan betapa dekatnya penyair dengan peristiwa dan peristiwa di alam sekelilingnya. Dalam penulisan Marzuki Ali, beliau sering menggambarkan bencana alam dan kemusnahan yang berlaku akibat manusia tidak menghargai dan mencintai alam. Kajian ini dilakukan kerana terdapat kelompondan dalam kajian lepas. Sehubungan dengan itu, pengkajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis pemikiran Marzuki Ali menerusi kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan dapatan pengkajian. Hasil pengkajian ini mendapati idea yang dikemukakan oleh Marzuki Ali boleh diklasifikasikan terhadap dua perspektif iaitu pemikiran mengenai alam dan pemikiran tentang agama.

Kajian Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020), iaitu *Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I* membincangkan persoalan dakwah yang berdasarkan gaya hidup masyarakat Melayu yang sarat dengan adat dan peraturan dalam kehidupan. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi

menganalisis nilai dakwah melalui watak dan perwatakan yang dilihat menerusi cerpen terpilih Rejab F.I. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan Pendekatan Dakwah dalam melaksanakan pengkajian. Hasil pengkajian ini memperlihatkan cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I mempunyai kaitan yang erat dengan aspek kemanusiaan di mana ianya terselit nilai-nilai ketakwaan, keadilan dan taubat dalam cerpen tersebut.

Pengkajian terakhir berkenaan Teori Pengkaedahan Melayu adalah menerusi kajian yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), iaitu *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang*. Kajian ini telah membahaskan tentang sebuah cerita lagenda iaitu cerita *Cik Siti Wan Kembang* yang sarat dengan nilai-nilai murni. Perjuangan Cik Siti Wang Kembang telah membuatkan masyarakat Melayu di negeri Kelantan amat menyanjunginya. Cerita ini sarat dengan nilai murni, moral dan juga budaya yang mampu dijadikan sebagai satu medium pendidikan kepada khalayak masyarakat. Pengkaji menghasilkan kajian ini kerana ianya masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Pengkajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita *Cik Siti Wan Kembang*. Pengkajian ini berpandukan kaedah kualitatif yang mana ia meliputi kaedah kepustakaan dan teks. Seterusnya, pengkaji mengaplikasikan Pendekatan Moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan analisis kajian. Hasil pengkajian ini telah memperlihatkan bahawa cerita *Cik Siti Wan Kembang* memiliki nilai-nilai murni yang mampu membantu dalam pembentukan keperibadian masyarakat yang lebih baik.

## 2.4 Penutup

Berdasarkan pengkajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji tersebut dapat dilihat bahawa terdapat kelompongan yang boleh mendorong dan memberi peluang kepada pengkaji untuk melakukan kajian ini. Melihat kepada kajian-kajian berikut telah membuktikan bahawa pengkajian terhadap unsur didaktik dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* masih belum dihasilkan oleh mana-mana para sarjana. Kajian-kajian lepas dilihat lebih memfokuskan terhadap unsur nilai, nilai-nilai murni, nilai-nilai Islam, konflik dan sebagainya. Hal ini telah memberi peluang kepada pengkaji untuk mengisi kelompongan tersebut dengan menghasilkan kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Ahmad Sunawari Long (2008), berpendapat bahawa metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang digunakan dalam mengumpul atau menganalisis data. Pengkaji menggunakan kaedah yang dilihat sesuai bagi menjalankan pengkajian ini dan menentukan cara yang berkesan untuk menjawab permasalahan kajian dan mencapai objektif kajian yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, bab ini membahaskan berkenaan reka bentuk kajian, kaedah kajian, dan teori yang akan diaplikasikan dalam penghasilan kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Bryman (2008), menyatakan bahawa reka bentuk kajian ialah sebuah kerangka yang digunakan dalam satu pengkajian untuk memperoleh dan menganalisis data. Bagi menganalisis dan mengumpulkan data kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini yang meliputi kaedah kepustakaan dan rujukan teks.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif di mana ia memerlukan kaedah rujukan seperti kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengkaji menggunakan kaedah ini adalah bertujuan untuk melihat dan menganalisis dengan lebih mendalam serta lebih sistematik berkenaan unsur didaktik yang terdapat di dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Menerusi kajian kepustakaan, pengkaji telah melakukan penelitian terhadap sumber dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian. Misalnya, pengkaji telah meneliti dan merujuk buku, tesis, artikel, jurnal, dan sumber bertulis lain yang berkaitan dengan tajuk kajian dalam menghasilkan kajian ini. Maklumat diperolehi daripada Perpustakaan Awam Daerah Langkawi, Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan perpustakaan universiti lain melalui medium perantaraan.

### 3.3.2 Rujukan Teks

Kaedah rujukan teks dilakukan oleh pengkaji dengan melakukan pembacaan yang teliti terhadap teks yang digunakan bagi memfokuskan unsur didaktik yang terkandung di dalam teks tersebut. Pengkaji telah menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob sebagai sumber rujukan utama dalam mencapai objektif kajian ini. Buku ini telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2021 serta mempunyai 120 halaman bercetak. Teks ini dijadikan sebagai bahan kajian kerana keunikan keseluruhan naratif lisan yang terdapat dalam teks ini diperolehi daripada beberapa buah kampung yang berdekatan dan bersebelahan Kampung Pengkalan Datu, Kelantan. Antaranya Kampung Kedai Lalat, Kampung Babong dan Kampung Pantai Senak. Selain itu, buku ini dilihat kaya dengan nilai-nilai moral dan unsur didaktik yang dapat membantu dalam pembentukan perilaku khalayak pembaca yang positif. Oleh hal yang demikian, teks ini dilihat sesuai untuk pengkaji melakukan kajian berkenaan unsur didaktik yang terdapat dalam naratif lisan.



### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori yang dihasilkan oleh Hashim Awang (1989) iaitu Teori Pengkaedahan Melayu, telah diperkenalkan berlandaskan gaya hidup, adat budaya dan juga kepercayaan masyarakat Melayu yang menghasilkan sesebuah karya itu. Menurut Hashim Awang (1993), bagi mewujudkan satu kerangka teori, Teori Pengkaedahan Melayu telah dibahagikan kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah berlandaskan kepada gaya hidup dan perilaku masyarakat Melayu yang mengangkat alam sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Terdapat tiga pendekatan yang telah diklasifikasikan dalam pengkaedahan ini iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Seterusnya, Pengkaedahan Keagamaan berteraskan kepada keimanan yang berpaksikan akidah Islam di mana ia sumber utamanya adalah al-Quran dan al-Hadis. Terdapat tiga pendekatan dalam pengkaedahan ini, iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan, dan Pendekatan Seni.


#### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah bersandarkan terhadap gaya hidup dan perilaku masyarakat Melayu dimana alam dijadikan sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Hashim Awang (2002), menyatakan bahawa teori ini berdasarkan andaian bahawa sastera adalah satu objek penciptaan objek lain yang dicipta oleh Tuhan, manakala karya sastera merupakan sebuah objek yang diciptakan oleh manusia. Ciri-ciri Pengkaedahan Alamiah dapat dilihat seperti berikut:

Pengkaedahan Alamiah
i. Kehidupan merupakan sebahagian daripada alam semesta
ii. Meletakkan kepercayaan bahawa seluruh alam ini merupakan ciptaan Allah
iii. Alam menjadi penyebab utama dalam memberikan mereka pengalaman hidup, pekerjaan dan pengajaran

Jadual 3.4.1: Ciri Pengkaedahan Alamiah

Menerusi Pengkaedahan Alamiah, Hashim Awang telah membahagikannya kepada tiga pendekatan seperti berikut:



Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah

## Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan membataskan dan melihat karya sastera sebagai salah satu objek alam di mana ianya merupakan objek hasil ciptaan alam. Setiap kejadiannya memberikan manfaat yang tertentu kepada setiap manusia dan kehidupan. Hal ini turut disokong oleh Zurinah Hassan (2010), yang menjelaskan bahawa setiap penghasilannya mempunyai tujuan, fungsi dan hikmahnya yang tersendiri. Ciri-ciri Pendekatan Gunaan adalah seperti berikut:

Pendekatan Gunaan
i. Percaya bahawa sastera juga merupakan satu perkara ciptaan alam dan ianya berlaku kerana kehendak Allah.
ii. Setiap penciptaan sastera mempunyai tujuan, amanat, ukuran dan timbangnya.
iii. Sastera dijadikan sebagai bahan yang dapat memberi manfaat dan kesan yang positif dalam aspek rohani atau jasmani kepada seluruh masyarakat.

Jadual 3.4.2: Ciri Pendekatan Gunaan

## Pendekatan Moral

Pendekatan Moral adalah lanjutan daripada Pendekatan Gunaan dimana ia memperlihatkan bahawa selain sastera dianggap sebagai objek hasil ciptaan alam, ia juga adalah suatu kejadian yang memperlihatkan pengalaman hidup manusia (Hashim Awang, 1993). Misalnya, pengalaman tertentu yang ditempuhi oleh manusia dan maklumat yang mempunyai kaitan antara manusia dengan dunia yang dialaminya. Hal ini meliputi kejiwaan, kepercayaan, kemasyarakatan dan daya kreativiti. Ciri-ciri Pendekatan Moral adalah seperti berikut:

Pendekatan Moral
i. Sastera dianggap mampu memberi manfaat yang lebih tinggi kerana ia berdasarkan pengalaman hidup manusia.
ii. Sastera dianggap sebagai sumber ilmu pengetahuan yang meluas dalam segala bidang.
iii. Sastera dapat membentuk keperibadian manusia dari segi kejiwaan dan rohani manusia.
iv. Sastera mengandungi segala perilaku dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia dan dapat dijadikan ikhtibar atau pengajaran kepada masyarakat.

Jadual 3.4.3: Ciri Pendekatan Moral

## Pendekatan Firasat


Pendekatan Firasat adalah berpandukan kepada Pendekatan Moral dimana ia beranggapan bahawa sastera merupakan satu kejadian alam semesta yang dapat memberi pengalaman kepada kehidupan manusia. Kejadian alam ini dihubungkan dengan mimpi, iaitu pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap memberi sesuatu makna kepada kehidupan. Hal ini turut disokong oleh pendapat Hashim Awang (1994), dimana ia meliputi satu proses mencari pengertian melalui lambang tertentu. Ciri-ciri Pendekatan Firasat dapat dilihat seperti berikut:

Pendekatan Firasat
i. Kejadian tersebut dikaitkan bersama mimpi kerana mimpi itu adalah suatu pengalaman hidup yang sarat dengan misteri.
ii. Menerusi teknik dan corak penyampaiannya, sebuah kemisterian tersebut dapat diteliti, dan ia menyebabkan pembaca perlu mentafsir setiap isi, makna dan pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengkarya.
iii. Sastera dianggap sebagai wahana yang mempunyai makna yang tersirat dan tersurat.

Jadual 3.4.4: Ciri Pendekatan Firasat

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Hashim Awang (1993), menyatakan bahawa Pengkaedahan Keagamaan dianggap sebagai sebuah pendekatan yang berlandaskan keimanan dan berpaksikan akidah agama Islam. Menerusi pengkaedahan ini, al-Quran dan Hadis menjadi sumber yang paling utama yang dijadikan panduan. Pendekatan ini telah memberi penekanan dalam mengagungkan sifat-sifat kebesaran Allah SWT dan meningkatkan nilai ketakwaan dan keimanan kepada-Nya. Pengkaedahan Keagamaan yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989) dilihat mempunyai tiga pendekatan seperti berikut:



Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

## Pendekatan Seni

Penggunaan Pendekatan Seni adalah bertujuan bagi melihat nilai-nilai estetika yang terdapat pada karya. Hal ini dilihat apabila unsur keindahan yang terdapat dalam karya sastra tersebut dijadikan sebagai persoalan pokok. Konteks keindahan yang diutarakan adalah merujuk kepada keindahan yang dapat memimpin diri seseorang terhadap nilai-nilai estetika Islam serta tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Menurut Hashim Awang (1994), keindahan itu perlulah berpegangan kepada tauhid, iaitu menemukan segala perkara dalam kesusasteraan untuk kembali mengukuhkan lagi sifat ketakwaan serta keimanan kepada Allah SWt. Ciri-ciri Pendekatan Seni dapat dilihat seperti berikut:

Pendekatan Seni
i. Keindahan yang terkandung dalam sastra dapat dilihat melalui penggunaan nilai-nilai estetika yang berlandaskan Islam.
ii. Keindahan sesebuah karya dapat dikenalpasti melalui gaya bahasa, tema, gaya penceritaan, watak, plot dan sudut pandangannya.

Jadual 3.4.5: Ciri Pendekatan Seni

## Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan Kemasyarakatan dilihat sebagai medium pendedahan terhadap pelbagai persoalan yang mempunyai tujuan dalam mencari keadilan dan kebaikan dalam kalangan masyarakat. Menurut Hashim Awang (2002), karya sastera adalah merupakan satu medium yang digunakan dalam mencari konsep kebaikan dan keadilan mengikut pandangan Islam. Hal ini demikian kerana, karya sastera boleh mendedahkan dan menjawab segala persoalan yang bertunjangkan terhadap matlamat dalam mencari keadilan dan kebaikan dalam masyarakat, seperti mana yang telah ditegaskan dalam Islam. Ciri-ciri Pendekatan Kemasyarakatan dapat dilihat seperti berikut:

### Pendekatan Kemasyarakatan

- i. Sastera dilihat dapat memberi pendedahan dengan tepat, jelas dan berani mengenai permasalahan kemungkar, penipuan, ketidakadilan dan pelbagai permasalahan yang dapat menjurus kepada perpecahan masyarakat dan keimanan seseorang manusia.
- ii. Sastera dapat memberi tumpuan terhadap persoalan berkenaan tema dan isi yang wujud dari pelbagai permasalahan.
- iii. Latar belakang penulis diberi tumpuan bagi meneliti sejauh mana pendapat dan perilaku pengkarya itu sendiri yang digambarkan menerusi karya sastera yang dihasilkan.

Jadual 3.4.6: Ciri Pendekatan Kemasyarakatan



## Pendekatan Dakwah

Menerusi Pendekatan Dakwah, sastera telah dilihat sebagai medium untuk meningkatkan tahap keimanan dan ketakwaan seseorang individu kepada Allah SWT. Menurut Hashim Awang (1994), dalam setiap karya kesusasteraan yang dihasilkan dianggap mampu mendedahkan segala persoalan dan menggambarkan sifat-sifat kebesaran Allah. Dalam konteks ini, sastera digambarkan sebagai 'kitab' yang mampu menolong setiap manusia untuk mengenali dengan lebih akrab, sifat dan keperibadian Tuhan sekaligus dapat meningkatkan rasa cinta dan hormat kepada Allah SWT. Ciri-ciri Pendekatan Dakwah dapat dilihat seperti berikut:

Pendekatan Dakwah
i. Sastera dianggap sebagai sebuah “kitab” yang memaparkan sifat kemuliaan dan kekuasaan Allah.
ii. Sastera dapat menjelaskan kemurnian, kesucian dan kelebihan agama Islam.
iii. Mampu membimbing setiap manusia untuk mengenali dengan lebih akrab, mengenai sifat dan keperibadian Tuhan

Jadual 3.4.7: Ciri Pendekatan Dakwah

## 3.5 Kerangka Teoritikal



Rajah 3.5.1: Kerangka Teoritikal

### 3.6 Penutup

Kesimpulannya, kaedah kajian yang digunakan dalam kajian dilihat mempengaruhi dapatan kajian yang dihasilkan. Pemilihan kaedah kajian yang sesuai amat penting bagi menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian. Menerusi pengkajian ini, pengkaji telah menggunakan Pendekatan Moral seperti yang terdapat pada bahagian Pengkaedahan Alamiah menerusi teori yang diperkenalkan oleh Hashim Awang iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks telah digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat dan data yang lebih terperinci. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah dilakukan bagi mengukuhkan hasil analisis kajian dan sebagai landasan dalam menghasilkan kajian ini. Oleh itu, data dan maklumat yang diperolehi dalam pengkajian ini telah menghasilkan sebuah dapatan kajian yang berkenaan dengan unsur didaktik dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, hasil dapatan kajian yang telah diperolehi diuraikan oleh pengkaji berdasarkan analisis yang telah dilakukan iaitu yang berkenaan dengan unsur didaktik dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang telah dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021. Teks ini dianalisis berdasarkan Pendekatan Moral seperti yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu (1989) bagi menginterpretasi kajian dan mencapai objektif kajian ini. Analisis ini memberi tumpuan kepada perbincangan terhadap lima unsur didaktik yang terdapat dalam teks ini, dan ianya boleh dilihat melalui sifat keberanian, baik hati, berdikari, hormat-menghormati dan semangat bermasyarakat.

### 4.2 Unsur Didaktik Melalui Sifat Keberanian

Keberanian merupakan sifat yang dimiliki oleh seseorang individu yang tidak takut atau gentar dalam melakukan sesuatu perkara atau menghadapi satu situasi yang berbahaya. Keberanian adalah sifat yang terdapat di dalam diri seseorang individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi dan tabah dalam mengharungi pelbagai rintangan (Tajul Ariffin Noordin & Nor'aini Dan, 1992). Selain itu, Paul Findley (1995), berpendapat bahawa keberanian merupakan satu tindakan berani berdepan dengan segala ancaman dan rintangan dalam memperjuangkan dan mempertahankan sesuatu perkara yang dianggap benar. Seterusnya, Peter Irons (2003), berpendapat bahawa keberanian merupakan satu perbuatan dalam memperjuangkan sesuatu perkara yang penting dan tidak berasa gentar apabila menghadapi segala rintangan,

kerana yakin akan kebenarannya. Kata 'keberanian' merujuk kepada sifat-sifat berani, kegagahan dan keperkasaan dalam melakukan sesuatu perkara (*Kamus Dewan*, 2016). Sehubungan dengan itu, sifat keberanian dapat dirumuskan sebagai satu tindak balas seseorang individu yang yakin dan tabah dalam memperjuangkan, melindungi atau mempertahankan sesuatu perkara. Sifat keberanian yang terdapat dalam diri dilihat dapat memberi kesan yang besar kepada seseorang individu atau masyarakat dalam mengharungi segala rintangan yang dilalui dalam kehidupan. Oleh itu, pengkajian ini membincangkan unsur didaktik melalui keberanian dalam mempertahankan diri, memperjuangkan perkara yang benar, melaksanakan tanggungjawab dan melindungi raja serta negara.

#### 4.2.1 Mempertahankan Diri

Keberanian dalam mempertahankan diri merupakan tindak balas yang tidak gentar dalam mempertahankan keselamatan dan kesejahteraan diri daripada bahaya. Menurut Aboebakar Atjeh (1988), keberanian dalam mempertahankan diri merupakan satu tindakan manusia yang tidak mempunyai keraguan dalam membuat sesuatu keputusan meskipun dalam kesulitan bagi melindungi diri daripada menjadi mangsa yang ditindas oleh pihak lain. Keberanian juga merupakan satu sifat yang terdapat pada seseorang individu yang sanggup menghadapi sesuatu rintangan atau cabaran dengan tabah dan yakin (Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan, 1992). Selain itu, menurut Hashim Musa (2008), sifat keberanian dalam mempertahankan diri adalah merujuk kepada setiap manusia yang mempunyai semangat juang yang tinggi dan hati yang kental dalam melindungi diri untuk mendapatkan keadilan demi kepentingan bersama. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'mempertahankan' bermaksud menjaga supaya kekal atau tidak berubah dan menjaga supaya tidak diserang. Seterusnya, kata 'diri' pula merujuk kepada seorang manusia atau empunya badan (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh itu, keberanian dalam mempertahankan diri ini dapat

dirumuskan sebagai tindakan seseorang individu yang dapat mengatasi ketakutan dalam diri dan berani menentang atau menghadapi bahaya dan risiko yang dihadapi. Sifat keberanian yang ditunjukkan oleh seseorang individu dalam mempertahankan dirinya dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa yang terus ditindas oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Keberanian dalam mempertahankan diri ini boleh dilihat menerusi cerita *Asal Usul Kampung Babong* seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

#### Petikan 1

“Tok Babong atau nama sebenarnya ialah Datuk Babong merupakan orang yang berperanan penting dalam perkampungan ini suatu ketika dahulu. Beliau seorang yang berani dalam menentang perkara-perkara yang tidak sewajarnya terjadi di perkampungan ini. Tok babong juga merupakan seorang yang handal dalam menentang musuh-musuh atau sesiapa sahaja yang berani melakukan perkara yang tidak baik di Kampung Babong yang berada di bawah pentadbirannya pada ketika itu. Beliau juga dikatakan seorang yang panas baran kerana berani menampar sesiapa sahaja yang tersalah kata terhadapnya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:4)

Cerita *Asal Usul Kampung Babong* yang terdapat di dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini adalah sebuah cerita yang mengisahkan tentang seorang ketua kampung yang telah banyak memberikan sumbangan dan menabur jasa di Kampung Babong. Cerita ini juga jelas memperlihatkan bagaimana sifat keberanian dalam mempertahankan diri yang dimiliki oleh seorang watak yang mampu melindungi dirinya dan orang di sekelilingnya daripada ditindas iaitu Tok Babong. Misalnya, Tok Babong yang digambarkan sebagai seorang ketua kampung yang kuat dan berani telah ditakuti oleh pihak musuh yang cuba untuk melakukan perkara yang tidak baik di kampung tersebut. Hal ini dengan jelas memperlihatkan bahawa Tok Babong merupakan seorang lelaki yang berani dan tegas kerana beliau tidak berasa takut apabila berhadapan dengan pihak musuh bagi

memastikan penduduk Kampung Babong berada dalam keadaan aman dan sejahtera. Hashim Musa (2008), berpendapat bahawa sifat keberanian ini telah membuktikan seseorang individu itu mempunyai prinsip hidup yang cekal dan berdaya juang tinggi untuk melindungi diri bagi mencapai keadilan dan kepentingan bersama.

Selain itu, keberanian dalam mempertahankan diri ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* melalui petikan berikut:

Petikan 2

“Semasa pemerintahannya, baginda Raja sakti telah menjadi raja di kedua-dua negeri iaitu Kelantan dan Patani setelah baginda berjaya menewaskan Ratu Kuning dan bertindak menyerang Patani. Hal ini kerana Raja Kuning dan Patani ingin menguasai pemerintahan Raja Sakti pada ketika itu namun tidak berhasil dan akhirnya mereka tewas.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:76)

Cerita *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* mengisahkan tentang seorang pemerintah yang telah memperlihatkan sifat keberanian dalam mempertahankan diri dan kerajaannya menerusi watak Raja Sakti. Misalnya, Raja Sakti yang dilihat berani dalam menentang Raja Kuning yang telah bertindak menyerang Patani. Lantaran tindakan berani Raja Sakti itu, baginda telah berjaya menewaskan serangan yang dilakukan oleh Raja Kuning dengan jayanya. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa Raja Sakti mempunyai sifat keberanian yang tinggi sehingga baginda mampu menewaskan serangan daripada pihak musuh bagi menjamin keamanan kerajaan Kelantan dan Patani. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), tindakan mempertahankan diri ini wajar dilakukan oleh sesiapa sahaja selagi ianya masih berada dalam tindakan yang betul.

Sifat keberanian yang dimiliki oleh seseorang individu dalam mempertahankan diri ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bagaimana

seseorang manusia yang bertindak mempertahankan diri itu juga akan berusaha untuk melindungi diri dan orang di sekelilingnya. Sifat keberanian dalam mempertahankan diri ini wajar diterapkan di dalam setiap jiwa manusia bagi mencapai sesuatu kebenaran melalui satu tindakan agar dapat mencapai keputusan dan matlamat yang betul dan tepat (Mustafa Daud, 1995). Oleh itu, keberanian dalam mempertahankan diri ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Hal ini jelas membuktikan bahawa wajar untuk semua manusia bertindak melindungi diri sendiri serta orang lain bagi mengelakkan daripada terjebak dalam sesuatu kesulitan.

#### 4.2.2 Memperjuangkan Perkara Yang Benar

Keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar dapat merujuk kepada tindakan seseorang manusia yang berusaha dalam sesuatu perkara dengan benar. Keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar ini merupakan satu tindakan seseorang individu yang mampu menyuarakan tentang sesuatu kebenaran dan tidak berasa takut untuk melakukan sesuatu perkara yang salah dari segi undang-undang mahupun agama (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010). Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'memperjuangkan' membawa maksud hendak memperoleh sesuatu perkara dengan berjuang. Manakala kata 'benar' pula bermaksud sesuatu yang tidak salah, tidak keliru dan betul (*Kamus Dewan*, 2016). Memperjuangkan perkara yang benar juga merupakan satu sifat berani dalam menuntut sesuatu perkara yang dianggap betul serta berani menempuhi segala bentuk bahaya dan kesukaran yang datang (Al Ashadi Alimin & Saptiana Sulastri, 2018). Oleh itu, sifat berani dalam memperjuangkan perkara yang benar dapat dirumuskan sebagai tindak balas



seseorang individu yang berani bersuara dan berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam menegakkan sesuatu kebenaran walaupun terdapat risiko yang bakal dihadapi. Sifat keberanian ini dilihat dapat menjadikan seseorang individu atau sekumpulan masyarakat itu berani memperjuangkan atau menyuarakan perkara yang benar tanpa takut terhadap sebarang risiko yang akan menimpa diri kelak.

Keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar ini boleh dilihat menerusi cerita yang bertajuk *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* seperti berikut:

### Petikan 3

“Pada ketika itu juga dikatakan Parameswara sedang melarikan diri dan telah sampai ke Temasik. Parameswara telah melihat keadaan yang masyhur itu lalu berhasrat untuk menubuhkan sebuah pusat pentadbiran di kawasan itu juga. Perkhabaran itu telah sampai kepada pengetahuan Temangi dan membuatkan Temangi merasa marah dengan perbuatan Parameswara. Lantas, Temangi telah bertindak menemui Parameswara yang sedang beradu di singgahsana.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:31)

*Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* merupakan sebuah kisah yang memperlihatkan peranan penting kerajaan Siam pada ketika itu dalam aktiviti penjajahan. Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin menjejaskan pemerintahannya telah memaparkan sifat keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar menerusi watak Temangi dalam mempertahankan kawasan pentadbirannya. Contohnya, Temangi dilihat berani pergi menemui Parameswara bagi mendapatkan penjelasan daripada Parameswara apabila ia mendengar khabar angin yang mengatakan bahawa Parameswara akan menubuhkan pusat pentadbiran di kawasannya. Oleh hal yang demikian, situasi ini telah menggambarkan bahawa Temangi merupakan seorang yang berani dalam menyuarakan dan memperjuangkan haknya terhadap Parameswara berkenaan kedudukannya di Temasik. Menurut Al Ashadi Alimin dan Saptiana Sulastri (2018), tindakan berani seseorang individu dalam memperjuangkan perkara yang dianggap penting kepadanya akan sanggup

menghadapi segala cabaran yang menghalangnya kerana mempercayai sesuatu kebenaran itu. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa seseorang individu itu perlulah berani bertindak dalam memperjuangkan perkara yang benar agar dapat memperoleh hak yang sepatutnya ke atas sesuatu perkara.

Seterusnya, keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar ini juga boleh dilihat menerusi cerita *Kezaliman Seorang Raja* yang terdapat di dalam teks ini seperti dalam petikan di bawah:

#### Petikan 4

“Semasa pemerintahan di bawah naungan baginda Sultan Abdul Rahim, Kota Mahligai tidak lagi aman seperti sediakala kerana telah berlakunya kezaliman dan kejahatan Sultan Abdul Rahim terhadap rakyat jelatanya. Sultan Abdul Rahim dikatakan telah menyeksa rakyat jelata dan memeras ugut atas hasil pertanian mereka. Sistem pemerintahan baginda yang begitu kejam ini telah membuatkan rakyat terpaksa mengadukan hal ini kepada Tuan Puteri Saadong yang dikatakan bersemayam di Bukit Marak pada ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:75)

Kezaliman dan kejahatan seorang pemerintah terhadap rakyat jelatanya jelas terpancar menerusi cerita *Kezaliman Seorang Raja* ini. Hal ini telah membangkitkan kemarahan dalam diri rakyat jelata untuk menentang dan memperjuangkan hak mereka. Situasi ini telah menonjolkan sifat keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar yang dimiliki oleh golongan rakyat jelata. Sebagai contohnya, golongan rakyat jelata berani menentang Sultan Abdul Rahim yang telah melakukan kezaliman ke atas mereka iaitu menyeksa dan memeras ugut golongan rakyat semasa pemerintahannya. Sehubungan dengan itu, golongan rakyat jelata telah menyuarakan penderitaan yang dialami oleh mereka ini kepada Tuan Puteri Saadong. Oleh itu, melalui tindakan ini dapat dirumuskan bahawa golongan rakyat telah menunjukkan keberanian mereka dalam memperjuangkan dan menyuarakan perkara yang benar iaitu berkenaan penindasan dan kezaliman yang berlaku ke atas mereka semasa

pemerintahan Sultan Abdul Rahim. Maka, ia jelas memperlihatkan bahawa seluruh golongan masyarakat perlulah mempunyai sifat berani dalam memperjuangkan perkara yang benar agar tidak mudah ditindas dan dianiaya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sifat keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar jelas memperlihatkan seseorang yang sanggup dan bersedia dalam melakukan sesuatu perkara yang betul dengan penuh rintangan untuk diri sendiri atau orang lain (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Sifat keberanian yang dimiliki oleh seseorang individu atau sekumpulan masyarakat dalam memperjuangkan perkara yang benar ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa seseorang manusia atau masyarakat yang memperjuangkan perkara yang benar dengan tindakan yang betul dapat mencapai sesuatu perkara dengan tepat. Oleh hal yang demikian, keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar ini telah dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, menerusi sifat keberanian dalam memperjuangkan perkara yang benar ini pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia akan berfikir dengan teliti dan benar sebelum melakukan sesuatu tindakan dalam memperolehi sesuatu perkara agar diri dan orang di sekelilingnya tidak mengalami kesulitan. Tindakan seseorang individu yang mampu menyuarakan tentang sesuatu kebenaran dan berasa takut untuk melakukan sesuatu perkara yang salah dari segi undang mahupun agama telah memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang berani berjuang (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010).

#### 4.2.3 Melaksanakan Tanggungjawab

Maksud keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab merujuk kepada tindakan yang berani dalam melaksanakan sesuatu perkara atau tugas yang telah diberikan. Tanggungjawab menurut Burhanuddin (2000), adalah kesanggupan seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara yang telah diamanahkan dan kesanggupan dalam menanggung risiko ke atas sesuatu perkara atau perbuatan yang telah dilakukan. Selain itu, Schiller dan Bryant (2002), turut menegaskan bahawa tanggungjawab ialah perilaku seseorang manusia yang boleh menentukan bagaimana cara untuk memberi tindak balas terhadap sesuatu situasi yang dilalui dan melakukan sesuatu keputusan yang bersifat moral. Seterusnya, Mohamad Mustari (2011), berpendapat bahawa tanggungjawab merupakan sifat dan perilaku seseorang dalam menjalankan tugas dan kewajiban yang sepatutnya dilakukan sama ada terhadap diri sendiri, masyarakat, persekitaran, negara bahkan Tuhan. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'tanggungjawab' membawa maksud sesuatu tugas, kerja atau kewajiban yang harus dipikul oleh seseorang. Oleh itu, keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab dapat dirumuskan sebagai kesanggupan manusia dalam mengambil sesuatu tindakan dalam melaksanakan sesuatu perkara yang telah diamanahkan dan berani untuk menanggung risiko ke atas setiap tindakan yang diambil. Setiap manusia harus berani memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan agar dapat mempertahankan sesuatu perkara ataupun hak tertentu.

Sifat keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab ini boleh dilihat melalui cerita *Tentera Bergajah* seperti yang dinyatakan di dalam petikan berikut:

##### Petikan 5

“Serangan secara bertubi-tubi telah melemahkan sistem pertahanan kerajaan itu. Serangan bawaan virus ke atas gajah-gajah yang menjadi pengangkutan ketenteraan tidak dapat dilakukan. Hal ini, juga telah menyukarkan sistem pertahanan Patani pada ketika itu. Perkara ini telah membuatkan Raja Patani

memikirkan hal tersebut secara akar umbi untuk menguatkan lagi pertahanan kerajaan. Hal ini kerana keselamatan rakyatnya perlu dijaga.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:73)

Sistem pertahanan yang semakin goyah seperti yang tergambar dalam cerita *Tentera Bergajah* ini, akibat penyakit yang menyerang gajah-gajah tersebut telah menyebabkan ianya tidak dapat dijadikan sebagai pengangkutan ketenteraan kerajaan Patani. Perkara ini telah memberikan tanggungjawab yang besar kepada pemerintah kerajaan bagi mengatasi permasalahan tersebut. Sehubungan dengan itu, ia telah memperlihatkan kepentingan keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab melalui watak Raja Patani. Hal ini boleh dilihat apabila Raja Patani melaksanakan tanggungjawabnya dengan membantu golongan rakyat jelata dalam memperkukuhkan sistem pertahanan sebelum menghadapi serangan daripada pihak musuh yang telah cuba untuk menjatuhkan pemerintahan kerajaan Patani. Raja Patani dilihat mengambil berat terhadap terhadap masalah yang dihadapi kerana baginda ingin memastikan keselamatan rakyat jelatanya terjamin. Dek kerana itu, jelas membuktikan bahawa Raja Patani adalah seorang yang berani dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan rakyat dan negaranya dapat dilindungi dari ancaman musuh. Sifat berani dalam melaksanakan tanggungjawab ini sememangnya dimiliki oleh seseorang yang sanggup untuk melakukan tugas dengan sistematik walaupun terdapat pelbagai rintangan dan cabaran yang dihadapi (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Selain itu, keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab ini juga ditonjolkan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Tengku Mahmud Muhiyuddin* seperti petikan berikut:

## Petikan 6

“Perbuatan British telah membuatkan Raja Patani hilang kuasa pentadbiran ke atas kerajaannya. Hal ini telah membuatkan Raja Patani membuat rundingan untuk melakukan pengeboman ke atas Jepun. Hal ini kerana tiada sesiapa sanggup mengemudi jet pejuang untuk tujuan pengeboman. Raja Patani telah meletakkan syarat supaya takhta kerajaan Patani dikembalikan kepadanya. Setelah persetujuan dilakukan, Raja Patani telah bertindak mengebom dua bandar utama Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:64)

Cerita *Tengku Mahmud Muhiyuddin* ini mengisahkan tentang sifat keberanian yang dimiliki oleh seorang raja yang berwibawa dalam melaksanakan tanggungjawabnya di mana baginda berani mengambil risiko untuk memusnahkan bandar Hiroshima dan Nagasaki bagi memastikan pentadbiran kerajaan Patani tidak jatuh ke tangan pihak British. Hal ini boleh dilihat menerusi watak Raja Patani, yang mana baginda telah berjaya menewaskan pihak British dan dapat mempertahankan haknya ke atas kerajaan Patani. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa tindakan Raja Patani yang berani dalam melaksanakan tanggungjawabnya telah memberikan keamanan dan kedamaian kepada masyarakat di kerajaannya dan bebas dari ancaman pihak luar. Menerusi cerita ini, sifat tanggungjawab yang digambarkan oleh tukang cerita telah membuktikan bahawa seseorang itu berani mempertahankan dirinya serta orang lain kerana ia mengutamakan tanggungjawab demi kepentingan bersama (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Sifat keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab yang dimiliki oleh seseorang individu itu telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa dirinya mempunyai kesanggupan yang tinggi dalam menjalankan sesuatu tugas dengan adil dan saksama. Oleh hal yang demikian, keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab ini telah dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai

pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk terhadap mereka. Misalnya, dalam konsep keberanian dalam melaksanakan tanggungjawab ini pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat berani dalam melaksanakan tanggungjawab dilihat berani mengharungi segala tantangan dan cabaran untuk kebaikan dirinya serta orang lain.

#### 4.2.4 Melindungi Raja dan Negara

Sifat keberanian yang terdapat dalam diri setiap manusia dalam melindungi raja dan negara dapat melahirkan masyarakat yang mencintai negara dan mencapai keamanan serta keharmonian dalam kehidupan. Kesetiaan dan keberanian dalam melindungi raja dan negara yang terdapat dalam diri seseorang individu menjadi tunjang keamanan dan keharmonian masyarakat di sesebuah negara itu (Ramlah Adam, 2005). Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'raja' membawa maksud orang yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara dan bangsa. Manakala kata 'negara' pula membawa maksud sekumpulan masyarakat yang menetap di sesuatu kawasan, mempunyai sistem pemerintahan dan kedaulatan politik (*Kamus Dewan*, 2016). Selain itu, menurut Ismail Abd Muttalib dan Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (2016), semangat kesetiaan dan keberanian yang tinggi dalam melindungi raja dan negara merupakan suatu nilai moral yang perlu diterapkan dalam diri setiap individu. Oleh itu, sifat keberanian dalam melindungi raja dan negara dapat dirumuskan sebagai tindakan berani seseorang individu atau masyarakat dalam melindungi seorang pemerintah yang mengetuai dan memerintah sesebuah negara serta melindungi tanah air yang didiami. Setiap individu yang menjadi penghuni dalam sesebuah negara sememangnya mempunyai tanggungjawab dalam melindungi raja dan kedaulatan negara bagi memastikan kesejahteraan hidup dapat dicapai.

Keberanian dalam melindungi raja dan negara ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Kehebatan Laksamana Laut*, seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Petikan 7

“Semasa belayar membawa bunga emas untuk dihantar ke Siam, sampai di pertengahan laut, salah seorang anak kapal menjerit dengan berkata “*lanun di depan*” sambil tangannya tunjuk ke arah kapal lanun yang ketika itu masih berada jauh daripada rombongan kapal Raja Kelantan. Laksamana Che Deraman menyapa, “Jangan dikhuatiri wahai baginda sultan, biar patik uruskan lanun-lanun itu.” Beliau terus mengeluarkan keris yang berada dipinggangnya dan membaca satu ayat yang tidak pasti apa butir bacaannya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:62)

Kehebatan seorang laksamana dalam melindungi rajanya daripada musuh terserlah dalam cerita *Kehebatan Laksamana Laut* ini, yang mana ia telah menonjolkan sifat keberanian melalui watak Laksamana Che Deraman dalam melindungi Raja Kelantan daripada disamun oleh lanun semasa pelayaran mereka ke Siam. Laksamana Che Deraman dilihat mempunyai banyak ilmu dan begitu berani apabila beliau mengeluarkan keris yang berada dipinggangnya dan membaca satu ayat sehinggakan menyebabkan kapal yang mereka naiki itu menjadi halimunan. Rentetan daripada itu, tindakan Laksamana Che Deraman ini telah berjaya menghalang lanun-lanun tersebut daripada menyerang baginda sultan. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa tindakan Laksamana Che Deraman yang berani dalam melindungi Raja Kelantan telah membuatkan keselamatan baginda serta seluruh anak kapal lebih terjamin dan bebas dari ancaman musuh luar. Keselamatan raja dilihat penting kerana ia merupakan tonggak utama dalam pemerintahan sesebuah negara. Jika keselamatan pemerintah negara tergugat, ia turut akan menyebabkan berlakunya keruntuhan sesebuah negara itu. Usaha melindungi dan menjaga keamanan negara ini amat penting bagi mengelakkan daripada dikuasai oleh pihak lain sekaligus



menjaga kedaulatan negara (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Dengan adanya sifat keberanian ini dalam setiap diri individu, ianya mampu melindungi pemerintah sekaligus negara daripada ancaman luar.

Selain itu, keberanian dalam mempertahankan raja dan negara ini juga ditonjolkan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Datu*, seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

Petikan 8

“Datu yang ketika itu ingin mengambil ufti bunga emas dari Terengganu telah tergendala akibat peperangan itu. Pada ketika itu, kerajaan Thailand telah cuba sedaya upaya untuk menyelamatkan kerajaannya. Kerajaan Thailand telah mengarahkan segala bala tentera yang ada untuk menyerang balas serangan yang dilakukan oleh pihak musuh. Pasukan pemanah telah berada di posisinya yang siap untuk berjuang demi mempertahankan kerajaan Thailand pada ketika itu. Datu telah mengambil kedudukan dalam pasukan tentera panah bagi menyelamatkan kerajaan pada ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:1-2)

Cerita *Asal Usul Datu* telah memperlihatkan bagaimana seorang pemuda ufti yang berani melindungi raja dan negaranya daripada pihak musuh sehinggakan beliau mengalami cedera parah. Cerita ini telah menonjolkan sifat keberanian dalam mempertahankan raja dan negara ini melalui watak seorang pemuda ufti iaitu Datu. Datu dilihat berani menentang pihak musuh dengan menyertai bala tentera dan mengambil kedudukan dalam pasukan tentera panah walaupun beliau tahu akan risikonya demi mempertahankan kerajaan Thailand dan seluruh rakyat di negara itu. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa seorang rakyat sanggup menggadaikan nyawanya tanpa mempedulikan sebarang musibah yang akan menimpa dirinya dalam mempertahankan negara yang dicintai serta masyarakat lain daripada diserang dan ditindas oleh pihak musuh. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), ketaatan dan kepatuhan masyarakat Melayu dahulu terhadap raja dan negara

terserlah apabila mereka sanggup menyelamatkan negara daripada tergadai di tangan pihak musuh yang cuba untuk mencetuskan peperangan.

Sifat keberanian dalam melindungi raja dan negara yang terdapat pada diri seseorang individu ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa dirinya sanggup berkorban demi mempertahankan tanah air dan orang lain walaupun terdapat pelbagai rintangan atau musibah yang bakal dihadapi. Sehubungan dengan itu, keberanian dalam melindungi raja dan negara ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, dalam konteks keberanian dalam melindungi raja dan negara ini, pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat keberanian ini dilihat mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan sanggup menempuhi segala rintangan dalam menjamin kesejahteraan masyarakat serta mempertahankan kedaulatan negara. Menurut Jean Bodin (1576), dalam sistem pemerintahan, kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, sewajarnya setiap manusia harus memiliki sifat ini bagi membentuk sebuah kehidupan yang sejahtera dan bebas daripada ancaman.

MALAYSIA

KELANTAN

### 4.3 Unsur Didaktik Melalui Sifat Baik Hati

Baik hati merujuk kepada sifat seseorang yang baik, suka tolong menolong, suka membuat kebajikan dan juga seorang yang penyayang. Sifat ini adalah satu tindakan yang baik dan tidak hanya terbatas diantara manusia, tetapi juga diantara makhluk (Aboebakar Atjeh, 1988). Menurut pandangan Norita Ariffin (2006), baik hati merujuk kepada perasaan simpati yang terdapat dalam diri seseorang insan dan dapat memberikan manfaat terhadap diri sendiri, orang lain atau alam persekitarannya. Seterusnya, Hashim Musa (2008), berpandangan bahawa baik hati adalah sifat bersimpati yang dimiliki oleh seseorang individu terhadap kesusahan dan keperitan orang lain dan bersedia untuk memberi sumbangan atau pertolongan sama ada dalam bentuk sokongan moral atau kebendaan terhadap mereka, bersedia untuk memberi kemaafan ke atas kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dan tidak menyimpan sebarang dendam di dalam diri. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'baik' merujuk kepada sesuatu yang bagus, berguna dan mempunyai faedah. Manakala kata 'baik hati' pula merujuk kepada sifat suka memberi pertolongan dan melakukan kebajikan, mudah simpati dan pengasih (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh itu, sifat baik hati dapat dirumuskan sebagai sifat yang terdapat dalam diri manusia yang selalu memberi perhatian terhadap perasaan, penderitaan dan kebajikan diri, orang lain serta alam persekitarannya serta dapat memaafkan kesalahan orang lain secara tulus ikhlas. Rentetan daripada itu, kajian ini membincangkan unsur didaktik yang terlihat dalam teks ini melalui sifat baik hati iaitu belas kasihan, pemaaf, menjaga kebajikan masyarakat, dan memahami permasalahan orang lain.

#### 4.3.1 Belas Kasihan

Masyarakat Melayu sering digambarkan sebagai masyarakat yang mempunyai hati yang murni kerana mempunyai sikap belas kasihan dan gemar menolong orang yang dalam kesusahan dan sikap ini amat dituntut dalam Islam. Sikap belas kasihan

merupakan satu perbuatan murni yang lahir daripada hati nurani seseorang individu (Aboebakar Atjeh, 1988). Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), belas kasihan merujuk kepada perasaan sedih yang wujud dalam diri seseorang apabila melihat kesusahan orang lain dan bersedia untuk memberikan pertolongan. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'belas' bermaksud perasaan hati yang hiba atau sedih apabila melihat orang lain dalam kesusahan atau menderita. Selain itu, kata 'kasihan' adalah berasa sedih atau belas ketika mendengar atau melihat kesusahan yang menimpa seseorang (*Kamus Dewan*, 2016). Belas kasihan juga merujuk kepada perasaan ingin membantu seseorang yang berada dalam kesulitan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Oleh itu, sikap belas kasihan ini dapat dirumuskan sebagai perasaan seseorang individu yang ingin memberikan pertolongan apabila melihat seseorang dalam kesusahan. Hal ini jelas membuktikan bahawa sikap belas kasihan ini adalah satu sikap yang dapat membawa kebaikan dalam diri mahupun kehidupan setiap manusia.

Sikap belas kasihan ini boleh dilihat menerusi cerita *Musibah di Kampung Pulau Gajah*, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

#### Petikan 9

“Setelah banjir besar itu terjadi, penduduk yang menetap di situ mulai menyelamatkan diri ke Kampung Pulau Gajah Besar. Sewaktu itu juga terdapat penduduk dari Kampung Pulau Gajah Besar datang untuk membantu mangsa hakis ombak dan air pasang yang enggan berpindah, Mereka datang membawa segala barang keperluan yang dikehendaki oleh mangsa. Selain itu, penduduk Kampung Gajah Besar sanggup memberikan rawatan kepada mangsa yang tercedera ketika malapetaka negeri itu melanda. Terdapat penduduk Kampung Pulau Gajah Besar yang menumpang mangsa dari kampung tersebut di rumah mereka buat sementara waktu. Mereka memberikan sepenuh layanan kepada mangsa dengan sebaik mungkin tanpa wujud sebarang keluhan yang dituturkan di bibir mereka. Keikhlasan penduduk Kampung Gajah Besar yang sudi menghulurkan bantuan kepada mangsa telah menguatkan keutuhan dalam perhubungan kedua-dua buah kampung.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:25)

Tragedi yang menimpa masyarakat di sebuah Kampung Pulau Gajah Kecil telah mendapat perhatian penduduk lain untuk memberi bantuan kepada mereka dan ianya jelas terlihat di dalam cerita *Musibah di Kampung Pulau Gajah* ini. Peristiwa tersebut telah menonjolkan sikap belas kasihan ini melalui watak masyarakat Kampung Pulau Gajah Besar. Hal ini boleh dilihat apabila masyarakat di Kampung Pulau Gajah Besar datang memberi pertolongan kepada masyarakat di Kampung Pulau Gajah Kecil semasa berlakunya banjir besar di kawasan tersebut. Masyarakat Kampung Pulau Gajah Besar telah memberi pertolongan dengan membawa segala barang keperluan seperti makanan dan minuman serta memberikan rawatan kepada mangsa yang tercedera akibat dari bencana tersebut. Oleh hal yang demikian, ia jelas membuktikan sikap belas kasihan yang terdapat pada masyarakat Kampung Pulau Gajah Besar apabila mereka memberi pertolongan terhadap masyarakat Kampung Pulau Gajah Kecil yang dalam kesusahan akibat dari banjir yang melanda. Tindakan ini dapat mewujudkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat, lantas dapat membawa kepada kesejahteraan masyarakat bersama. Menurut pandangan Abd Rahim Abd Rashid (2001), masyarakat Melayu menerapkan sifat belas kasihan di dalam diri dan kehidupan agar ikatan persaudaraan dengan orang lain dapat dijaga.

Selain itu, sikap belas kasihan ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Milik Siapakah Saka Itu?* seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

#### Petikan 10

“Di sebuah kampung Pengkalan Datu, terdapat sepasang suami isteri yang tinggal di hujung kampung. Mereka sudah sepuluh tahun berkahwin tetapi tidak dikurniakan cahaya mata. Mereka ialah Salman dan Salmah. Sepasang suami isteri itu mempunyai sifat yang sangat mulia dan dihormati oleh penduduk kampung. Salman memiliki sebuah kebun yang sangat besar diusahakan oleh mereka berdua. Memiliki sebuah kebun buah yang sangat luas untuk diusahakan, Salman telah mengambil pekerja untuk membantunya bekerja apabila di kebun. Bagi Salman, mereka akan menolong penduduk kampung yang memerlukan pertolongan daripada mereka.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:45)

Walaupun mempunyai kekayaan yang melimpah ruah, namun orang disekeliling tidak dilupakan malah dibantu untuk memastikan mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Sikap belas kasihan ini dapat dilihat melalui watak sepasang suami isteri iaitu Salman dan Salmah menerusi cerita *Milik Siapakah Saka Itu?*. Salman dan Salmah dilihat sering menghulurkan pertolongan kepada penduduk kampung yang memerlukan pekerjaan bagi menampung kehidupan seharian mereka. Salman dan isterinya akan menawarkan pekerjaan kepada penduduk kampung bagi meringankan beban mereka. Sehubungan dengan itu, jelas membuktikan bahawa sikap belas kasihan yang terdapat dalam diri Salman dan isterinya telah memperlihatkan sifat baik hati mereka dalam menolong orang yang dalam kesusahan dan mampu memberikan kehidupan yang lebih baik terhadap masyarakat di sekelilingnya serta sekaligus dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang penuh dengan keamanan dan kemakmuran. Hai ini bersesuaian dengan pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), yang mana setiap manusia wajar mempunyai sikap belas kasihan dalam komunikasi seharian dengan orang disekeliling bagi mewujudkan keharmonian dan kebahagiaan bersama.

Selain itu, sikap belas kasihan ini juga terpancar dalam cerita yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur*, seperti dalam petikan berikut:

Petikan 11

“Tok Karim juga dikatakan seorang pahlawan yang sangat baik hati kerana banyak menolong masyarakatnya yang ditimpa kesusahan, Pernah suatu ketika beliau telah menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan dan sebagainya kepada penduduk yang tidak mampu untuk menyara kehidupan seharian mereka.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:67)

Cerita *Tok Karim Guru Silat Masyhur* ini mengisahkan tentang seorang guru silat yang tersohor pada zaman masyarakat Melayu tradisional dan gemar memberikan pertolongan sehingga dihormati oleh masyarakat setempat. Menerusi cerita ini, ia

telah memaparkan sikap belas kasihan melalui watak Tok Karim. Tok Karim dilihat gemar menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan, dan sebagainya kepada masyarakat setempat yang ditimpa kesusahan bagi memastikan mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Tok Karim menghulurkan bantuan kepada masyarakat di kampungnya kerana beliau berasa simpati terhadap kesusahan yang dialami oleh mereka. Sehubungan dengan itu, bantuan yang diberikan oleh Tok Karim ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban masyarakat setempat. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa sikap belas kasihan yang terdapat dalam diri Tok Karim ini dapat membantu masyarakat menjalani kehidupan yang sempurna dan kebajikan mereka lebih terjamin. Sikap belas kasihan ini sinonim dengan masyarakat Melayu di mana masyarakat Melayu telah menjalani kehidupan seharian dengan saling membantu sesama insan (Hashim Musa, 2008).

Seterusnya, cerita *Berpuakakah Pengkalan Parit?* turut menggambarkan sikap belas kasihan ini, seperti dalam petikan berikut:

Petikan 12

“Suaminya dikatakan telah berminggu-minggu tidak berbicara tetapi hanya termenung di sebalik jendela rumah. Si suami tidak mahu bergerak ke mana-mana. Pak Bar telah memerhatikan keadaan si suami itu, apa yang dikatakan oleh si isteri adalah benar kerana si suami hanya duduk termenung di sebalik jendela. Segera dibawakan jampi serapah bagi merawat penyakit si suami. Dikatakan si suami telah tersampuk jin laut sewaktu pulang dari laut.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:55)

Cerita *Berpuakakah Pengkalan Parit?* telah memperlihatkan watak seorang bomoh yang handal dalam mengubati pelbagai penyakit yang dihadapi oleh seseorang. Sikap yang dimiliki oleh bomoh ini merupakan sikap belas kasihan yang dipaparkan menerusi watak Pak Bar dalam cerita ini. Pak Bar dilihat memberi pertolongan kepada seorang lelaki yang dikatakan telah terkena sampuk oleh jin. Pak Bar telah meminta

si isteri menyediakan segala kelengkapan untuk bermain teri bagi mengembalikan semangat suaminya yang telah hilang dan akhirnya suaminya berjaya dipulihkan seperti sediakala oleh Pak Bar. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa sikap Pak Bar yang sering menolong orang dalam kesusahan ini dapat mengukuhkan ikatan persaudaraan sesama masyarakat dalam menyelesaikan sesuatu perkara, sekaligus dapat mengukuhkan keimanan yang sejati dalam kalangan masyarakat. Hal ini turut disokong oleh Nik Salida Suhaila Nik Salleh (2010), bahawa sikap belas kasihan menjadi teras dalam membentuk iman yang sempurna dalam masyarakat Melayu terhadap Allah SWT.

Menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Nurani Che Him dalam Masyarakat* juga, terselit sikap belas kasihan, seperti dalam petikan berikut:

#### Petikan 13

“Suatu hari ketika sedang leka berniaga, Che Him telah didatangi oleh seorang perempuan tua. Pakaiannya kelihatan agak lusuh sekali dan mukanya comot. Keadaan fizikal ini felah menambahkan geli kepada sesetengah masyarakat yang melihatnya. Perempuan itu cuba untuk mendekati orang lalu lalang namun tiada, siapa yang ingin mendekatinya. Keadaan perempuan itu telah merain rasa simpati Che Him. Segera Che Him menghulurkan sedikit makanan daripada kedainya kepada perempuan itu. Makanan itu disambut oleh perempuan itu sambil mengucapkan terima kasih dengan air mata yang membasahi pipinya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:72)

Perbezaan budaya, bangsa, dan juga agama tidak menjadi penghalang untuk kita memberikan pertolongan kepada setiap manusia yang berada dalam kesusahan. Perwatakan seorang saudagar Cina yang begitu berwibawa dalam kehidupan masyarakat jelas terpancar dalam cerita *Nurani Che Him dalam Masyarakat* ini. Sikap belas kasihan ini dapat dilihat melalui watak Che Him yang merupakan seorang saudagar dari China. Che Him dilihat membantu seorang perempuan tua yang susah dengan memberikan sedikit makanan kepadanya. Che Him yang berasa simpati dan



tidak sanggup melihat perempuan tua itu dalam kesusahan dan sering dipinggirkan oleh masyarakat sekeliling telah membuatnya ingin menolong perempuan tua tersebut. Sehubungan dengan itu, jelas membuktikan bahawa masyarakat yang mempunyai sikap belas kasihan seperti Che Him ini sanggup memberi pertolongan terhadap setiap manusia tanpa mengira agama, bangsa dan juga budaya bagi memastikan kesejahteraan hidup bersama. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), sifat belas kasihan yang terdapat dalam diri setiap manusia telah memperlihatkan sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun tinggi.

Individu atau masyarakat yang memiliki sikap belas kasihan ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah telah membuktikan bahawa mereka sanggup memberikan pertolongan kepada orang yang dalam kesusahan tanpa mengharapkan sebarang balasan bagi memastikan masyarakat atau orang di sekeliling dapat menikmati dan menjalani hidup yang lebih baik. Sikap belas kasihan yang terdapat dalam diri seseorang individu telah memperlihatkan sifat baik hati yang terdapat pada dirinya dalam menolong orang yang dalam kesusahan. Sehubungan dengan itu, ianya dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, melalui sikap belas kasihan dengan menolong orang yang dalam kesusahan ini, pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat baik hati dan ia mempunyai keikhlasan dan ketulusan hati dalam menolong orang lain yang menghadapi kesusahan supaya mereka dapat mperolehi kehidupan yang lebih baik. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan oleh Norita Ariffin (2006), yang mana baik hati adalah satu perasaan kasihan yang terdapat dalam diri seseorang serta dapat memberi kebaikan terhadap diri sendiri atau orang disekeliling.

Oleh hal yang demikian, dapat dibuktikan bahawa setiap manusia mempunyai tanggungjawab dalam membantu orang lain yang berada dalam kesusahan. Sewajarnya setiap manusia harus memiliki sifat ini bagi mengelakkan adanya sikap mementingkan diri sendiri yang dapat memudaratkan kehidupan masing-masing dan dapat membentuk masyarakat yang bersatu padu.

#### 4.3.2 Pemaaf

Memaafkan kesalahan orang lain merupakan satu perbuatan yang mulia dan dapat membentuk keperibadian masyarakat yang lebih baik. Menurut pandangan Aboebakar Atjeh (1988), pemaaf adalah merupakan satu sikap yang terdapat pada seseorang manusia yang suka memaafkan kesalahan orang lain dan tidak berasa benci serta ingin membalasnya. Pemaaf juga dapat didefinisikan sebagai seseorang yang sanggup memaafkan kesalahan orang lain tanpa menyimpan perasaan benci dan dendam dalam diri (Hashim Musa, 2008). Selain itu, kata 'pemaaf' membawa maksud kerelaan seseorang dalam memberi maaf kepada orang lain (*Kamus Dewan*, 2016). Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), berpendapat pemaaf adalah satu sifat yang terdapat dalam diri seseorang dan rela untuk memberi maaf atas segala kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dan tidak menyimpan sebarang perasaan dendam dan niat untuk membalasnya. Memaafkan kesilapan yang telah dilakukan oleh seseorang merupakan satu tindakan yang seharusnya dilakukan oleh setiap manusia bagi mewujudkan kehidupan bermasyarakat yang aman dan harmoni.

Sifat baik hati menerusi sikap pemaaf ini boleh dilihat menerusi cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Petikan 14

“Selepas diusir, tiba-tiba gelombang ombak tidak tahu akan mana datangnya telah membinasakan bangunan masjid Pengkalan Datu itu dengan

menenggelamkannya. Penduduk yang melihat kejadian itu merasa terkejut dengan apa yang terjadi. Imam juga telah ghaib entah ke mana. Penduduk mulai merasakan hal yang berlaku itu mempunyai kaitan dengan imam tersebut. Abu yang melihat keadaan yang menimpa masjid kampung mereka mulai merasa menyesal dengan tindakannya itu. Lalu, segera beliau meminta maaf atas kesilapannya. Timah juga meminta maaf kerana berpakat dengan Abu untuk melakukan hal itu. Penduduk kampung yang berada di tempat itu memaafkan kesilapan mereka kerana mereka juga telah melakukan satu kesilapan dengan mengusir imam tanpa usul periksa. Akhirnya, masjid kampung itu telah hilang daripada pandangan mata penduduk buat selama-lamanya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:17)

Cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* ini, telah memperlihatkan seorang imam yang difitnah oleh orang yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan berlakunya musibah terhadap kampung tersebut setelah penduduk kampung mengusir imam keluar dari kampung. Penyesalan mereka tidak dapat mengubah keadaan yang telah berlaku, namun hanya kemaafan yang boleh menenangkan hati penduduk kampung tersebut. Menerusi cerita ini, ia telah memaparkan sikap pemaaf ini menerusi watak penduduk di kampung Pengkalan Datu. Penduduk kampung dilihat telah memaafkan seorang pemuda yang bernama Abu dan seorang janda yang bernama Timah apabila mereka telah menginsafi atas perbuatan mereka yang telah memfitnah imam di kampung tersebut. Abu dan Timah dikatakan telah memerangkap imam dan memfitnahnya telah merogol Timah. Hal ini telah menyebabkan imam dihalau keluar dari kampung tersebut. Namun, perkara ini telah diketahui oleh penduduk kampung berkenaan dan telah memaafkan kesalahan mereka berdua kerana penduduk kampung juga telah melakukan kesilapan dengan menghalau imam tanpa sebarang usul periksa. Hal ini telah memperlihatkan bahawa sikap pemaaf yang terdapat dalam diri penduduk kampung ini mampu memberi kesedaran tentang kepentingan sikap ini yang dapat mengelakkan manusia daripada melakukan kesalahan yang dapat mendatangkan kemudaratan pada diri sendiri atau masyarakat di sekeliling. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), sikap pemaaf merupakan satu amalan

yang dapat menyucikan diri daripada sifat-sifat mungkar dalam diri seseorang khususnya masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Selain itu, sifat baik hati menerusi sikap pemaaf ini turut boleh dilihat dalam cerita *Kepesatan Pengkalan Parit*, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Petikan 15

“Walaupun ramai lapisan masyarakat yang datang ka sini, namun mereka tidak berselisih faham antara satu sama lain. Diceritakan dahulu terdapat seorang tokoh namanya Pak Bulat. Pak Bulat adalah seorang yang panas baran dan mudah naik angin apabila kemahuannya tidak dituruti. Suatu hari, Pak Bulat telah bertengkar dengan Ah Li seorang pedagang China kerana satu salah faham kecil. Pergaduhan itu telah dapat dileraikan oleh laksamana di kawasan itu. Setelah perbincangan dilakukan, Pak Bulat merasakan dirinya telah bersalah lalu meminta maaf kepada Ah Li. Ah Li telah memaafkan perbuatan Pak Bulat. Mereka akhirnya dikhabarkan telah berkawan baik sejak peristiwa itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:34-35)

Memberi kemaafan merupakan sifat yang mulia dan tidak mengira agama, budaya mahupun bangsa. Hal ini dapat dilihat menerusi cerita *Kepesatan Pengkalan Parit* ini, yang mana ia telah memaparkan sikap pemaaf ini menerusi watak Ah Li yang merupakan seorang pedagang China. Pak Bulat yang merupakan seorang yang panas baran telah bertengkar dengan Ah Li disebabkan oleh satu salah faham yang kecil dan ianya telah menyebabkan satu pergaduhan yang besar berlaku antara mereka berdua. Namun, pergaduhan dapat dileraikan oleh Laksamana ketika itu. Setelah perbincangan dilakukan, Pak Bulat sedar akan kesalahannya lalu memohon maaf kepada Ah Li. Ah Li yang tidak ingin memanjangkan permasalahan ini telah memaafkan perbuatan yang telah dilakukan oleh Pak Bulat dan hubungan persahabatan mereka menjadi lebih erat selepas peristiwa tersebut. Oleh itu, sikap pemaaf yang dimiliki oleh Ah Li ini jelas dapat mengeratkan lagi hubungan dan mengelakkan berlakunya perpecahan dan perbalahan di antara satu sama lain. Menurut pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), setiap manusia yang

mempunyai sifat pemaaf ini memiliki jiwa dan naluri yang bersih, dan hal ini dapat membentuk budi pekerti masyarakat yang mulia.

Berdasarkan petikan cerita-cerita tersebut, jelas memperlihatkan bahawa individu atau masyarakat yang memiliki sikap pemaaf ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah telah membuktikan bahawa mereka rela melepaskan dendam dan kemarahan yang dirasakan bagi memastikan kehidupan mereka akan lebih harmoni dan lebih baik kelak. Sehubungan dengan itu, sikap ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, melalui sifat baik hati dalam memaafkan kesalahan orang lain ini, pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat ini, mempunyai hati yang mulia dan ikhlas bagi memastikan keharmonian dalam masyarakat dapat dikekalkan. Oleh hal yang demikian, dapat dibuktikan bahawa sifat ini dapat mengekang sifat-sifat yang negatif seperti hasad dengki dan mementingkan diri sendiri daripada wujud dalam setiap diri manusia. Menurut Hashim Musa (2008), sikap pemaaf yang terdapat dalam diri seseorang insan itu menjadi satu pegangan asas dalam membimbing diri menjadi seorang insan yang mulia dan mendapat rahmat dari Allah SWT. Menerusi ajaran Islam, setiap manusia ditekankan supaya sentiasa mengamalkan sifat memaafkan kesalahan dan menjalinkan hubungan sosial yang baik dengan orang lain termasuk apabila berlakunya perselisihan. Sebagai umat Islam, perbuatan memaafkan kesalahan orang lain merupakan satu tindakan yang mulia di sisi Allah SWT kerana ia dapat mengajar manusia memaafkan orang lain dengan penuh keikhlasan.

#### 4.3.3 Menjaga Kebajikan Masyarakat

Kebajikan masyarakat perlu diberi perhatian agar masyarakat dapat membangun dan menjalani kehidupan yang lebih selesa dan sempurna. Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron, dan Siti Norlina Muhamad (2004), menyatakan bahawa kesediaan dalam memberi pertolongan, bertolak ansur dan menjaga kebajikan merupakan ciri yang penting dalam mewujudkan kehidupan masyarakat yang sempurna. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'kebajikan' merujuk kepada sesuatu yang membawa kebaikan atau perbuatan baik terhadap manusia. Manakala, kata 'masyarakat' dapat diertikan sebagai sekumpulan manusia yang menetap di sesuatu kawasan dengan peraturan dan cara hidup tertentu (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh hal yang demikian, kebajikan masyarakat dapat dirumuskan sebagai sesuatu perbuatan atau perkara yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Sifat baik hati dalam menjaga kebajikan masyarakat ini jelas terpancar melalui cerita *Haji Long Abdul Rahman*, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

##### Petikan 16

"Menceritakan bahawa Haji Long Abdul Rahman telah menetap di pulau itu setelah sekian lama. Kampung itu pada peringkat awalnya telah didiami oleh tiga buah keluarga dan akhirnya berkembang pesat. Mereka hidup dalam keadaan rukun dan damai sebagai jiran tetangga. Ramai anak muda yang belajar ilmu agama dengan Haji Long Abdul Rahman ini. Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat. Hafalan al-Quran sering dialunkan secara merdu oleh anak-anak muridnya. Alunan zikir tidak lepas daripada bibirnya, Beliau juga sangat dikenali sebagai 'raja telunjuk' kerana kepakarannya dalam perubatan Islam dalam kalangan masyarakat."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:59)

Watak utama yang terdapat dalam cerita *Haji Long Abdul Rahman* ini, telah memaparkan sifat baik hati dalam menjaga kebajikan masyarakat agar penduduk di penempatan tersebut dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Watak Haji Long

Abdul Rahman merupakan seorang tokoh alim ulama di kampung Pulau Gajah. Haji Long Abdul Rahman dilihat telah menubuhkan sebuah madrasah bagi menyampaikan ilmu agama kepada seluruh penduduk di kampung Pulau Gajah. Hal ini kerana, beliau menyedari tentang kepentingan ilmu agama ini untuk seluruh penduduk terutamanya umat Islam kelak. Beliau telah menyampaikan ceramah agama dan mengajar anak-anak muda membaca al-Quran agar penduduk kampung dapat mengamalkan segala ajaran yang dituntut dalam Islam dengan sebaik mungkin. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa Haji Long Abdul Rahman amat menjaga kebajikan masyarakatnya bagi membolehkan mereka mempelajari dan mendalami ilmu Islam bersama-sama agar mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT. Agama Islam dapat berkembang dengan lebih meluas apabila setiap manusia bersikap menjaga kebajikan sesama manusia (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Selain itu, sifat baik hati dalam menjaga kebajikan masyarakat ini turut dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur*, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

#### Petikan 17

“Tok Karim juga dikatakan seorang pahlawan yang sangat baik hati kerana banyak menolong masyarakatnya yang ditimpa kesusahan. Pernah suatu ketika beliau telah menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan dan sebagainya kepada penduduk yang tidak mampu untuk menyara kehidupan seharian mereka. Walaupun masyarakat pada ketika itu menyanjungi beliau sebagai seorang tokoh terhormat, namun masih ada sikap merendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang ada. Masyarakat setempat masih menghormatinya kerana sikap yang menjadi tauladan kepada masyarakat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:67)

Cerita *Tok Karim Guru Silat Masyhur* ini, telah memaparkan sifat baik hati dalam menjaga kebajikan masyarakat menerusi watak seorang guru silat yang tersohor iaitu Tok Karim. Tok Karim digambarkan sebagai seorang pahlawan yang sangat baik hati,

kerana beliau menjaga kebajikan masyarakat setempatnya. Tok Karim telah menyediakan dan menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan, dan sebagainya kepada penduduk yang tidak mampu untuk menyara kehidupan mereka. Tindakan Tok Karim ini sedikit sebanyak telah meringankan beban penduduk kampung untuk menjalani kehidupan yang selesa. Oleh hal yang demikian, sifat Tok Karim ini wajar dicontohi oleh setiap manusia khususnya kepada golongan pemimpin dalam memastikan kebajikan masyarakat terjaga dan tidak ada yang mengalami kesusahan dalam menyara kehidupan seharian mereka dapat mengeratkan lagi hubungan dan mengelakkan berlakunya perpecahan dan perbalahan di antara satu sama lain. Siti Fatimah Abdul Rahman (2000), berpendapat bahawa sifat menjaga kebajikan masyarakat ini dapat memupuk rasa bertanggungjawab dan ikhlas dalam diri apabila membantu orang yang dalam kesusahan.

Sifat baik hati yang terdapat dalam diri seseorang individu dalam menjaga kebajikan masyarakat ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa ia mempunyai sifat yang pemurah dan mulia dalam memastikan masyarakat di sekelilingnya dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Menurut Siti Fatimah Abdul Rahman (2000), Islam amat menuntut seluruh umatnya saling menjaga kebajikan masyarakat sejagat. Ajaran Islam menekankan bahawa menjaga kebajikan anggota masyarakat yang lain tidak hanya tertumpu dalam memberi pertolongan dari segi keperluan material dan fizikal sahaja, tetapi juga keperluan spiritual yang meliputi ilmu-ilmu kerohanian. Sehubungan dengan itu, sifat baik hati dalam menjaga kebajikan masyarakat ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberikan impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, melalui sifat baik hati dalam menjaga



kebajikan masyarakat ini, pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat ini, dapat mendidik diri supaya mengambil berat terhadap masyarakat di sekeliling dan membantu mereka mencapai kehidupan yang sempurna. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa dengan adanya sifat ini dalam diri, ia dapat memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat sekaligus dapat membangunkan kehidupan masyarakat ke arah yang lebih kondusif.

#### 4.3.4 Memahami Permasalahan Orang Lain

Memahami permasalahan orang lain merupakan satu tindakan yang mengerti kesulitan atau penderitaan yang telah dialami oleh seseorang terhadap sesuatu perkara. Ikatan persaudaraan dapat diwujudkan jika setiap manusia memahami permasalahan yang dihadapi oleh orang lain (Mohd Ali Hashimi, 1992). Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'memahami' bermaksud mengetahui dan mengerti sesuatu perkara dengan benar. Manakala kata 'permasalahan' bererti sesuatu yang menjadi masalah dalam kehidupan (*Kamus Dewan*, 2016). Menerusi pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), sifat memahami permasalahan orang lain merupakan satu keadaan seseorang individu yang mengetahui penderitaan yang dialami oleh seseorang mengenai sesuatu perkara. Sifat baik hati yang dimiliki oleh seseorang individu dalam memahami permasalahan yang berlaku dalam kehidupan seseorang, dapat menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan masyarakat dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah secara bersama-sama.

Sifat baik hati dalam memahami masalah orang lain ini boleh dilihat menerusi cerita *Tentera Bergajah*, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Petikan 18

“Serangan secara bertubi-tubi telah melemahkan sistem pertahanan kerajaan itu. Serangan bawaan virus ke atas gajah-gajah yang menjadi pengangkutan

ketenteraan tidak dapat dilakukan. Hal ini, juga telah menyukarkan sistem pertahanan Patani pada ketika itu. Perkara ini telah membuatkan Raja Patani memikirkan hal tersebut secara akar umbi untuk menguatkan lagi pertahanan kerajaan. Hal ini kerana keselamatan rakyatnya perlu dijaga. Lalu, segera dipanggil pemuda ufti untuk memikirkan kaedah meningkatkan pertahanan kerajaan ini. Raja Patani mulai berbincang mengenai permasalahan yang berlaku di dalam kerajaan itu. Pemuda ufti itu seakan-akan memahami permasalahan yang berlaku dan faham akan masalah yang difikirkan oleh Raja Patani pada ketika itu. Permasalahan ini mengenai gajah tentera kerana tanpa gajah-gajah tersebut peperangan mungkin tidak berpihak kepada kerajaan Patani.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:73)

Cerita *Tentera Bergajah* yang mengisahkan tentang pergolakan yang telah berlaku dalam kerajaan Patani akibat perubahan ke atas sistem pentadbiran yang diperintah oleh raja baharu. Wabak yang melanda turut menjejaskan sistem pertahanan, dan hal ini telah menyebabkan pemerintah negara meminta pandangan daripada seorang pemuda ufti bagi mengatasi permasalahan ini. Cerita ini telah memaparkan sifat baik hati dalam memahami permasalahan orang lain menerusi watak seorang pemuda ufti. Pemuda ufti dilihat memahami dan membantu Raja Patani dalam menyelesaikan masalah pentadbiran yang telah berlaku. Berikutan permasalahan dan kerunsingan yang dialami oleh Raja Patani, pemuda ufti telah mengutarakan pendapat kepada Raja Patani untuk melindungi gajah tentera daripada serangan virus dengan menghantar gajah-gajah tersebut sebuah tempat yang jauh dan dijaga rapi oleh sekumpulan tentera kecil. Tindakan ini telah dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku tanpa sebarang masalah. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa pemuda ufti amat memahami dan mengambil berat terhadap permasalahan yang berlaku. Hal ini turut memperlihatkan bahawa setiap manusia saling memerlukan bagi menyelesaikan sesuatu perkara dan ianya sekaligus dapat menjalinkan ikatan persaudaraan yang lebih erat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Seterusnya, sifat baik hati dalam memahami permasalahan orang lain ini turut dapat dilihat menerusi cerita rakyat *Nik Mat Keturunan Raja Banjar*, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Petikan 19

“Terdapat suatu ketika, seorang rakyatnya telah datang menemui baginda sewaktu baginda sedang bersemayam di istana untuk menceritakan permasalahan yang telah berlaku terhadap dirinya. Baginda telah mendengar sedaya upaya akan permasalahan yang dibicarakan. Baginda telah meminta datuk bendahara untuk membantu menguruskan permasalahan yang dibawa oleh rakyat tersebut. Begitulah kemurnian Raja Banjar yang diketahui oleh masyarakat setempat. Ianya telah membuatkan rakyat sayang kepada baginda. Dikatakan juga Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat merupakan anak kepada Raja Jembal. Sikap murni ayahandanya telah diserap oleh anaknya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:78-79)

Raja Banjar disifatkan sebagai seorang raja yang memahami permasalahan atau penderitaan yang dilalui rakyatnya seperti yang jelas digambarkan di dalam cerita *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* ini. Ia telah memaparkan sifat baik hati dalam memahami permasalahan orang lain menerusi watak seorang raja iaitu Raja Banjar. Baginda memaparkan sifat ini apabila menyelesaikan setiap permasalahan tanpa mengira darjat. Hal ini telah membuatkan rakyat amat menyanjungi dan menghormati Baginda. Oleh hal yang demikian, sifat ini wajar dicontohi oleh setiap manusia khususnya kepada golongan pemimpin dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan masyarakat tanpa mengira pangkat atau darjat bagi menjamin kesejahteraan bersama. Mustafa Daud (1991), beranggapan bahawa sifat memahami yang wujud dalam kehidupan manusia mampu melahirkan sebuah masyarakat yang mampu menjaga kebajikan masyarakat di sekeliling agar dapat menjalani kehidupan yang baik.

Sifat baik hati yang terdapat pada seseorang individu dalam memahami permasalahan orang lain ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa ia mempunyai sifat bertanggungjawab dan cuba berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah yang dilalui oleh seseorang individu itu bagi membolehkannya menghadapi rintangan dan cabaran yang melanda. Sehubungan dengan itu, sifat baik hati dalam memahami permasalahan orang lain ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberikan impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, pengarang ingin menggambarkan kepada khalayak bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat ini, dapat menjadikan diri sebagai seorang yang bertanggungjawab dan saling membantu masyarakat yang dalam kesusahan. Menurut Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron, dan Siti Norlina Muhamad (2004), sentiasa mengambil berat, memberikan perhatian, saling tolong-menolong, dan bertolak ansur sesama manusia adalah salah satu ciri yang penting dalam mewujudkan masyarakat yang aman dan makmur. Oleh hal yang demikian, dapat dibuktikan bahawa dengan adanya sifat ini dalam diri, ia dapat mengeratkan hubungan persaudaraan sesama masyarakat dan mengukuhkan semangat perpaduan dalam diri masing-masing.

#### 4.4 Unsur Didaktik Melalui Sifat Berdikari

Berdikari adalah kesanggupan atau kebolehan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mengharapkan orang lain. Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan (1992), berpandangan bahawa berdikari juga merupakan sifat yang terdapat dalam diri seseorang manusia yang sanggup serta mampu untuk melaksanakan sesuatu urusan atau tugas tanpa pertolongan orang lain. Menurut Hashim Musa (2008), berdikari adalah merupakan sifat individu yang mempunyai pemikiran yang bebas, keyakinan diri yang tinggi, tidak berharap pada orang lain, sanggup menjalankan tugas yang diberikan serta melaksanakannya dengan bertanggungjawab. Di samping itu, Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) berpendapat bahawa sifat berdikari dapat diertikan sebagai kemampuan diri dalam melakukan segala urusan tanpa mengharapkan pertolongan orang lain. Sehubungan dengan itu, sifat berdikari dapat dirumuskan sebagai keyakinan, kebolehan dan kecekapan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara tanpa pertolongan orang lain. Sifat berdikari yang dimiliki oleh seseorang individu itu dilihat mampu membuatkan dirinya mampu melakukan sesuatu tugas tanpa memerlukan bantuan daripada orang lain. Oleh itu, kajian ini membincangkan unsur didaktik melalui sifat berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab dan mencapai kejayaan.

##### 4.4.1 Melaksanakan Tanggungjawab

Berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab merupakan satu sifat yang dimiliki oleh seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu tugas dengan keupayaan dirinya yang bersungguh-sungguh. Menurut Zainal Abidin Safarwan (1997), tanggungjawab adalah merupakan satu tugas, kewajipan, beban, tanggungan dan amanah yang perlu dilaksanakan. Seterusnya, Ibrahim Mamat (1997), berpendapat bahawa sikap tanggungjawab dapat dilihat menerusi tindakan manusia yang bersungguh-sungguh dan sanggup melakukan sesuatu tugas dengan teratur dan baik agar ia dapat

dilakukan dengan sempurna. Menurut Swettenham (2003), sikap tanggungjawab ini dilihat tidak asing dalam diri masyarakat Melayu, kerana sikap ini sinonim dengan gambaran masyarakat Melayu yang gemar menolong orang lain yang berada dalam kesulitan. Manakala menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘tanggungjawab’ bererti kewajiban yang ditanggung oleh seseorang dan sesuatu tugas yang mesti dilakukan. Oleh itu, sifat berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab ini dapat dirumuskan sebagai kemampuan seseorang individu dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan atau yang perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh untuk kebaikan dirinya atau orang lain. Sifat berdikari yang ditonjolkan oleh seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu tugas dapat membentuk diri menjadi seorang yang berpegang kepada amanah, dipercayai oleh masyarakat sekeliling dan berjaya dalam kehidupan.

Berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab ini boleh dilihat melalui cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Datu*, seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

#### Petikan 20

“Pada ketika itu, kerajaan Thailand masih menerima ufti bunga emas selang tiga bulan sekali sebagai tanda berlindung di bawah kerajaan Thailand. Pengambilan bunga ufti tersebut telah dilakukan oleh pemuda ufti namanya Datu. Tugas ini diarahkan oleh Raja Thailand pada ketika itu. Untuk mengambil ufti tersebut, datu terpaksa menyeberangi sebuah sungai untuk ke seberang. Lulan itu telah menjadi sebatian dalam diri Datu namun tidak diketahui nama sungai tersebut.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:2)

Penerimaan bunga ufti daripada kerajaan Terengganu telah menjadi satu tanda perlindungan di bawah kerajaan Thailand. Tugas pengambilan bunga ufti merupakan satu tugas yang amat besar kerana melibatkan perikatan antara dua buah negara, dan ianya wajar ditugaskan kepada orang yang memiliki sifat tanggungjawab yang tinggi seperti yang tergambar dalam cerita *Asal Usul Datu* ini. Cerita ini telah menonjolkan sifat berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab ini melalui watak seorang pemuda

pemungut ufti iaitu Datu. Datu dilihat bertanggungjawab dan melakukan tugasnya dengan bersungguh-sungguh iaitu mengambil bunga ufti emas daripada kerajaan Terengganu seperti yang diperintahkan oleh kerajaan Thailand. Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), berpendapat bahawa setiap insan harus melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh bagi membantu insan mahupun negara yang memerlukan agar sama-sama memperolehi kesan yang positif. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa seorang rakyat mematuhi segala arahan atau amanat yang telah diberikan oleh seorang pemerintah bagi memastikan kesejahteraan sesebuah negara terjamin dan sistem pentadbirannya yang lebih lancar.

Selain itu, berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Bidan Tok Haji Esah* melalui petikan berikut:

#### Petikan 21

“Sampai suatu saat, Melati telah rebah ke bumi kerana tiada kudrat dirasakan untuk berdiri. Secara kebetulan juga, Tok Haji Esah telah melalui kawasan itu dan mendapati Melati sedang menangis teresak-esak lalu menghulurkan bantuan kepadanya. Setelah anak selamat dilahirkan, Melati mengucapkan terima kasih di atas pertolongan yang diberikan. Tok Haji Esah telah memimpin Melati pulang ke rumahnya untuk berehat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:65)

Cerita *Bidan Tok Haji Esah* memperlihatkan seorang bidan kampung pada zaman dahulu kala yang menetap di Kampung Babong yang ramah dengan masyarakat sekitar. Beliau sering memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan bantuan dan dalam kesusahan. Oleh hal yang demikian, cerita ini telah menonjolkan sifat berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab melalui watak Tok Haji Esah yang merupakan seorang bidan di Kampung Babong. Tok Haji Esah dilihat bertanggungjawab apabila memberikan bantuan kepada Melati ketika Melati ingin melahirkan anaknya. Setelah selesai menguruskan kelahiran anak Melati, Tok Haji

Esah telah menghantar sendiri Melati pulang ke rumahnya agar ia berada dalam keadaan yang selamat. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa sebagai seorang bidan di kampung tersebut, Tok Haji Esah telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik bagi memastikan masyarakat di kampungnya terutamanya wanita yang mengandung tidak berada dalam kesusahan. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Swettenham (2003), yang berpendapat bahawa sikap tanggungjawab ini dilihat sinonim dengan gambaran masyarakat Melayu yang sering memberikan bantuan kepada orang yang dalam kesusahan.

Sifat berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab yang terdapat dalam diri seseorang itu telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa individu yang memiliki sifat ini akan mudah memberikan pertolongan kepada orang yang dalam kesusahan. Menurut Awang Hasmadi Awang Mois (2001), amalan masyarakat Melayu gemar memberi pertolongan kepada orang yang mengalami kesusahan merupakan salah satu amalan atau kebiasaan orang Melayu yang mengagumkan. Sehubungan dengan itu, sifat berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberikan impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, dalam konteks berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab ini, pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat berdikari ini dilihat bertanggungjawab dan giat berusaha dalam melaksanakan sesuatu tugas agar mereka mendapat manfaat yang dapat memberikan kesan yang positif dalam kehidupan mereka. Oleh hal yang demikian, sewajarnya setiap manusia harus memiliki sifat ini bagi membantu individu-



individu yang memerlukan bantuan agar dapat memperoleh manfaat yang baik bersama-sama.

#### 4.4.2 Mencapai Kejayaan

Berdikari dalam mencapai kejayaan merupakan tindakan seseorang individu yang berusaha dalam melakukan sesuatu perkara bagi memperolehi matlamat yang diinginkannya. Abd Rahim Abd Rashid (2001), menyatakan bahawa seseorang itu dapat mencapai sesuatu matlamat yang diinginkan jika melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'kejayaan' merujuk kepada kemenangan atau kemajuan yang diperoleh. Seseorang individu itu dapat memperoleh sebuah kejayaan apabila ia berusaha dengan bersungguh-sungguh (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Sifat berdikari yang dimiliki oleh seseorang dalam mencapai sesuatu perkara, mampu meningkatkan keyakinan dalam dirinya dalam menempuhi apa jua rintangan bagi memperolehi apa yang diinginkannya.

Berdikari dalam mencapai kejayaan ini boleh dilihat melalui cerita rakyat yang bertajuk *Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas*, seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

##### Petikan 22

“Tentera Jepun telah menggunakan basikal sebagai sistem pengangkutan untuk menjajah seluruh Tanah Melayu. Mereka telah melakukan satu renovasi terhadap basikal yang digunakan. Mereka telah menjadikan basikal kepada motor berkuasa genetik. Motor ini telah digunakan sebagai alat komunikasi antara tentera di Tanah Melayu dan pihak atasan Jepun kerana berjaya mencipta sesuatu yang berlainan dalam menyusun strategi menakluki tanah jajahan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:33)

Pemerintahan yang menuju ke arah kemodenan dan perindustrian dapat dilihat menerusi cerita *Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas* ini, apabila kebangkitan Jepun terserlah pada pemerintahan Maharaja Mikado Meiji pada tahun 1902 sehingga 1903. Usaha penjajahan tentera Jepun ke atas negeri Kelantan di Pantai Mek Mas telah memperlihatkan sifat berdikari dalam mencapai kejayaan melalui watak pihak Jepun. Pihak Jepun dilihat telah melakukan satu pembaharuan atau inovasi dengan menjadikan motor berkuasa genetik sebagai alat komunikasi semasa penjajahan mereka di Tanah Melayu. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa pihak Jepun telah mencuba dengan bersungguh-sungguh sehingga terhasilnya sistem komunikasi di Tanah Melayu dan ianya merupakan satu kejayaan yang besar yang telah dilakukan oleh pihak Jepun. Oleh itu, hal ini sedikit sebanyak mempengaruhi masyarakat Melayu untuk turut melakukan perubahan dan memperolehi kejayaan dalam kehidupan mereka. Berusaha melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh dapat membolehkan diri mengecapi kejayaan dalam kehidupan (Jumali Selamat, 2001).

Selain itu, sifat berdikari dalam mencapai kejayaan ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, melalui petikan berikut:

Petikan 23

“Lelaki tersebut cuba untuk menebas semak samun yang terdapat di situ. Lelaki itu juga berkata alangkah baiknya dia membina penempatan berhampiran kawasan pulau ini kerana terdapat kemudahan air untuk meneruskan kehidupan dengan menjalankan aktiviti tambahan yang lain seperti memburu dan menangkap ikan. Maka, lelaki tersebut pun membina satu petempatan yang baharu berhampiran dengan pulau tersebut. Lelaki itu juga terus menebang dan mencari buluh untuk membuat bubu bagi menangkap ikan dan menganyam bakul untuk mengutip hasil hutan yang dijumpainya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:28-29)


Cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* telah menggambarkan bagaimana seorang lelaki yang baru berusia 17 tahun yang hidup seorang diri di kawasan terpencil dan mencuba mencari sumber makanan bagi menyara kehidupannya sehari-hari. Sifat berdikari dalam mencapai kejayaan ini terserlah melalui watak seorang lelaki yang tinggal di dalam sebuah hutan belantara. Lelaki tersebut dilihat telah berusaha bersungguh-sungguh mencari penempatan dan makanan dengan menggunakan kudratnya bagi menyara kehidupannya di sebuah belantara. Lelaki itu dilihat secara bersendirian menjalankan kegiatan hariannya dengan menangkap ikan dan memburu binatang bagi meneruskan kehidupannya. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa setiap manusia boleh melakukan pekerjaan tanpa mengharapkan orang lain jika melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), berpendapat bahawa seseorang individu yang berusaha dengan bersungguh-sungguh mampu memperolehi kejayaan yang diinginkan.

Seseorang individu yang memiliki sifat berdikari dalam mencapai kejayaan ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa individu yang memiliki sifat ini akan tidak akan mudah menyerah kalah dan berusaha untuk mencapai matlamat yang diinginkannya. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), insan yang berdikari dalam melakukan sesuatu perkara dapat mewujudkan keseimbangan diri dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek. Sehubungan dengan itu, sifat berdikari dalam mencapai kejayaan ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, dalam konteks berdikari dalam mencapai kejayaan ini, pengarang telah memperlihatkan bahawa setiap manusia yang mempunyai sifat berdikari ini dilihat mampu


membuktikan kehebatannya dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mengharapkan bantuan daripada sesiapa sehingga ia dapat mencapai kejayaan. Oleh hal yang demikian, sewajarnya setiap manusia harus memiliki sifat ini bagi mencapai apa yang diimpikan tanpa mengharapkan orang lain.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

#### 4.5 Unsur Didaktik Melalui Sifat Hormat-Menghormati

Hormat-menghormati merujuk kepada sifat yang memuliakan atau menghargai seseorang dengan memberikan layanan yang baik. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (1992) bahawa hormat-menghormati dapat merujuk kepada sikap seseorang individu yang mengamalkan perilaku yang mulia dalam menjaga hubungannya dengan orang lain. Pada pandangan Norita Ariffin (2006), pula menyatakan bahawa hormat-menghormati adalah merupakan perasaan ikhlas, bertoleransi dan tunjuk rasa hormat terhadap orang lain. Sehubungan dengan itu, sifat hormat-menghormati dapat dirumuskan sebagai tindakan seseorang individu yang memuliakan golongan yang lebih tua atau melayani dengan baik serta menghormati maruah, kepercayaan dan hak orang lain. Di samping itu, Hashim Musa (2008), berpendapat bahawa hormat-menghormati adalah perbuatan yang memuliakan orang yang lebih berusia dan mempunyai pangkat yang lebih daripada kita, melayaninya dengan baik, menghormati hak, kepercayaan, budaya, adat resam, keperluan asasi dan maruah antara sesama manusia. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa sifat ini mampu membentuk peribadi dan perlakuan seseorang insan yang positif. Justeru itu, pengkajian ini akan membincangkan unsur didaktik melalui sifat menghormati raja dan negara dan menghormati orang tua.

##### 4.5.1 Menghormati Raja dan Negara

Hormat-menghormati raja dan negara adalah satu sifat yang perlu diterapkan dalam diri seluruh manusia bagi memastikan kesejahteraan negara terjamin dan sistem pentadbiran yang lebih lancar. Menurut pandangan Hashim Musa (2008), sifat hormat-menghormati raja dan negara ini wajar dipupuk dalam diri setiap masyarakat bagi membentuk sesebuah negara yang aman dan harmoni. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'raja' membawa maksud orang yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara dan bangsa. Manakala kata 'negara' pula membawa maksud sekelompok

masyarakat yang menetap di sesuatu kawasan, mempunyai sistem pemerintahan dan kedaulatan politik (*Kamus Dewan*, 2016). Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), menyatakan bahawa sifat menghormati raja dan negara ini melambangkan bukti kasih dan sayang masyarakat Melayu terhadap raja-raja. Sifat menghormati raja dan negara yang tersemat di dalam diri seseorang individu mampu memupuk semangat patriotik yang mendalam dalam diri dan mewujudkan sebuah negara yang penuh dengan kemakmuran dan keamanan.

Sifat hormat-menghormati raja dan negara ini jelas terpancar dalam cerita *Simbolik Rebana*, seperti yang ditonjolkan dalam petikan berikut:

Petikan 24

“Pada zaman dahulu, rebana dimainkan untuk menyambut kedatangan golongan raja-raja. Setiap paluan diamainkan adalah berbeza. Perbezaan bunyi paluan bagi membezakan paluan masuk dan keluar raja-raja. Setiap paluan itu mencerminkan kenunikan tersendiri. Paluan rebana ini adalah khusus buat raja-raja dan menjadikan satu penghormatan kepada golongan raja dalam kalangan masyarakat. Paluan rebana tidak boleh dimainkan sesuka hati oleh golongan rakyat biasa. Hal ini menggambarkan sikap biadap golongan rakyat kepada raja sebagai golongan pemerintah.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:18)

Cerita *Simbolik Rebana* ini telah memperlihatkan alunan rebana yang merdu akan dimainkan di setiap majlis di Kampung Pulau Gajah terutamanya ketika menyambut kedatangan golongan raja-raja. Paluan rebana ini menjadi tanda penghormatan penduduk kampung terhadap golongan raja. Sifat menghormati raja dan negara ini jelas terpancar dari tindakan rakyat jelata yang menghormati raja sebagai pemerintah yang berkuasa. Rakyat jelata yang terdiri dari masyarakat kampung dilihat menghiburkan dan meraikan raja mereka dalam setiap upacara atau majlis keraian dengan paluan kompang serta alunan muzik yang mengasyikkan. Sehubungan dengan itu, ikatan antara pemimpin dan rakyat dapat terjalin dengan lebih erat. Amir

A.Rahman (1991), turut berpendapat bahawa sifat hormat-menghormati ini dapat mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan dalam kalangan umat Islam. Oleh hal yang demikian, dengan menghormati raja dan negara, ia dapat mewujudkan negara yang bertamadun dan mempunyai masyarakat yang berjiwa murni dan taat setia kepada raja.

Seterusnya, sifat hormat-menghormati raja dan negara ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik*, melalui petikan berikut:

Petikan 25

“Maka telah terjadi satu pertarungan yang hebat di antara kedua baginda sultan itu, Malangnya Temangi telah tewas di tangan Parameswara. Kemangkatan Temangi telah diketahui oleh para pembesar dan seluruh rakyat jelata Siam ketika itu membuatkan Parameswara diburu. Kemangkatan Temangi telah sampai kepada pengetahuan Raja Kelantan ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:32)

Pembunuhan pemerintah kerajaan Siam telah menyebabkan berlakunya pemberotakan dan tuntutan bela oleh rakyat jelata seperti yang jelas terapar dalam cerita *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* ini. Watak rakyat jelata dan para pembesar telah memperlihatkan sifat menghormati raja dan negara yang tinggi terhadap Temangi iaitu pemerintah kerajaan Siam. Misalnya, dapat dilihat apabila rakyat jelata dan para pembesar pergi memburu Parameswara setelah mereka mendengar khabar bahawa Temangi telah dibunuh oleh Parameswara. Tindakan rakyat jelata dan para pembesar ini telah membuktikan bahawa mereka sangat menghormati raja dan negara sehingga sanggup menuntut bela di atas kematian pemerintah kerajaan mereka. Oleh itu, masyarakat Kelantan jelas dilihat amat menghormati dan taat setia kepada pemerintah mereka demi menjamin kesejahteraan dan kedaulatan negara mereka. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Mohd Firdaus

Che Yaacob (2021), yang berpendapat bahawa sifat menghormati raja dan negara ini melambangkan bukti kasih dan sayang masyarakat Melayu terdahulu terhadap raja-raja.

Sifat hormat-menghormati raja dan negara yang terdapat dalam diri seseorang individu atau sekelompok masyarakat telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa individu atau masyarakat yang memiliki sifat ini bersedia mempertahankan kedaulatan negara dan taat setia kepada raja. Tindakan ini mampu menjalinkan satu ikatan persaudaraan yang kuat antara pemimpin dan rakyat. Amir A. Rahman (1991), turut menegaskan bahawa sifat hormat-menghormati dapat mengukuhkan satu ikatan persaudaraan dalam lingkungan umat Islam. Sehubungan dengan itu, sifat hormat-menghormati raja dan negara ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, dalam konteks hormat-menghormati raja dan negara ini, pengarang telah memperlihatkan kepentingan sifat hormat-menghormati raja dan negara dalam diri setiap masyarakat supaya sesebuah negara dapat mencapai keamanan dan kemakmuran. Oleh hal yang demikian, sewajarnya setiap manusia harus mempunyai sifat hormat-menghormati ini agar ia dapat mewujudkan satu lingkungan yang tenang dan harmoni dalam hidup bermasyarakat.

#### 4.5.2 Menghormati Orang Tua

Hormat-menghormati orang tua merupakan sifat yang menghargai orang yang lebih berusia. Menurut Amir A. Rahman (1991), hormat-menghormati adalah satu sifat yang amat dituntut dalam ajaran Islam. Metzger (2007), berpendapat bahawa masyarakat



Melayu akan memberikan gelaran tertentu kepada individu-individu yang lebih berusia sebagai tanda hormat. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'orang tua' merupakan gelaran bagi ibu dan bapa atau golongan yang lebih berusia. Setiap masyarakat perlu menghormati orang tua tanpa mengira agama, bangsa dan juga budaya. Oleh hal yang demikian, sifat menghormati orang tua dapat dirumuskan sebagai tindakan menghargai orang yang lebih berusia dan menerima segala teguran yang diberikan. Hal ini agar kita dapat menjadi orang yang mempunyai tingkah laku yang baik dan mulia dalam kalangan masyarakat.

Sifat hormat-menghormati raja dan negara ini boleh dilihat menerusi cerita yang bertajuk *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, seperti yang ditonjolkan dalam petikan berikut:

Petikan 26

“Masjid ini dikatakan mempunyai seorang imam yang berperanan sebagai tokoh agama dalam menyebarkan ilmu dakwahnya. Ramai dalam kalangan anak muda yang mempelajari ilmu agama dengannya. Terdapat juga anak-anak muda yang pergi ke Mesir, Turki, Istanbul dan lain-lain. Masyarakat kampung amat menghormati imam kerana ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Sikap warak yang dipamerkan ini telah menambahkan rasa penduduk kepadanya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:16)

Cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* ini telah menggambarkan seorang tokoh agama yang disanjung oleh masyarakat kampung kerana ilmu yang dimilikinya. Sifat menghormati orang tua ini jelas terpancar dari tindakan masyarakat kampung Pengkalan Datu yang menghormati seorang tokoh agama. Masyarakat kampung dilihat sangat menghormati seorang tokoh agama itu kerana melihat kemampuannya dalam menyampaikan ilmu dakwahnya, sehingga ramai anak-anak muda yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sehubungan dengan itu, ikatan antara pemimpin dan rakyat dapat terjalin dengan lebih erat. Oleh hal yang demikian,

golongan pendidik sangat dihormati dan dihargai dalam kalangan masyarakat kerana telah memberikan pelbagai ilmu yang bermanfaat dalam kehidupan sehingga dapat mencapai kejayaan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Seterusnya, sifat hormat-menghormati orang tua juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur*, melalui petikan berikut:

Petikan 27

“Pernah suatu ketika beliau telah menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan dan sebagainya kepada penduduk yang tidak mampu menyara kehidupan seharian mereka. Walaupun masyarakat pada ketika itu menyanjungi beliau sebagai seorang tokoh terhormat, namun masih ada sikap merendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang ada. Masyarakat setempat masih menghormatinya kerana sikap yang menjadi tauladan kepada masyarakat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:67)

Meskipun mempunyai ilmu yang tinggi dalam persilatan, guru ini tetap merendah diri dan dihormati oleh masyarakat. Sifat menghormati orang tua ini jelas dapat dilihat dalam cerita *Tok Karim Guru Silat Masyhur*, menerusi watak penduduk kampung yang menghormati Tok Karim iaitu seorang guru silat yang tersohor. Misalnya, masyarakat kampung amat menghormati Tok karim kerana beliau tidak mempunyai sifat sombong walaupun mempunyai ilmu persilatan yang hebat. Oleh hal yang demikian, masyarakat terdahulu terutamanya dalam kalangan orang muda amat menghormati orang tua dan mempunyai ikatan persaudaraan yang erat. Hashim Musa (2008), menyatakan bahawa hubungan kemasyarakatan dapat diperkukuhkan apabila mengamalkan sifat hormat-menghormati orang tua dan menerima teguran yang disampaikan.

Sifat hormat-menghormati orang tua yang terdapat dalam diri seseorang individu atau sekelompok masyarakat telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah

membuktikan bahawa individu atau masyarakat yang memiliki sifat ini dapat mewujudkan keharmonian dan kedamaian sejagat. Sehubungan dengan itu, sifat hormat-menghormati orang tua ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberikan impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, dalam konteks hormat-menghormati orang tua, pengarang telah memperlihatkan kepentingan sifat ini dalam diri setiap masyarakat kerana ia sudah menjadi adat masyarakat Melayu dalam menghormati golongan yang lebih tua. Menurut Metzger (2007), gelaran tertentu telah diberikan sebagai tanda hormat kepada golongan yang lebih tua dan ianya sinonim dengan masyarakat Melayu yang mempunyai sikap menghormati orang yang lebih berusia. Justeru itu, sewajarnya setiap manusia harus mempunyai sifat hormat-menghormati ini agar dapat membentuk kehidupan yang sejahtera.

#### 4.6 Unsur Didaktik Melalui Sifat Semangat Bermasyarakat

Semangat bermasyarakat merupakan tindakan yang melakukan sesuatu perkara secara bersama dan untuk kepentingan bersama dalam mewujudkan keharmonian dalam hidup. Amir A. Rahman (1991), berpandangan bahawa Islam amat menekankan supaya seluruh umatnya hidup dalam sebuah masyarakat yang penuh dengan nilai-nilai suci dan mulia, menolong sesama manusia dan hidup dengan penuh muafakat. Semangat bermasyarakat dapat merujuk kepada kesediaan seseorang manusia dalam melakukan sesuatu perkara untuk kepentingan sejagat (Jumali Selamat, 2001). Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata 'semangat' merujuk kepada berkemahuan dan bersedia melakukan sesuatu perkara. Manakala kata 'bermasyarakat' membawa maksud menggabungkan diri dengan masyarakat setempat (*Kamus Dewan*, 2016). Semangat bermasyarakat ini dilihat penting kerana ia dapat memupuk setiap anggota masyarakat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Misalnya, tolong-menolong, bermuafakat, bertoleransi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, semangat bermasyarakat dapat dirumuskan sebagai kesediaan seseorang manusia dalam membantu dan menolong antara satu sama lain serta menggabungkan diri dengan masyarakat bagi mendapatkan kehidupan yang aman dan sejahtera. Oleh itu, kajian ini membincangkan unsur didaktik melalui sifat semangat bermasyarakat dalam muafakat dan semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong.

##### 4.6.1 Muafakat

Muafakat merupakan persetujuan atau perundingan dalam mencapai kesepakatan bersama. Hassan Hamzah (1997), berpendapat muafakat merujuk kepada perundingan, perbincangan dan persetujuan serta persepakatan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001), muafakat merupakan semangat kerjasama antara kalangan masyarakat dalam sesuatu perkara bagi

mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi secara bersama. Seterusnya, Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2002), menyatakan bahawa muafakat merupakan satu rundingan, persindangan, syura dan rembukan. Menurut *Kamus Dewan* (2016), muafakat adalah perbicaraan, perundingan dan permesyuaratan dalam mencapai persetujuan bersama. Oleh itu, muafakat dapat dirumuskan sebagai perundingan, perbincangan, permesyuaratan dalam mencapai persetujuan bersama. Dengan adanya permuafakatan dalam kalangan masyarakat, ia dapat membentuk ikatan persaudaraan dan semangat perpaduan yang lebih kukuh.

Sifat semangat bermasyarakat dalam muafakat ini boleh dilihat menerusi cerita *Simbolik Rebana*, seperti berikut:

Petikan 28

“Hubungan ketara antara masyarakat kampung ini wujud melalui rebana yang dipersembahkan melalui majlis-majlis perkahwinan. Ahli-ahli yang bermain rebana ini tergolong daripada masyarakat yang sudah dianggap sebagai adik beradik. Masyarakat setempat akan menginap di rumah yang mengadakan majlis tanpa pulang ke rumah masing-masing.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:18-19)

Cerita *Simbolik Rebana* ini jelas memperlihatkan kepada khalayak berkenaan permuafakatan dalam kalangan penduduk kampung di Pulau Gajah ketika bermain rebana. Misalnya, kesepakatan penduduk dalam meraikan majlis-majlis perkahwinan dengan memainkan rebana dalam kalangan masyarakat setempat tanpa mengambil kira sebarang pembayaran. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa penduduk kampung ini mementingkan soal kesepakatan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Muafakat telah menjadi satu adat utama dalam kebudayaan masyarakat Melayu (Norazit Selat, 2001). Dengan adanya sifat semangat bermasyarakat dalam muafakat ini mampu membentuk masyarakat yang mementingkan keharmonian dan kesejahteraan.

Seterusnya, semangat bermasyarakat dalam muafakat ini juga dapat dilihat melalui cerita yang bertajuk *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu*, seperti dalam petikan berikut:

Petikan 29

“Kisahanya bermula apabila sekumpulan pemuda yang sangat meminati persembahan dikir barat telah menubuhkan satu kumpulan. Mereka ialah Samad, Awang, Mail, Man dan Nasir. Mereka adalah sekawan dan sekampung sejak kecil lagi. Mereka melantik Mail menjadi ketua untuk kumpulan dikir barat yang mereka tubuhkan itu. Segala persembahan, pertandingan atau apa-apa sahaja berkaitan dengan dikir barat Mail akan maklumkan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:5)

Peristiwa perkaitan antara alat muzik dan pokok tanjung yang terletak di Kampung Tanjung Besar. Pokok tersebut mempunyai keajaiban yang tersendiri dan setiap persembahan yang ingin dilakukan harus dilakukan di tempat itu terlebih dahulu. Dalam cerita *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu* ini, pengarang menggambarkan sifat semangat bermasyarakat dalam muafakat melalui hubungan persahabatan yang sejati. Contohnya, Samad, Man dan Nasir telah bersepakat untuk melantik Mail menjadi ketua dalam persembahan dikir barat. Bagi memastikan persembahan dapat dijalankan dengan lancar dan teratur, mereka akan berbincang dan membuat keputusan secara bersama. Dalam kehidupan, setiap masyarakat akan bermuafakat antara satu sama lain dalam membentuk sebuah kehidupan yang sejahtera. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Tengku Lukman Sinar (2001), yang mana ia sudah menjadi adat dalam kalangan masyarakat Melayu apabila mereka bermuafakat bersama sahabat handai bagi mewujudkan kehidupan yang aman dan sejahtera.

Masyarakat atau individu yang memiliki sifat semangat bermasyarakat dalam muafakat ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa individu atau masyarakat yang memiliki sifat ini dapat mewujudkan kehidupan yang sejahtera dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, sifat semangat

bermasyarakat dalam muafakat ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak yang baik atau buruk kepada mereka. Misalnya, dalam konteks semangat bermasyarakat dalam muafakat, pengarang telah memperlihatkan kepentingan sifat ini dalam perhubungan antara masyarakat kerana ianya mampu melahirkan masyarakat yang bersatu padu. Semangat bersatu padu dan permuafakatan seharusnya ditanam dalam diri seluruh masyarakat supaya dapat mewujudkan sebuah negara yang makmur. Oleh hal yang demikian, sewajarnya setiap manusia harus mempunyai sifat ini agar dapat membentuk kehidupan yang sejahtera.

#### 4.6.2 Tolong-Menolong

Semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong merupakan sikap yang dimiliki oleh manusia dalam usaha membantu orang di sekelilingnya yang berada dalam kesusahan. Hashim Musa (2008), berpendapat bahawa tolong-menolong merupakan satu kewajipan kepada setiap individu dalam memberikan bantuan kepada orang di sekeliling yang memerlukan pertolongan. Tolong-menolong juga merupakan satu tindakan seorang individu yang menghulurkan pertolongan terhadap seseorang untuk keperluan dan kebajikan sejagat (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010). Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2016), tolong-menolong adalah perbuatan saling menolong atau saling membantu orang lain untuk meringankan beban yang dihadapi. Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), pula berpendapat bahawa tolong-menolong adalah satu sikap yang dimiliki oleh seseorang dalam memberikan pertolongan kepada orang disekeliling bagi mencapai manfaat secara bersama. Oleh itu, sikap tolong-menolong dapat dirumuskan sebagai tindakan seseorang individu yang menghulurkan bantuan

kepada individu lain yang mengalami kesusahan demi kepentingan bersama. Sikap ini dianggap sebagai satu usaha yang murni yang akan memberikan manfaat kepada semua.

Sifat semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong ini dapat dilihat dalam cerita yang bertajuk *Disorok Jin*, seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Petikan 30

“Ibu Ahmad mendapati anaknya tidak pulang sejak pergi mengaji. Selepas itu, dia telah memaklumkan perkara kepada bapa Ahmad. Oleh kerana bimbang keselamatan anaknya itu, bapa Ahmad telah memberitahu kepada penduduk kampung agar diusahakan untuk mencari anaknya setelah didapati anaknya tiada di rumah tok guru tempat dia mengaji. Semua penduduk kampung telah bermuafakat untuk membantu bersama-sama mencari Ahmad yang tidak diketahui punca kehilangannya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:42)

Kehilangan seorang kanak-kanak di Kampung Pulau Gajah telah menggemparkan penduduk di kawasan tersebut dan menyebabkan penduduk kampung bersepakat untuk mencari budak tersebut. Menerusi cerita *Disorok Jin* ini, pengarang menggambarkan sifat semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong melalui watak penduduk kampung yang berusaha mencari Ahmad. Contohnya, penduduk kampung dilihat bersama-sama berusaha menolong bapa Ahmad dalam mencari Ahmad yang telah hilang. Usaha mencari Ahmad telah diteruskan dan akhirnya Ahmad dapat ditemui dalam keadaan selamat. Oleh hal yang demikian, jelas memperlihatkan masyarakat yang mengambil berat dan saling tolong-menolong dalam memastikan kesejahteraan sejagat. Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan sifat tolong-menolong dalam memastikan kesempurnaan hidup dapat dicapai (Mohd Taib Osman, 1990).



Seterusnya, semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong ini juga dapat dilihat menerusi cerita yang bertajuk *Tok Perindu*, seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Petikan 31

“Tentera Siam cuba membawa gajah- gajah mereka ke tempat persinggahan tetapi gajah-gajah itu tidak mengendahkan. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh mereka untuk memujuk gajah-gajah kembali tetapi gagal. Setelah beberapa hari, gajah-gajah ini mula jatuh sakit dan ada yang telah mati di situ. Bala tentera Siam amat sedih kerana gajah-gajah yang mereka tunggang itu mati di tempat orang. Sebagai tanda penghormatan kepada bangkai gajah yang telah mati itu, mereka menggali beberapa lubang yang besar untuk menanam bangkai gajah tersebut sebelum mereka berangkat pulang. Keasyikan suara buluh tersebut telah menyebabkan binatang-binatang yang melalui kawasan itu akan tertarik untuk mendengarnya dan akhirnya mereka leka sehingga mati kelaparan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:58)

Cerita *Tok Perindu* yang mengisahkan tentang satu tanjung yang dikatakan mempunyai penunggu yang menetap di dalam rumpun buluh dan mengeluarkan satu suara yang merdu sehingga menarik perhatian apa sahaja yang melintas kawasan tersebut sehingga menyebabkan orang bahkan haiwan yang melalui kawasan tersebut mati kelaparan. Gajah-gajah yang dibawa oleh tentera Siam telah tertarik dengan suara merdu yang keluar dari rumpun buluh tersebut dan menyebabkan gajah-gajah tersebut mati. Watak tentera Siam yang terdapat dalam cerita *Tok Perindu* ini, telah menggambarkan sifat semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong yang jitu dalam menanam bangkai gajah tersebut. Contohnya, sebagai tanda penghormatan, mereka saling tolong-menolong dalam menanam bangkai gajah yang telah mati itu sebelum mereka kembali pulang. Sifat yang ditunjukkan oleh tentera Siam wajar dijadikan contoh tauladan bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu serta saling tolong-menolong dalam melakukan sesuatu perkara. Tolong-menolong merupakan satu kewajipan kepada setiap individu dalam memberikan bantuan kepada orang di sekeliling yang memerlukan pertolongan (Hashim Musa, 2008).

Sifat semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong ini telah memperlihatkan unsur didaktik dimana ia telah membuktikan bahawa individu atau masyarakat yang memiliki sifat ini dapat mewujudkan keharmonian dan keamanan dalam sesebuah masyarakat. Sehubungan dengan itu, sifat semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong ini dilihat selari dengan Pendekatan Moral. Hal ini kerana menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Moral berperanan sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi kesan yang buruk atau baik kepada mereka. Misalnya, menerusi semangat bermasyarakat dalam tolong-menolong, pengarang telah memperlihatkan sifat masyarakat yang gemar menghulurkan bantuan kepada orang yang dalam kesusahan. Dengan adanya sifat ini, ianya dapat meringankan beban setiap manusia yang berada dalam kesusahan sekaligus dapat mengeratkan hubungan silaturahmi sesama insan.

#### 4.7 Penutup

Melalui penelitian dan analisis yang telah dilakukan, dapat dilihat teks *Seuntai*an *Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini banyak memaparkan unsur didaktik yang dapat dijadikan sebagai medium Pendekatan Moral kepada masyarakat. Unsur didaktik yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat Melayu menerusi teks ini dapat dilihat melalui sifat keberanian, baik hati, berdikari, hormat-menghormati dan semangat bermasyarakat. Cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan ini wajar dipertahankan dan disebarakan dengan lebih meluas kepada masyarakat masa kini agar ia dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada seluruh masyarakat. Masyarakat kini boleh menjadikan cerita-cerita rakyat ini sebagai satu medium hiburan, pengajaran atau pendidikan bagi membentuk keperibadian diri ke arah yang lebih baik.

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Menerusi bab ini, pengkaji telah menyimpulkan segala hasil dapatan pengkajian ini. Selain itu, pengkaji turut mengemukakan implikasi kajian ini serta cadangan untuk membantu pengkaji lain dalam meneruskan kajian ini di masa hadapan.

5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, cerita-cerita rakyat yang terkandung di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini sememangnya sarat dengan unsur didaktik mahupun nilai-nilai murni yang mampu membantu dalam pembentukan keperibadian moral seseorang insan tersebut ke arah positif. Seperti yang kita semua sedia maklum, cerita rakyat merupakan satu wadah yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu terdahulu sebagai hiburan, pengajaran mahupun menyampaikan pemikiran yang terselit dalam cerita tersebut. Seterusnya, cerita-cerita rakyat dalam teks yang telah dihasilkan oleh pengarang ini dilihat berkemampuan dalam menyampaikan unsur didaktik dan menerapkannya dalam diri pembaca atau masyarakat. Setiap cerita di dalamnya mengandungi keunikan dan unsur didaktik yang tersendiri, seperti yang terdapat dalam beberapa cerita rakyat Melayu yang telah dipilih dan diteliti oleh pengkaji supaya ianya dapat memberikan manfaat kepada khalayak pembaca.

Pengkajian ini telah membincangkan mengenai unsur didaktik menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini

telah dijalankan berikutan terdapat kelompongan pada kajian terdahulu dari aspek kajian unsur didaktik dalam cerita-cerita rakyat Melayu terutamanya menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini. Selain itu, cerita-cerita rakyat Melayu yang terdapat menerusi teks ini dilihat banyak pengajaran moral yang dimuatkan untuk dijadikan iktibar, panduan dan teladan kepada masyarakat pada masa kini atau generasi yang akan datang.

Sehubungan dengan itu, pengkajian ini turut memperlihatkan pengaplikasian Pendekatan Moral seperti yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang bagi menghuraikan unsur didaktik yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2017), Teori Pengkaedahan Melayu ini sangat memberi penekanan terhadap nilai dan pengajaran yang baik demi ketamadunan manusia sejagat. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dimana cerita-cerita rakyat Melayu ini dilihat sebagai satu pendekatan moral yang bertindak sebagai pendidik dan teladan yang baik kepada khalayak masyarakat.

Seterusnya, cerita-cerita rakyat Melayu ini juga dilihat sinonim dengan kehidupan masyarakat Melayu. Karya yang berbentuk seperti ini telah menjadi wahana penyampaian yang berkesan sebagai pembentukan sahsiah dan akhlak masyarakat terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Unsur didaktik yang ditonjolkan dalam cerita-cerita rakyat Melayu ini dapat dilihat menerusi sifat keberanian, baik hati, berdikari, hormat-menghormati dan semangat bermasyarakat. Unsur didaktik yang terpancar menerusi cerita-cerita rakyat Melayu ini dilihat dapat meningkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat.

### 5.3 Implikasi

Implikasi penelitian dan pengamatan pengkajian ini dapat memberi manfaat kepada diri pengkaji sendiri bagi menilai segala unsur didaktik yang ditonjolkan dalam cerita-cerita rakyat Melayu ini. Pengkaji mampu menerokai unsur didaktik yang diterapkan oleh pengarang dengan lebih mendalam untuk dijadikan manfaat dalam membentuk perilaku dan keperibadian yang baik. Cerita rakyat adalah sebuah karya kesusasteraan tradisional yang merangkumi nilai kehidupan masyarakat Melayu. Menerusi kajian ini secara jelas dapat membantu masyarakat Melayu untuk mengetahui dan mendalami unsur didaktik yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang dapat membantu masyarakat hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni. Seterusnya, melalui pengkajian ini juga mampu meningkatkan lagi ilmu pengetahuan pengkaji mengenai cerita rakyat ini. Pengkajian ini dilihat dapat memartabatkan semula cerita rakyat yang sememangnya memiliki nilai-nilai murni dan sesuai dijadikan teladan kepada semua lapisan umur.

Selain itu, kajian unsur didaktik menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini juga dilihat penting dalam bidang kesusasteraan dimana ia mampu memupuk daya imaginasi yang positif terhadap khalayak dan seterusnya memahami dan menyelami pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang. Hal ini secara tidak langsung, turut dapat membentuk perwatakan atau keperibadian seseorang insan. Penghayatan khalayak terhadap cerita-cerita rakyat Melayu ini membolehkan mereka mengambil iktibar dan menjadikan watak-watak yang terdapat dalam cerita ini sebagai teladan dalam kehidupan.

Seterusnya, unsur didaktik yang dianalisis dalam cerita-cerita rakyat Melayu ini juga dilihat penting kerana ia mampu memberi cerminan yang positif kepada masyarakat. Seperti yang kita sudah sedia maklum, cerita rakyat memiliki pelbagai nilai-nilai murni

dan pengajaran yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian masyarakat. Menurut Fatimah Md. Yassin (1990), cerita rakyat mengandungi segala perihal yang dapat dijadikan sebagai medium hiburan dan pengajaran yang dapat membantu dalam pembentukan perilaku dan moral masyarakat. Menerusi nilai-nilai murni dan pengajaran yang digambarkan pada watak-watak yang terdapat dalam cerita-cerita ini membolehkan khalayak mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Manakala, unsur didaktik yang terkandung dalam sesebuah cerita rakyat ini juga boleh membawa pembaca ke arah matlamat yang diinginkannya dengan mengikuti landasan yang betul, sekaligus dapat membentuk keperibadiannya yang baik dalam kalangan masyarakat. Masyarakat yang mempunyai keperibadian yang baik dapat memelihara ikatan persaudaraan yang sedia ada dan membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

#### 5.4 Cadangan

Pembaharuan yang lebih menarik terhadap cerita-cerita rakyat Melayu dan bersesuaian mengikut peredaran zaman amatlah diperlukan bagi membolehkan pengajaran dan nilai-nilai murni yang terdapat menerusi cerita rakyat ini disampaikan kepada seluruh masyarakat kini dan generasi pada masa hadapan. Dek kerana itu, cerita-cerita rakyat Melayu ini perlu lebih divariasikan atau diinovasikan dan tidak hanya tertumpu kepada penulisan teks sahaja sebaliknya lebih kepada penggunaan medium yang bersesuaian mengikut peredaran zaman dan teknologi pada masa sekarang. Misalnya, cerita rakyat Melayu boleh dihasilkan dalam bentuk video atau animasi seperti filem, drama atau sebagainya bagi menarik perhatian masyarakat untuk menghayati dan mendalami cerita-cerita ini dengan lebih mendalam sekaligus dapat menyampaikan pengajaran kepada masyarakat.

Cerita-cerita rakyat Melayu pada masa kini dilihat kurang diketahui disebabkan kekurangan penulis yang menghasilkan karya yang berkenaan cerita-cerita rakyat Melayu yang terdapat di seluruh negara ini. Oleh itu, setiap penulis haruslah mengambil langkah yang lebih proaktif seperti menggunakan teknologi yang moden pada masa kini bagi memartabatkan semula dan mempromosikan cerita-cerita rakyat Melayu yang sarat dengan unsur didaktik ini ke seluruh dunia. Tindakan penulis yang telah mengumpul cerita-cerita rakyat yang terdapat di Malaysia dan membukukannya dilihat salah satu inisiatif yang sangat berkesan bagi mengelakkan cerita-cerita ini hilang di pendengaran masyarakat pada masa kini. Hal ini telah memperlihatkan peranan penting pengarang-pengarang karya sastera yang terdapat di Malaysia ini untuk mengangkat semula cerita-cerita rakyat yang terdapat di seluruh negara ini bagi menyampaikan pengajaran atau pendedahan kepada masyarakat melalui sejarah cerita-cerita rakyat ini. Rentetan daripada itu, masyarakat dapat menjadikannya



sebagai panduan dan medium pendidikan moral dalam membentuk sahsiah diri yang lebih baik.

Natijahnya, pengkaji berharap agar kajian berkenaan unsur didaktik dalam cerita-cerita rakyat Melayu ini mampu memberi pendedahan sedikit sebanyak unsur didaktik yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu serta membantu menambahkan khazanah ilmu khususnya di Universiti Malaysia Kelantan.



## 5.5 Penutup

Penghasilan kajian ini diharapkan dapat membantu serta memberi manfaat kepada seluruh masyarakat mahupun kepada individu yang terlibat dalam penyelidikan dan pembelajaran berkaitan kesusasteraan dan khususnya kajian yang berkaitan unsur didaktik menerusi cerita-cerita rakyat Melayu. Sehubungan dengan itu, pengkaji berharap semoga pengkajian ini mampu memberi kesedaran kepada pelbagai pihak tentang kepentingan unsur didaktik dalam cerita-cerita rakyat Melayu dalam membentuk masyarakat yang mempunyai keperibadian dan perlakuan yang lebih baik dan harmoni.



## Bibliografi

- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Abd Rahim, Normaliza Abdul Halim, Hazlina Mamat, Roslina Mansor & Nor Shahila (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*. 25 (1), 12-21.
- Aboebakar Atjeh (1988). *Akhlak dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Adidah Abd Gani (2018). *Peranan Srikandi Melayu: Satu Penelitian Terhadap Watak-Watak Terpilih dalam Cerita Rakyat Melayu di Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron & Siti Norlina Muhamad (2004). Budaya Penyayang dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*. Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September.
- Ahmad Sunawari Long (2008). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2002). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al Ashadi Alimin & Saptiana Sulastri (2018). Nilai keberanian dalam Novel Negeri di Hujung Tanduk Karya Tere Liye. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. 3 (1), 1-5.
- Amir A. Rahman (1991). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atar Semi (1984). *Anatomi Sastra*. Padang: Sridharma.
- Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri & Rohaidah Kamaruddin (2018). Nilai Murni dalam Cerita Sang Kancil. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 5 (1), 92-102.
- Awang Hasmadi Awang Mois (2001). *Adat Melayu Sarawak: Adat Melayu Serumpun* (Abdul Latiff Abu Bakar, Ed). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Beckson Karl, & Ganz Arthur (1960). *Literary Terms a Dictionary*. New York: Farrar, Straus & Giroux.
- Brayman, A. (2008). *Social Research Methods*. (3<sup>rd</sup> ed). New York: Oxford University Press.
- Burhanuddin (2000). *Etika Individual*. Jakarta: Rineka Cipta
- Che Abdullah Che Ya (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*. 17 (2). 328-342.

- Ezzah' Afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015). Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara. *Journal of Business and Social Development*. 3 (2), 63-79.
- Fatimah Md. Yassin (1990). *Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan: Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika*. Dialog Kesusasteraan. Disunting oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin dan Zahir Ahmad. 79-110. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Fifi Rinyuk (2017). *Nilai-nilai Moral dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2 (4), 1-11.
- Hashim Awang (1985). *Teman Pelajar Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang (1993). Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air (Bahagian Akhir). *Dewan Sastera*. 2: 48-57.
- Hashim Awang (1994). *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu dalam Pengarang, Teks dan Khalayak*. (Sahlan Mohd Saman, Ed) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1997). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Hassan Hamzah (1997). *Kamus Ensiklopedia*. Kuala Lumpur: Anzagain.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal of Arts and Social Science*, [S.I.]. (5) 1, 43-56.
- Hazrul Mazran Rusli (2018). *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari*. Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ibrahim Mamat (1997). *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Ismail Abd Muttalib & Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (2016). Kajian Sikap Rakyat Malaysia Terhadap Kesetiaan Kepada Negara. *Journal of Techno-Social*. 8 (2), 56-59.
- Jean Bodin (1576). *Les Six Livres de La Republique I, Bab VIII, Paris*. Jakarta: Penerbit Ghalia Indonesia.
- Johari Yahaya (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia.
- Jumali Selamat (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

- Kamus Dewan* (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Metzger, L. (2007). *Nilai-Nilai Melayu Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Minah Sintian (2015). *Personaliti Ibu Bapa dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Minah Sintian (2019). Nilai-Nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Mustari (2011). *Nilai Karakter*. Yogyakarta: LaksBang PRESSindo.
- Mohd Ali Hashimi (1992). *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 6 (2), 121-143.
- Mohd Fahmi Ismail (2016). *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 03 (2015), 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*. 5 (2), 67-74.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 5 (2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 6 (1), 117- 134.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 45-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Cadangan Memartabat Cerita Rakyat. *Seminar Budi dan Nilai Murni, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan*, 22-23 Mei.

- Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat. *Seminar Budi dan Nilai Murni, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan*, 22-23 Mei.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Gambaran Nilai Murni dalam Seuntai Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pengaplikasian Konsep Rohani. *Journal of Business and Social Development*. 6 (2), 46-55.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). *Nilai-nilai murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. 16 (2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. 8 (1), 1-14.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 06 (2017), 35-44.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5 (4), 26-30.
- Mohd Taib Osman (1990). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 10 (2), 48-56.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Penemuan Nilai-nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20 (1), 79-92.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. 8 (2), 16-27.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12 (1), 11-25.
- Muhammad Safwan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*. 1 (1), 296-329.
- Mustafa Daud (1991). *Tamadun Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Mustafa Daud (1995). *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*. 32 (1), 116-144.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda: Child Education through Surah Luqman in Ayahanda Novel. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*. 30 (1), 103-129.
- Naizalaila Mustapha (2019). *Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Undergraduate Final Year Project Report.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 4 (2), 37-43.
- Nik Salida Suhaila Nik Salleh (2010). *Islam Hadhari: Rakyat Berjiwa Merdeka*. Bandar Baru Nilai: Penerbit KUIM.
- Noor Hazwany Haji Arifin & Noryamisma Ismail (2020). Pemikiran Marzuki Ali dalam 'Khazanah Segala Rimbun'dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*. 25 (1), 136-158.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021). Ritual dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 9 (1), 18-29.
- Norazit Selat (2001). *Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan*. Dlm. *Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzuim Melaka.
- Norita Ariffin (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Norzatul Iqma Mohd Noor (2020). *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Undergraduate Final Year Project Report.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020). Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*. 3 (2), 147-160.
- Nur Safiah Mohamad Zakir (2020). *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Undergraduate Final Year Project Report.
- Nur Shahirah Othman (2020). *Akal Budi Orang Melayu dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*. 19 (2). 287-305.

- Nurani Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019). Pemikiran Islam dalam Konteks Sosioekonomi dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu*. 30 (1), 167-187.
- Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2 (2), 1-15.
- Nurul Safiah Ab. Rahim (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Undergraduate Final Year Project Report.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 8 (2), 49-59.
- Othman Puteh (1984). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul Findley (1995). *Mereka Berani Bicara*. Bandung: Mizan.
- Peter Irons (2003). *Keberanian Mereka yang Berpendirian*. Bandung: Angkasa.
- Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018). Sajak-Sajak Badaruddin Ho Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*. 29 (1), 156-180.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018). Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2 (4), 1-15.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020). Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2 (3), 71-82.
- Ramlah Adam (2005). *Kajian Tahap Pemahaman, Penghayatan Dan Pengamalan Rukun Negara Di Kalangan Pelajar IPT*. Geran Penyelidikan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Daripada Cetak kepada digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12 (2), 291-319.
- Schiller, Pam & Tamera Bryant (2002). *Baca Buku 16 Moral Dasar Bagi Anak*. Jakarta: Elex Media Komputindo.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12 (2), 67-79.
- Siti Fatimah Abdul Rahman (2000). *Aktiviti Sukarela: Satu Bentuk Kebajikan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Siti Zuhaidah Binti Zakeria (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.



- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. 4 (1), 93-103.
- Swettenham, F. (2003). *Perihal Orang Melayu* (Zubaidah Ibrahim, Ed). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic (IJLEAL)*. 7 (2), 47-63.
- Syed Ali Ashraf (1989). *Prinsip dan Kaedah Islam di Dalam Pengajaran Ilmu Kesusasteraan, Falsafah Kesusasteraan dan Seni Halus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Tengku Lukman Sinar (2001). *Adat dan Budaya Melayu di Pesisir Pantai Timur Sumatera. Adat Melayu Serumpun* (Abdul Latiff Abu Bakar, Ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11 (2), 126-140.
- Uthaya Shankar, S. B (1998). *Genius & Maru Malarchi*. Kertas Kerja Seminar Kesusasteraan di Malaysia.
- Wan Kamarull Ariffin Wan Khairul Faiz (2019). *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Undergraduate Final Year Project Report.
- Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010). *Nilai Murni dalam Novel Imam*. Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018). *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* (2015). Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Wan Nurzafirah Wan Zin (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Undergraduate Final Year Project Report.
- Zainal Abidin Safarwan (1997). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors
- Zurinah Hassan (2010). *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Biodata Penulis



Nama diberi Siti Norsyahira Binti Md Sabri dan merupakan anak jati kelahiran Negeri Kedah. Penulis dilahirkan pada tanggal 15 Disember 1998 di Hospital Langkawi dan merupakan anak pertama daripada empat orang adik-beradik. Penulis kini menetap di Kampung Nyior Chabang, Langkawi, Kedah bersama kedua ibu bapa yang tersayang Siti Hajar Mat Isa dan Md Sabri Md Rejab. Seterusnya, penulis mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Nyior Chabang daripada darjah satu hingga darjah enam (2005-2010). Kemudian, penulis melanjutkan pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra daripada tingkatan satu hingga tamat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (2011-2017). Kini, penulis menuntut di Universiti Malaysia Kelantan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian. Matlamat hidup penulis adalah ingin mencapai cita-cita yang diidamkan dan memberikan kebahagiaan buat keluarga tercinta.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN